



APPGM-SDG
MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPAAN



PERSATUAN PROMOSI
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020

Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025

Wilayah Sabah


P.170 Tuaran

Laporan Disediakan Oleh:
Mc Jeanet Lempisik @ Marx & Nur Fadilah Mohamad



Laporan Pemetaan Isu Parlimen P.170 Tuaran

Disediakan oleh:
Mc Jeanet Lempisik @ Marx & Nur Fadilah Mohamad



KATA ALUAN **I**

KATA PENGANTAR **III**

Pengenalan **V**

BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU **1 - 22**

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN **23 - 28**

- 1.1 Geografi/Topografi 23
- 1.2 Komposisi Penduduk 24
- 1.3 Kegiatan Ekonomi Utama 25
- 1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan 26

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN **29 - 32**

- 2.1 Pendekatan Kajian 29
- 2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan 31
- 2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan 31
- 2.4 Keterbatasan Kajian 32

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG **33 - 50**

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU **51 - 137**

- 4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu 51
- 4.2 Pengutamaan Isu 113

**5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK
PENYELESAIAN** **138**

6.0 RUJUKAN **141**

P.170 TUARAN

KATA ALUAN

YB DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BANDY

Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG;

Ahli Parlimen Kalabakan (P.191)



Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Dengan penuh rasa syukur, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan penerbitan *Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen – Wilayah Sabah 2025*. Usaha pemetaan ini bukan sekadar himpunan data; ia menzahirkan iltizam kita untuk benar-benar mendengar suara komuniti dari pesisir hingga pedalaman, dari bandar ke kampung dan menterjemahkannya menjadi tindakan.

Sabah memiliki kekuatan yang istimewa dengan kepelbagaian etnik dan budaya yang harmoni, khazanah alam semula jadi yang luas, serta potensi ekonomi yang merentasi perikanan, pertanian, pelancongan, tenaga boleh baharu dan sumber semula jadi. Pada masa yang sama, kita berdepan pelbagai isu dan cabaran struktural yang memerlukan perhatian konsisten. Laporan ini mengangkat cabaran tersebut dengan telus, dan yang lebih penting, mengemukakannya sebagai agenda kerja yang boleh dilaksanakan.

Pendekatan libat urus komuniti yang digerakkan telah memperkukuhkan prinsip bahawa isu ditentukan oleh komuniti, keutamaan dipilih secara telus, dan cadangan diikat dengan peranan pelaksana yang jelas. Melalui kerangka Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), kita menempatkan realiti tempatan sebagai pandu arah yang meletakkan SDG sebagai kompas, bukan beban birokrasi. Peningkatan kualiti prasarana dan perhubungan yang menyokong ekonomi wilayah (SDG 9), pengukuhan kesejahteraan penempatan bandar dan luar bandar yang menambah daya tahan komuniti (SDG 11), pemerkasaan pekerjaan dan keusahawanan yang memanjangkan nilai dalam rantai ekonomi setempat (SDG 8), serta tadbir urus sumber air, pesisir dan hutan yang menjamin kesinambungan modal

semula jadi Sabah (SDG 13, 14 dan 15) dan semuanya digarap sebagai hala tuju yang praktikal.

Lebih daripada sebuah laporan, dokumen ini berfungsi sebagai kompas pelaksanaan: menetapkan sasaran hasil yang nyata, menyelaraskan peranan Kerajaan Negeri dan Persekutuan bersama pihak berkuasa tempatan, memperincikan keperluan kapasiti agensi pelaksana, serta memperluas ruang penglibatan komuniti dan rakan masyarakat sivil dalam pemantauan. Kejayaan kita tidak akan diukur pada bilangan halaman, tetapi pada air paip yang mengalir ke rumah yang memerlukan, jalan penghubung yang siap dan selamat, lesen perniagaan yang diluluskan secara telus dan cepat, serta peluang ekonomi yang terhasil di kampung dan pekan.

Akhir kata, saya merakamkan penghargaan yang setulus-tulusnya kepada Sekretariat APPGM-SDG, para Pengarah, Ahli-ahli Parlimen di Sabah, kerajaan Wilayah dan Persekutuan serta agensi-agensinya, pihak berkuasa tempatan, rakan sektor swasta, pertubuhan masyarakat sivil, serta seluruh komuniti yang menjadi nadi pemetaan ini. Semoga penerbitan ini menjadi asas yang kukuh untuk kita melangkah lebih jauh serta menjadikan Wilayah Sabah sebagai model pembangunan yang maju, makmur, dan mampan.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Andi Muhammad Suryady Bandy

Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG

KATA PENGANTAR

JAMES RYAN RAJ

*Pemangku Timbalan Pengarah Eksekutif,
APPGM SDG*



Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) aktif sejak 2020 menggerakkan penyetempatan SDG di kawasan-kawasan Parlimen seluruh negara. Berteraskan pemetaan isu, APPGM-SDG melaksanakan perbincangan kumpulan fokus (FGD) bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran setempat dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang bersesuaian. Dari 2020 hingga 2024, APPGM-SDG telah melaksanakan kerja lapangan di 115 kawasan Parlimen. Pada 2025, inisiatif ini diperluas ke 28 kawasan Parlimen baharu, membolehkan pasukan mendalami isu akar umbi dan menetapkan keutamaan tempatan. Lawatan tapak menyediakan gambaran menyeluruh mengenai realiti lapangan dan membantu mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil gerak kerja tersebut, sebanyak 28 laporan pemetaan isu disediakan pada tahun 2025 dan dihipunkan dalam jilid “Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen”. Kompilasi ini disusun mengikut zon/wilayah - Tengah, Utara, Selatan, Pantai Timur, Sabah dan Sarawak seperti diringkaskan dalam Jadual 1. Turut disertakan laporan bergambar yang merekodkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Di samping itu, laporan individu bagi setiap kawasan Parlimen turut disediakan untuk memudahkan rujukan Ahli Parlimen dan pihak berkepentingan.

Jadual 1: Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	5
Jilid 2	Zon Pantai Timur	4	2
Jilid 3	Zon Tengah	3	3
Jilid 4	Zon Selatan	6	4
Jilid 5	Wilayah Sabah	4	2
Jilid 6	Wilayah Sarawak	2	2
JUMLAH KESELURUHAN		28	

Laporan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara akar umbi termasuk lah emosi, keperluan dan keutamaan komuniti setempat. Walaupun transkrip penuh FGD belum disertakan, analisis situasi yang dibentangkan sudah memadai untuk menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen terlibat dan boleh diakses oleh orang awam atas permintaan bagi tujuan kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan menjadi asas perbincangan seterusnya di peringkat Parlimen serta bersama agensi dan kementerian berkaitan. Matlamat utama ialah merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong penambahbaikan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

Penghargaan

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2025. Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Nurul Syaza Mazelan dan Hirzawati Atikah Mohd Tahir selaku penyunting utama siri enam jilid ini atas dedikasi menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr. Teo Lee Ken, Nurul Syaza Mazelan, Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr. Thanaraj Murudi, Dr. Eva Kristin Larry Sait, Siti Noraiysah Rohim, Raine Melissa Riman, Nur Syadhira Mohd Razali, Nuha Mysara Mohd Hisam, Lydia Ann Anak Bill, Fatimah Binti Mohd Yasin, Tariq Ziad bin Abdul Razak dan Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Zoel Ng, dan khususnya Hirzawati Atikah Mohd Tahir, Kezia Sim Kui Ting dan Arif Azhad Abdul Ghaffar serta Afiqah Abdul Malik dari Pejabat Ketua Sekretariat atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya. Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

PENGENALAN


MC JEANET LEMPISIK @ MARX

Pemangku Ketua Wilayah Sabah, APPGM-SDG



Pada tahun 2025, APPGM-SDG memperkukuh gerak kerja pemetaan SDG dengan pendekatan yang berkesan, inklusif dan seragam merentas lokasi. Penegasan inti pada tahun ini adalah penambahbaikan proses pemetaan isu sebagai asas penyetempatan SDG, di samping penyeragaman kaedah catatan kajian dan pelaporan. Proses pemetaan isu kekal sebagai fasa awal yang kritikal dalam penyetempatan SDG oleh APPGM-SDG. Sebagai permulaan kepada kitaran intervensi, pemetaan perlu berfungsi sebagai penanda aras yang kukuh dengan proses libat urus yang cekap, telus dan inklusif bersama pihak berkepentingan. Justeru, APPGM-SDG memberi tumpuan kepada penglibatan menyeluruh dan mengarusperdanakan pandangan komuniti, agensi dan pemimpin tempatan agar perspektif yang pelbagai diambil kira secara serius. Kajian lapangan laporan pemetaan isu berperanan sebagai wahana utama untuk memaparkan analisis dapatan, keutamaan tindakan serta tahap penglibatan pihak berkepentingan di setiap kawasan dan tahap.

Bagi tahun 2025, APPGM-SDG telah melaksanakan gerak kerja pemetaan isu yang melibatkan 28 kawasan parlimen (Rajah 1) yang merangkumi beberapa kawasan di setiap zon dan wilayah, menjangkau Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Di setiap kawasan, kerjasama turut diperkukuh dengan agensi peringkat kerajaan tempatan termasuklah Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) serta pihak berkuasa tempatan atau entiti setara yang berperanan sebagai penyelaras lapangan, pemudah cara mobilisasi komuniti dan rujukan data setempat (Jadual 1).



Rajah 1 : 28 Kawasan Parlimen bagi Tahun 2025

Semasa di lapangan, pasukan penyelidik mengamalkan langkah etika yang ketat seperti persetujuan rakaman/visual, kerahsiaan. Namun beberapa cabaran mengiringi gerak kerja 2025. Antaranya adalah seperti kesukaran mendapatkan penyertaan seimbang merentas kelompok sasaran; kualiti audio tidak konsisten yang menuntut integrasi analitikal dengan nota lapangan; pertindihan perbualan semasa FGD yang memerlukan penyaringan teliti; serta kekangan logistik seperti jadual, tempat, fasiliti yang mempengaruhi jumlah sesi dan kejutuan bukti. Walaubagaimanapun, cabaran-cabaran ini diimbangi dengan penetapan jadual semula, bantuan penghulu dan pihak pejabat daerah dan tanah untuk mobilisasi, pemetaan pihak berkepentingan yang lebih awal, serta kaedah catatan kajian berganda untuk mengekalkan integriti data.

Daripada segi kandungan, laporan ini dibentuk untuk memudahkan pembaca memahami setiap zon dan wilayah secara bertahap dan semakin mendalam. Bahagian 1 menghuraikan latar kawasan meliputi geografi, topografi, komposisi penduduk, aktiviti ekonomi, dan kaitannya dengan sasaran SDG relevan. Bahagian 2 menerangkan metodologi, langkah etika, kekangan lawatan dan keterbatasan kajian. Bahagian 3 merumuskan isu-isu rentas SDG, berpandukan tema-tema seperti pendidikan, kemahiran, pekerjaan, budaya/warisan, keselamatan jalan, pertanian, pengairan, konflik manusia-haiwan, akses bantuan kebajikan, dan infrastruktur asas. Bahagian 4 pula menghimpunkan gambaran keseluruhan pemetaan mengikut isu utama, penerangan isu, tindakan serta maklum balas daripada agensi-agensi berkaitan. Bahagian 5 menyenaraikan pengenalan awal projek penyelesaian jangka masa pendek sebagai

langkah intervensi komuniti yang memberi impak tinggi, segera dan langsung, beserta cadangan rakan pelaksana dan penjajaran SDG. Dengan susun atur sebegini, laporan pemetaan isu kawasan parlimen 2025 ini berfungsi sebagai dokumen rujukan tindakan bagi peralihan daripada pembawaan suara komuniti akar umbi kepada perancangan pelan tindakan dan seterusnya kepada program perlaksanaan yang realistik dan terukur.

PEMETAAN ISU DI WILAYAH SABAH

Wilayah Sabah yang terdiri daripada Parlimen Tuaran, Putatan, Semporna dan Labuan memperlihatkan kepelbagaian demografi, sosioekonomi dan geografi yang menggambarkan corak pembangunan tidak sekata antara Sabah dan Wilayah Persekutuan. Tuaran menonjol dengan komposisi masyarakat Kadazandusun dan Bajau serta kekuatan dalam pelancongan budaya dan agro, disokong oleh tanah subur dan pesisir pantai yang produktif untuk pertanian serta perikanan. Putatan, sebagai daerah pesisir berhampiran Kota Kinabalu, berkembang pesat dengan ciri separa bandar dan menjadi tumpuan perdagangan kecil serta perkhidmatan, meskipun terdedah kepada tekanan urbanisasi. Semporna, bermajoriti Bajau Laut dan Suluk, mempunyai keunikan tersendiri melalui tarikan maritim seperti Taman Marin Tun Sakaran dan Pulau Sipadan, namun terus berdepan cabaran kemiskinan, kekangan akses pendidikan dan isu dokumentasi penduduk. Labuan, sebagai Wilayah Persekutuan dan pusat kewangan luar pesisir, menampilkan komuniti kosmopolitan dengan ekonomi teras dalam minyak dan gas, logistik, perdagangan serta pelancongan. Di sebalik kelebihan tersendiri, kawasan-kawasan ini berkongsi corak isu rentas komuniti yang melibatkan keterhadapan infrastruktur asas, ketidakseimbangan peluang ekonomi, cabaran penyertaan belia dan wanita dalam pasaran kerja, serta tekanan ekologi akibat pembangunan pesisir dan ekonomi berasaskan sumber.

Salah satu isu yang paling menonjol ialah pengurusan sisa pepejal, yang jelas berkait rapat dengan kedudukan geografi pesisir, pertumbuhan penduduk, serta aktiviti pelancongan dan ekonomi berintensifkan sumber. Di Tuaran, pertambahan hasil sisa berpunca daripada pembangunan pelancongan dan pertanian yang kurang disokong sistem pengasingan dan kitar semula. Putatan pula berdepan lambakan sampah akibat kepadatan penduduk dan pembangunan komersial yang pesat. Di Semporna, pencemaran pesisir dan laut menjejaskan ekosistem marin serta reputasi pelancongan, manakala Labuan bergelut dengan kapasiti tapak pelupusan yang terhad serta pencemaran plastik marin, walaupun statusnya sebagai pusat perdagangan dan pelancongan antarabangsa. Corak sepunya ini mencerminkan kelemahan infrastruktur pengurusan sisa yang tidak seiring dengan kadar penghasilan sampah, sekali gus meletakkan tekanan tambahan kepada komuniti pesisir dan pulau. Hal ini menuntut pendekatan rentas daerah untuk membina sistem pengurusan sisa yang lebih mampan, inovatif, dan inklusif.

Selain itu, isu kebajikan dan penuaan penduduk semakin signifikan merentasi keempat-empat kawasan. Peningkatan populasi warga emas tanpa sokongan komuniti dan fasiliti penjagaan yang mencukupi bukan sahaja menjejaskan kesejahteraan golongan tersebut tetapi turut membebankan keluarga berpendapatan rendah. Dari segi ekonomi, keterbatasan penglibatan warga emas dalam pasaran kerja menyumbang kepada penurunan produktiviti, sementara kos penjagaan terus meningkat tanpa sistem sokongan sosial yang kukuh. Implikasi terhadap alam sekitar muncul apabila tenaga kerja muda yang semakin berkurangan tidak mampu menampung keperluan sektor asas seperti pertanian, perikanan, dan pengurusan sumber, sekali gus melemahkan daya tahan ekosistem. Dari perspektif tadbir urus, cabaran ini menuntut dasar lebih inklusif yang menekankan kebajikan, kesihatan, akses perkhidmatan, dan infrastruktur mesra warga emas. Oleh itu, intervensi jangka pendek dan sederhana perlu dipandu kepada pengukuhan pusat komuniti warga emas, penyediaan latihan penjaga (*caregiver*), skim sokongan keluarga, serta penglibatan warga emas dalam aktiviti sosial dan ekonomi ringan, bagi memastikan golongan ini terus menyumbang secara bermakna kepada kesejahteraan dan ketahanan komuniti.

Jadual 1. Senarai 28 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2025

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
1	Tengah	Sabak Bernam	P092	YB Tuan Kalam bin Salan	PN-BERSATU	Pejabat Daerah & Tanah (PDT) Sabak Bernam	Nur Syadhira Mohd Razali
2	Tengah	Hulu Selangor	P094	YB Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun	PN-PAS	PDT Hulu Selangor	Nuha Mysara Mohd Hisam
3	Tengah	Seputeh	P121	YB Puan Teresa Kok Suh Sim	PH-DAP	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	Nurul Syaza Mazelan
4	Utara	Padang Terap	P007	YB Tuan Nurul Amin bin Hamid	PN-PAS	PDT Padang Terap	Nurul Syaza Mazelan
5	Utara	Kuala Kedah	P010	YB Dr. Ahmad Fakhruddin	PN-PAS	PDT Kota Setar	Dr Thanaraj Murudi
6	Utara	Balik Pulau	P053	YB Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik	PH-PKR	PDT Barat Daya	Siti Noraiysah Rohim
7	Utara	Larut	P059	YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin	PN-BERSATU	PDT Selama	Dr Thanaraj Murudi
8	Utara	Kulim-Bandar Baharu	P018	YB Tuan Roslan bin Hashim	PN-BERSATU	PDT Kulim & PDT Bandar Baharu	Dr Thanaraj Murudi
9	Utara	Padang Rengas	P060	YB Kapten Azahari bin Hasan	PN-BERSATU	PDT Kuala Kangsar	Dr Teo Lee Ken

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENCI-AGENCI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
10	Utara	Gopeng	P064	YB Tuan Tan Kar Hing	PH-PKR	PDT Kampar	Lydia Ann Anak Bill
11	Utara	Lumut	P073	YB Komander (B) Nordin Bin Ahmad Ismail	PN-BERSATU	PDT Manjung	Dr Thanaraj Murudi
12	Utara	Teluk Intan	P076	YB Tuan Nga Kor Ming	PH-DAP	PDT Hilir Perak	Nurul Syaza Mazelan
13	Selatan	Jempol	P126	Dato' Haji Shamsulhakar Bin Haji Mohd Deli	BN-UMNO	PDT Jempol	Tariq Ziad bin Abdul Razak
14	Selatan	Jasin	P139	YB Tuan Zulkifli bin Ismail	PN-PAS	PDT Jasin	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
15	Selatan	Segamat	P140	YB Tuan Yuneswaran a/l Ramaraj	PH-PKR	PDT Segamat	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
16	Selatan	Sri Gading	P149	YB Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan	PH-AMANAHA	PDT Batu Pahat	Dr Teo Lee Ken
17	Selatan	Batu Pahat	P150	YB Tuan Haji Onn bin Abu Bakar	PH-PKR	PDT Batu Pahat	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
18	Selatan	Pulai	P161	YB Tuan Suhaizan bin Kaiat	PH-AMANAHA	Pejabat Daerah Johor Bahru	Siti Noraiysah Rohim
19	Timur	Maran	P089	YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd. Muttalib	PN-PAS	PDT Maran	Siti Noraiysah Rohim

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENCI-AGENCI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
20	Timur	Kota Bharu	P020	YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan	PN-PAS	Pejabat Tanah & Jajahan (PTJ) Kota Bharu	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
21	Timur	Pasir Puteh	P023	YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh	PN-PAS	PTJ Pasir Puteh	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
22	Timur	Besut	P033	YB Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh	PN-PAS	PDT Besut	Siti Noraiysah Rohim
23	Sabah	Tuaran	P170	YB Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau	PH-UPKO	Pejabat Daerah Tuaran	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
24	Sabah	Putatan	P173	YB Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya	BN-UMNO	Pejabat Daerah Putatan	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
25	Sabah	Semporna	P189	YB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Apdal	WARISAN	Pejabat Daerah Semporna	Puan Fatimah Binti Mohd Yasin
26	Sabah	Labuan	P166	Dato' Indera Dr. Suhaili Abdul Rahman	BEBAS	Perbadanan Labuan (Labuan Corporation)	Puan Fatimah Binti Mohd Yasin
27	Sarawak	Stampin	P196	YB Tuan Chong Chieng Jen	PH-DAP	Majlis Perbandaran Padawan (MPP) & Majlis Perbandaran	Raine Melissa Riman

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
						Kuching Selatan (MBKS)	
28	Sarawak	Lubok Antu	P203	YB Tuan Roy Angau anak Gingkoi	GPS-PRS	Pejabat Daerah Lubok Antu	Raine Melissa Riman

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu
P.170 Tuaran

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN TUARAN, YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

15 – 18 Mac 2025
(Sabtu – Selasa)

HARI 1

- 1.FGD 1: Komuniti Kg. Sinansag
2. FGD 2: Komuniti Kg. Ratau
3. FGD 3: Komuniti Kg. Lubok

HARI 3

9. FGD 7: Mukim Tenghilan; Komuniti Kg. Linsuk
10. FGD 8: Komuniti Mukim Topokon
11. FGD 9: Komuniti Kg. Kouluan

HARI 2

4. Lawatan Tapak 1: Asrama Transit Hidayah
5. Lawatan Tapak 2: Asrama Borombon
6. FGD 4: Komuniti Kg. Kindu
7. FGD 5: Komuniti Kg. Layan
8. FGD 6: Komuniti Giling Tengah

HARI 4

12. FGD 10: Komuniti NGO/Persatuan
13. Lawatan Tapak 3 – tema alam sekitar

PASUKAN PENYELIDIK



MC JEANET LEMPISIK
(Ketua Penyelidik)



NURRUL FAZLINA OSMAN




ANTHONY TAN KEE HUAT



NOR AMIRUL PUKIN



NUR SYADHIRA MOHD RAZALI



NUR FADILAH MOHAMAD

LAWATAN PEMETAAN KAWASAN TELAH DIJALANKAN PADA 15 – 18 MAC 2025 (SABTU – SELASA)

01



05 Februari 2025
Mesyuarat Awalan & Pemprofilan

02



13 Februari 2025
Mesyuarat Susulan 1

03



20 Februari 2025
Mesyuarat Pra-lawatan
(Pejabat Daerah Tuaran)

06



07 Mac 2025
Mesyuarat Susulan 2

05



27 Februari 2025
Mesyuarat Pra-lawatan
(Pejabat Daerah Kecil Tamparuli)

04



21 Februari 2025
Mesyuarat Pra-lawatan
(Pejabat Daerah kecil kiulu)

07



15 Mac 2025
FGD 1: Komuniti Kg. Sinansag

08



15 Mac 2025
FGD 2: Komuniti Kg. Ratau

09



15 Mac 2025
FGD 3: Komuniti Kg. Lubok

12



16 Mac 2025
FGD 4: Komuniti Kg. Kindu

11



16 Mac 2025
Lawatan Tapak 2: Asrama Borombon

10



16 Mac 2025
Lawatan Tapak 1: Asrama Transit
Hidayah

13



16 Mac 2025
FGD 5: Komuniti Kg. Layan

14



16 Mac 2025
FGD 6: Komuniti Giling Tengah

15



17 Mac 2025
FGD 7: Mukim Tenghilan; Komuniti Kg.
Linsuk

16



18 Mac 2025
FGD 10: Komuniti NGO/Persatuan

17



17 Mac 2025
FGD 9: Komuniti Kg. Kouluan

18



17 Mac 2025
FGD 8: Komuniti Mukim Topokon

19



18 Mac 2025
Lawatan tapak 3

05 FEBRUARI 2025 - MESYUARAT AWALAN & PEMPROFILAN



Mc Jeanet Lempisik dan Nurul Syaza Mazelan telah mengadakan mesyuarat awalan dan Pemprofilan bersama YB Datuk Seri Panglima Madius Tangau, Ahli Parlimen Tuaran. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh pegawai khas, iaitu En. Baxter. Mesyuarat telah membincangkan tentatif program serta mengenal pasti lokasi lawatan akan diadakan pada 13 Februari 2025. Lawatan tapak dijadualkan berlangsung pada 13 - 16 Mac 2025.

13 FEBRUARI 2025 - MESYUARAT SUSULAN



Satu mesyuarat susulan telah diadakan di Pejabat Pusat Khidmat Rakyat Tuaran, yang dihadiri oleh En. Kanil, En. Amandus, En. Esham, dan En. Syazwan, manakala wakil dari APPGM-SDG terdiri daripada Nurrul Fazlina Osman, Mc Jeanet Lempisik, Fatimah Mohd Yasin, dan Nor Amirul Pukin. Hasil perbincangan mesyuarat ini telah merangkumi beberapa cadangan lawatan tapak telah dikenal pasti dan akan dikemaskini dalam mesyuarat susulan yang akan datang. Tarikh lawatan tapak yang telah ditetapkan adalah dari 13 - 16 Mac 2025.

20 FEBRUARI 2025 - MESYUARAT PRA-LAWATAN (PEJABAT DAERAH TUARAN)



Pejabat APPGM-SDG Wilayah Sabah telah mengadakan Pra-Lawatan ke Pejabat Daerah Tuaran pada 20 Februari 2025. Mesyuarat ini dihadiri oleh ADO, En. Ali Khazrai, bersama En. Mohd Azmil dan Pn. Suhaila, manakala pihak APPGM-SDG Wilayah Sabah diwakili oleh Fazlina, Janet, Fatimah, dan Amirul. Dalam mesyuarat ini, ADO menyatakan sokongan penuh terhadap inisiatif APPGM-SDG dan komited untuk bekerjasama dalam pelaksanaannya. Hasil perbincangan ini, kedua-dua pihak bersetuju untuk mengadakan Interagensi Dialog (IAD) pada 26 Mac 2025.

21 FEBRUARI 2025 - MESYUARAT PRA-LAWATAN (PEJABAT DAERAH KECIL KIULU)

Satu mesyuarat pra-lawatan ke Pejabat Daerah Kecil Kiulu telah diadakan dengan kehadiran En. Cassin Aguh, Penolong Pegawai Tadbir, dan En. Amandus Juanis, Pegawai Khas bagi DUN Kiulu. Pihak APPGM-SDG Wilayah Sabah pula diwakili oleh Mc Jeanet Lempisik dan Amirul Pukin. Mesyuarat ini membincangkan dan menetapkan lokasi lawatan tapak di kawasan Kiulu sebagai sebahagian daripada perancangan lawatan tapak Tuaran pada 13-16 Mac 2025.

**27 FEBRUARI 2025 - MESYUARAT PRA-LAWATAN
(PEJABAT DAERAH KECIL TAMPARULI)**

Satu mesyuarat pra lawatan telah diadakan bersama Pejabat Daerah Kecil Tamparuli dengan kehadiran wakil dari APPGM-SDG Wilayah Sabah dan Pihak Pentadbiran Daerah Kecil Tamparuli. Wakil Pejabat Daerah Kecil Tamparuli yang hadir ialah Pn. Roslinah Patrick (Penolong Pegawai Tadbir), En. Mathew Gorudin (Penolong Tadbir), En. Rayner Francis Siun (Pegawai Jurutera), dan En. Browell Ginsawat (Pegawai Kesejahteraan Rakyat). Manakala, APPGM-SDG diwakili oleh Mc Janet dan Nur Fadilah Mohamad (Local Coordinator Kudat). Mesyuarat ini bertujuan untuk memperkenalkan APPGM-SDG serta menerangkan gerak kerja pemetaan isu di Parlimen Tuaran, termasuk daerah kecil Tamparuli. Perbincangan juga merangkumi pemetaan isu yang akan dilaksanakan di kawasan Parlimen Tuaran dari 13-16 Mac 2025. Selain itu, mesyuarat turut membincangkan penglibatan 9 agensi yang beroperasi di bawah pentadbiran Pejabat Daerah Kecil Tamparuli dalam sesi interagensi dialog yang dijadualkan pada 26 Mac 2025.

07 MAC 2025 - MESYUARAT SUSULAN 2



Satu mesyuarat susulan telah diadakan di Pejabat Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Tuaran. Mesyuarat ini dihadiri oleh En. Kanil Dayou (Pegawai DUN N14 Tamparuli), En. Jinik Boriking (Ketua Pegawai Khas Parlimen Tuaran), En. Amandus Juani (Pegawai DUN N15 Kiulu), En. Esham Tarmizi (Pegawai DUN N13 Dalit), En. Syazwan (Pegawai DUN N12 Sulaman), Pn. Arni Salleh (Pegawai Tadbir), dan En. Ernest Gadion (Pegawai Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat, UPPM). Manakala pihak APPGM-SDG Wilayah Sabah diwakili oleh Mc Jeanet Lempisik dan Amirul Pukin. Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan dan memperincikan perancangan serta jadual perjalanan sebagai persediaan bagi pelaksanaan Pemetaan Isu di Parlimen Tuaran, yang dijadualkan berlangsung pada 13 hingga 16 Mac 2025.



FGD 1: KOMUNITI KG. SINANSAG

FGD 1 telah melibatkan komuniti Kg. Sinansag. Antara isu yang telah dibangkitkan termasuk: **(1)** isu jambatan *Low-Level Crossing*. Jambatan ini sering tenggelam ketika musim hujan, menyukarkan penduduk untuk keluar mendapatkan keperluan asas. Petani juga tidak dapat mengeluarkan hasil pertanian, menyebabkan pembaziran sumber; **(2)** isu jalan tidak berturap dan curam. Keadaan jalan yang tidak berturap serta curam menyulitkan pergerakan kenderaan kecil. Pada musim hujan, laluan menjadi lebih berbahaya dan sukar dilalui; **(3)** Ketiadaan lampu jalan yang menyebabkan kesukaran bergerak pada waktu malam. Penduduk memerlukan sekurang-kurangnya 50 tiang lampu bagi keselamatan. Seterusnya, **(4)** tiada perkhidmatan klinik bergerak. Perkhidmatan klinik bergerak yang telah dihentikan, menyukarkan warga emas dan OKU mendapatkan rawatan. Jika paras air meningkat, penduduk tidak dapat keluar ke klinik pekan; **(5)** keperluan sistem bekalan air yang menyebabkan penduduk menghadapi masalah air keruh setiap kali hujan dan musim kemarau. Mereka perlu membeli sendiri peralatan seperti penapis air, tangki, dan paip. Selain itu, **(6)** ketiadaan kedai runcit atau koperasi - penduduk terpaksa membeli barangan keperluan di luar kampung, yang memerlukan kos pengangkutan tinggi. Ketiadaan kedai runcit membebankan golongan berpendapatan rendah; **(7)** penghentian bantuan kebajikan. Ramai warga emas tidak lagi menerima bantuan kebajikan kerana nama mereka dikeluarkan dari sistem. Walaupun mempunyai anak, mereka masih mempunyai tanggungan sendiri; **(8)** isu perumahan PPRT dan e-Kasih - Permohonan rumah PPRT dan bantuan e-Kasih masih belum mendapat kelulusan. Penduduk hanya diminta menunggu tanpa maklumat lanjut; **(9)** rangkaian telekomunikasi yang sangat terhad - hanya rangkaian Maxis boleh diakses. Ini menyukarkan komunikasi serta urusan pendidikan dan ekonomi digital; dan **(10)** Ekonomi dan Sumber Pendapatan - Penduduk bergantung kepada sektor pertanian seperti menoreh getah dan tanaman seperti nenas serta ubi kayu. Namun, mereka menghadapi kesukaran memasarkan hasil kerana akses pengangkutan yang terhad.



FGD 2: KOMUNITI KG. RATAU

FGD 2 telah melibatkan komuniti Kg. Ratau. Antara isu yang telah dibangkitkan termasuk: **(1)** ketiadaan liputan rangkaian telekomunikasi. Penduduk sukar mendapatkan maklumat terkini dan berkomunikasi kerana liputan rangkaian yang terhad. Hanya talian Maxis boleh digunakan, itupun di lokasi tertentu sahaja; **(2)** isu kekurangan akses ke kawasan pertanian. Kesukaran akses ke kawasan pertanian menyukarkan pengangkutan hasil tani. Keadaan ini memberi kesan kepada pengusaha pertanian dan menghalang perkembangan sektor ini; **(3)** keadaan jambatan gantung yang semakin reput. Dua jambatan gantung utama berada dalam keadaan uzur dan tidak selamat digunakan. Jambatan ini penting bagi penduduk menyeberangi sungai untuk aktiviti harian. Seterusnya **(4)** masalah bekalan air gravity. Sistem bekalan air gravity mengalami kerosakan tanpa penyelenggaraan menyeluruh. Penduduk terpaksa mengumpul dana sendiri untuk pembaikan dan pembelian peralatan gantian; **(5)** banjir di kawasan kampung kerana sistem perparitan yang tidak terancang. Parit yang kecil dan tersumbat menyumbang kepada masalah ini; **(6)** kekurangan saliran paip air ke sawah. Penduduk hanya bergantung kepada sistem pengairan parit yang dibuka secara bermusim. Tiada saliran paip khas yang dapat menyalurkan air secara langsung ke sawah; **(7)** isu kelulusan geran tanah yang belum dikeluarkan. Proses penyukatan tanah tergendala, dan kebanyakan penduduk hanya memiliki sijil Lembaga Adat (LA). Setakat ini, hanya 20 orang penduduk berjaya memperoleh geran tanah. Selain itu, **(8)** gangguan bekalan elektrik yang sering terputus hampir setiap hari dan mengambil masa lama untuk dipulihkan menjejaskan aktiviti harian serta perniagaan kecil; dan **(9)** ketiadaan kemudahan klinik kesihatan. Penduduk menghadapi kesukaran mendapatkan perkhidmatan kesihatan kerana tiada klinik di kawasan ini. Klinik terdekat hanya terdapat di Kampung Pukak dan Pekan Kiulu.



FGD 3: KOMUNITI KG. LUBOK

FGD 3 telah melibatkan komuniti Kg. Lubok. Antara isu yang telah dibangkitkan termasuk: **(1)** pembuangan sampah di sepanjang laluan utama yang tidak terkawal di sepanjang laluan utama menyebabkan pencemaran dan mengganggu kebersihan kampung Lubok; **(2)** keadaan jambatan rendah (*Low-Level Bridge*) yang berbahaya. Jambatan rendah yang pembinaannya dihentikan dibiarkan dalam keadaan terhakis dan berbahaya kepada penduduk. Kerosakan jambatan ini menghalang penduduk dari 15 rumah di seberangnya untuk melintas dan menyukarkan pengangkutan hasil pertanian; **(3)** kekurangan maklumat dan pendedahan kepada program atau kursus komuniti. Penduduk kampung kurang mendapat akses kepada maklumat program atau kursus yang boleh membantu meningkatkan kemahiran dan taraf hidup mereka. Kekurangan inisiatif dan pemimpin dalam komuniti turut membantutkan pembangunan sektor pelancongan dan ekonomi tempatan; **(4)** gangguan bekalan elektrik yang kerap dan mengambil masa sehingga dua hingga tiga hari untuk dipulihkan; dan **(5)** kekurangan rangkaian telekomunikasi - Hanya rangkaian Maxis sahaja yang tersedia.



LAWATAN TAPAK 1: ASRAMA TRANSIT HIDAYAH

Lawatan ke Asrama Transit Hidayah mendapati bahawa asrama ini, yang ditubuhkan pada tahun 2016 dengan lima cawangan di Sabah, menampung 17 pelajar berumur 13 hingga 18 tahun dari kalangan mualaf, golongan kurang berkemampuan, dan anak yatim. Mereka dijaga oleh dua orang penjaga yang memastikan kebajikan mereka. Walau bagaimanapun, asrama ini menghadapi cabaran utama iaitu risiko banjir disebabkan lokasinya berhampiran tebing sungai, yang boleh menjejaskan keselamatan dan keselesaan penghuni.

LAWATAN TAPAK 2: ASRAMA BOROMBON



Lawatan ke Asrama Borombon mendapati bahawa asrama ini dibina untuk memudahkan pelajar dari Kampung Borombon berulang-alik ke sekolah berdekatan.

Asrama ini menempatkan seramai 20 pelajar dari sekolah rendah dan menengah, dengan kehadiran ibu bapa yang turut tinggal bagi menjaga anak mereka. Kemudahan ini penting dalam memastikan pelajar mendapat akses pendidikan tanpa perlu berdepan dengan kesukaran perjalanan jauh. Walau bagaimanapun, keadaan fizikal asrama ini tidak dalam keadaan yang baik, terutama kemudahan tandas yang daif dengan pintu yang rosak dan memerlukan pembaikan segera. Selain itu, lokasi asrama yang dibina di tebing bukit menimbulkan kebimbangan keselamatan penghuni, terutama dalam risiko tanah runtuh atau hakisan.

FGD 4: KOMUNITI KG. KINDU



FGD 4 telah melibatkan komuniti Kg. Kindu. Antara isu yang telah dibangkitkan termasuk: **(1)** Ancaman haiwan liar. Penduduk mengalami gangguan daripada monyet yang merosakkan kediaman dan anjing liar yang menyebarkan sampah, menjejaskan kebersihan persekitaran; **(2)** kekurangan tanah sesuai memaksa sebahagian penduduk mendirikan rumah di kawasan paya bakau, yang kurang sesuai untuk penempatan; **(3)** keciciran pendidikan – Kos pengangkutan yang tinggi (RM60 sebulan) menjadi beban kepada keluarga berpendapatan rendah, menyebabkan pelajar sekolah menengah atas tercicir; **(4)** isu kebersihan yang disebabkan oleh air pasang membawa masuk sampah ke kawasan kediaman atas air, memaksa penduduk bergantung kepada pasang surut untuk membersihkan persekitaran; **(5)** ketidakstabilan pendapatan nelayan yang tidak menentu, dengan purata hanya RM50 sehari, bergantung kepada musim, yang menjejaskan kestabilan ekonomi mereka; **(6)** isu dokumentasi, ketiadaan dokumen pengenalan diri dalam kalangan lima beradik akibat status kewarganegaraan ibu bapa menghalang akses mereka kepada pendidikan dan perkhidmatan asas; **(7)** keadaan kediaman daif. Rumah atas air yang usang dan tidak selamat semakin terjejas akibat banjir berulang, menimbulkan risiko kepada penduduk; dan **(8)** pengangguran graduan – Lulusan graduan sukar mendapatkan pekerjaan mengikut kelayakan mereka, menyebabkan mereka terpaksa bekerja dalam sektor yang tidak berkaitan dengan bidang pengajian.

FGD 5: KOMUNITI KG. LAYAN



FGD 5 telah melibatkan komuniti Kg. Layan yang merupakan sebuah perkampungan atas air yang terletak di kawasan paya bakau. Kampung ini terdiri daripada 44 buah rumah dengan jumlah penduduk seramai 219 orang. Antara isu yang telah dibangkitkan termasuk: **(1)** struktur kediaman yang tidak kukuh. Sebahagian besar rumah di Kampung Layan dibina di atas air menggunakan tiang kayu biasa yang tidak tahan lama. Ini menyebabkan rumah menjadi condong dan berisiko runtuh. Pada tahun 2021, sebanyak 20 buah rumah telah tenggelam akibat air pasang, sekali gus menimbulkan kebimbangan terhadap keselamatan penduduk; **(2)** isu jambatan yang menghubungkan rumah ke rumah berada dalam keadaan uzur dan jarang diselenggara. Penduduk terpaksa mengumpul dana sendiri dan mengupah tukang untuk membaiki jambatan dengan memotong kayu secara manual. Kekurangan sumber kewangan menyebabkan proses penyelenggaraan tidak dapat dilakukan secara berkala; **(3)** isu ketiadaan bekalan elektrik. Kampung Layan masih belum menerima bekalan elektrik daripada grid utama. Penduduk bergantung sepenuhnya kepada tenaga solar untuk memenuhi keperluan harian mereka, yang sering kali tidak mencukupi, terutama pada hari mendung atau hujan; **(4)** akses terhadap kepada bekalan air bersih. Hanya 9 buah rumah mampu memasang paip air kerana kos pemasangan yang tinggi, iaitu RM2,000 bagi setiap rumah, disebabkan paip perlu dipasang di bawah sungai. Sebelum ini, keseluruhan kampung hanya bergantung kepada satu meter air, menyebabkan bil air pernah mencecah RM10,000. **(5)** Isu pendapatan nelayan yang tidak menentu kerana hasil tangkapan bergantung kepada musim. Bantuan penternakan ikan siakap yang disalurkan oleh pihak Perikanan tidak berjaya disebabkan pencemaran sampah di perairan sekitar; **(6)** ancaman haiwan liar, terutamanya buaya dan monyet. Kehadiran buaya menyebabkan nelayan tidak dapat turun menjala pada waktu malam kerana faktor keselamatan. Selain itu, monyet sering mengganggu penduduk dengan merosakkan barangan serta mencetuskan ketidakselesaan; dan **(7)** cabaran dalam pendidikan. Walaupun jarak sekolah dengan kampung sangat dekat, kadar kehadiran murid adalah rendah. Kurangnya minat untuk ke sekolah dalam kalangan kanak-kanak menjadi isu utama. Selain itu, ketiadaan bot khusus untuk menghantar anak-anak ke sekolah turut menjadi faktor penghalang, kerana bot sedia ada digunakan oleh bapa mereka untuk keluar menangkap ikan.

FGD 6: KOMUNITI GILING TENGAH



FGD 6 telah melibatkan komuniti Giling Tengah. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Sistem perparitan yang tidak diselenggara dengan baik dan bersaiz sempit, menyebabkan aliran air kumbahan dari kawasan perumahan Sri Gading dan Taman Ria melalui kampung ini; **(2)** isu kemudahan lampu jalan yang tidak berfungsi yang menjejaskan keselamatan penduduk, terutamanya pada waktu malam; **(3)** isu paip utama bekalan air yang masih belum diganti. Setiap kali paip ditutup dan dibuka semula, air yang disalurkan menjadi keruh, menjejaskan kualiti air yang digunakan oleh penduduk; **(4)** isu ketiadaan jejantas. Projek Pan Borneo tidak menyediakan jejantas bagi kemudahan penduduk melintas jalan. Ketiadaan kemudahan ini menimbulkan risiko keselamatan kepada pengguna jalan raya; **(5)** sistem perparitan yang tidak sistematik. kawasan kampung yang terletak di tanah rendah sering mengalami banjir akibat ketiadaan sistem perparitan yang sistematik di bawah projek Pan Borneo. Hujan berterusan menyebabkan air bertakung dan mengalir ke kawasan perkampungan; **(6)** isu hakisan di kawasan tebing bukit berhampiran kediaman penduduk, yang menimbulkan kebimbangan terhadap keselamatan rumah-rumah yang terletak di bawah tebing tersebut; **(7)** isu keadaan jalan raya yang sempit - Jalan utama di kampung ini hanya terdiri daripada satu laluan, yang menyebabkan kesesakan jalan serta menyukarkan pergerakan kenderaan; dan **(8)** ancaman haiwan liar. Kehadiran buaya yang dilihat di kawasan sungai berhampiran kampung menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk. Walaupun tiada kejadian serangan yang dilaporkan setakat ini, ancaman tersebut masih menjadi isu keselamatan.

FGD 7: MUKIM TENGHILAN; KOMUNITI KG. LINSUK



FGD 7 telah melibatkan komuniti Kg. Linsuk. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** isu ketiadaan rangkaian telekomunikasi - Penduduk kampung menghadapi kesukaran untuk berhubung kerana tiada menara telekomunikasi yang dibina di kawasan ini; **(2)** jalan utama yang menjadi laluan ke sekolah-sekolah berdekatan masih belum diturap; **(3)** jambatan kayu yang menghubungkan kampung berada dalam keadaan usang dan berisiko tinggi untuk runtuh. Terdapat kejadian lori terjatuh ke gaung serta insiden pelajar sekolah yang terjatuh akibat keadaan jambatan yang tidak stabil; **(4)** sekolah di SMK St. James menghadapi kekurangan kemudahan asas, termasuk ketiadaan kawasan meletak kenderaan di luar sekolah serta padang untuk kegunaan aktiviti sukan dan kokurikulum pelajar; **(5)** beberapa kawasan kampung mengalami hakisan sungai, yang berpotensi menjejaskan struktur tanah serta menimbulkan risiko kepada kediaman penduduk yang terletak berhampiran tebing sungai; **(6)** penduduk kampung menggesa pembersihan sungai dilakukan semula, kerana pembersihan terakhir telah dijalankan pada tahun 2023; **(7)** keadaan kabel elektrik di kampung ini membimbangkan, kerana terdapat insiden ranting kayu jatuh ke atas kabel, dengan pembersihan terakhir direkodkan pada tahun 2020. Selain itu, sebahagian tiang elektrik sudah berkarat dan masih menggunakan bahan kayu, yang meningkatkan risiko kejadian litar pintas dan kemalangan elektrik; **(8)** golongan suri rumah di kampung ini bergantung sepenuhnya kepada pendapatan suami dan tidak mempunyai sebarang aktiviti ekonomi lain; dan **(9)** gangguan bekalan air sering berlaku, termasuk kejadian di mana penduduk tidak mendapat bekalan air selama tiga hari. Apabila bekalan pulih, air yang disalurkan adalah keruh dan tidak sesuai untuk kegunaan domestik tanpa rawatan lanjut.

FGD 8: KOMUNITI MUKIM TOPOKON



FGD 8 telah melibatkan Komuniti Mukim Topokon. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Sistem perparitan yang tidak sistematik - Sistem perparitan yang tidak terancang telah menyebabkan berlakunya banjir di kampung ini, terutama semasa hujan lebat. Keadaan ini bertambah buruk dengan aktiviti penanaman getah oleh RISDA, yang telah menyumbang kepada hakisan tanah dan mempercepatkan aliran air permukaan; **(2)** terdapat peningkatan kes penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia; **(3)** keadaan jalan raya yang sempit - Jalan raya utama di kampung ini masih sempit dan tidak dapat menampung peningkatan jumlah kenderaan; **(4)** hakisan dan tanah runtuh di tepi jalan raya - Terdapat kejadian hakisan dan tanah runtuh di beberapa kawasan berhampiran jalan raya, yang boleh mengancam keselamatan pengguna jalan serta menjejaskan akses ke kampung; **(5)** lampu jalan tidak berfungsi - Banyak lampu jalan di kampung ini tidak berfungsi, menyebabkan keadaan menjadi gelap pada waktu malam; **(6)** gangguan bekalan air bersih - Penduduk sering menghadapi gangguan bekalan air bersih yang berulang. Selain itu, apabila bekalan pulih, air yang disalurkan sering kali berwarna keruh dan tidak sesuai untuk kegunaan domestik; **(7)** gangguan bekalan elektrik - Gangguan bekalan elektrik berlaku dengan kerap, yang menjejaskan aktiviti harian penduduk, termasuk sektor ekonomi kecil serta proses pembelajaran bagi pelajar; **(8)** penanaman padi sawah yang terbengkalai - Aktiviti penanaman padi sawah di kampung ini semakin berkurangan kerana kebanyakan petani tidak mampu mengusahakan tanaman secara manual. Kekurangan mesin membajak dan ketiadaan sistem saluran yang baik turut menjadi faktor yang menyebabkan sawah dibiarkan terbengkalai; dan **(9)** ketidakseimbangan demografi penduduk - Golongan belia semakin berkurangan di kampung ini kerana ramai yang berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan. Sebaliknya, majoriti penduduk yang masih tinggal di kampung terdiri daripada warga emas dan kanak-kanak.

FGD 8: KOMUNITI MUKIM TOPOKON



FGD 8 telah melibatkan Komuniti Mukim Topokon. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** Sistem perparitan yang tidak sistematik - Sistem perparitan yang tidak terancang telah menyebabkan berlakunya banjir di kampung ini, terutama semasa hujan lebat. Keadaan ini bertambah buruk dengan aktiviti penanaman getah oleh RISDA, yang telah menyumbang kepada hakisan tanah dan mempercepatkan aliran air permukaan; **(2)** terdapat peningkatan kes penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia; **(3)** keadaan jalan raya yang sempit - Jalan raya utama di kampung ini masih sempit dan tidak dapat menampung peningkatan jumlah kenderaan; **(4)** hakisan dan tanah runtuh di tepi jalan raya - Terdapat kejadian hakisan dan tanah runtuh di beberapa kawasan berhampiran jalan raya, yang boleh mengancam keselamatan pengguna jalan serta menjejaskan akses ke kampung; **(5)** lampu jalan tidak berfungsi - Banyak lampu jalan di kampung ini tidak berfungsi, menyebabkan keadaan menjadi gelap pada waktu malam; **(6)** gangguan bekalan air bersih - Penduduk sering menghadapi gangguan bekalan air bersih yang berulang. Selain itu, apabila bekalan pulih, air yang disalurkan sering kali berwarna keruh dan tidak sesuai untuk kegunaan domestik; **(7)** gangguan bekalan elektrik - Gangguan bekalan elektrik berlaku dengan kerap, yang menjejaskan aktiviti harian penduduk, termasuk sektor ekonomi kecil serta proses pembelajaran bagi pelajar; **(8)** penanaman padi sawah yang terbengkalai - Aktiviti penanaman padi sawah di kampung ini semakin berkurangan kerana kebanyakan petani tidak mampu mengusahakan tanaman secara manual. Kekurangan mesin membajak dan ketiadaan sistem saliran yang baik turut menjadi faktor yang menyebabkan sawah dibiarkan terbengkalai; dan **(9)** ketidakseimbangan demografi penduduk - Golongan belia semakin berkurangan di kampung ini kerana ramai yang berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan. Sebaliknya, majoriti penduduk yang masih tinggal di kampung terdiri daripada warga emas dan kanak-kanak.

FGD 9: KOMUNITI KG. KOULUAN



FGD 9 telah melibatkan Komuniti Kg. Kouluan. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** isu banjir akibat limpahan air loji dan sistem perparitan yang tidak sistematik - Kampung ini sering dilanda banjir akibat limpahan air dari Loji Telibong 2 di Kg Tambalugu serta sistem perparitan yang tidak dibina dengan baik. Dalam kejadian terdahulu, sebanyak 10 buah rumah telah ditenggelami air, menyebabkan struktur rumah menjadi senget akibat tanah yang lembap dan tidak stabil; **(2)** jambatan pejalan kaki yang usang - Jambatan pejalan kaki di kampung ini berada dalam keadaan usang dan berbahaya untuk digunakan; **(3)** ketiadaan jalan perhubungan ke kawasan kebun - Tiada jalan perhubungan atau jalan pertanian yang menghubungkan kampung dengan kawasan kebun, menyebabkan banyak tanah terbiar dan tidak dapat diusahakan oleh penduduk; **(4)** ketiadaan balai raya - Kampung ini tidak mempunyai balai raya untuk kegunaan penduduk. Balai raya yang dibina sebelum ini telah didirikan di atas tanah milik individu, dan apabila pemilik tanah menarik balik persetujuan, bangunan tersebut terpaksa dirobohkan; **(5)** penyalahgunaan dadah - Terdapat peningkatan kes penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia di kampung ini, dengan laporan bahawa terdapat rumah tertentu yang dijadikan markas bagi aktiviti tersebut. Pihak berkaitan telah mengenal pasti lokasi markas ini, namun tindakan lanjut masih diperlukan untuk membanteras gejala ini dan memastikan keselamatan penduduk; **(6)** hubungan antara JKKK dan penduduk yang tidak harmoni - Terdapat ketegangan dalam hubungan antara Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dengan penduduk kampung, di mana terdapat aduan bahawa permohonan atau permintaan penduduk tidak dilayan dengan baik. Keadaan ini menyebabkan penduduk merasa diabaikan dan menjejaskan kerjasama dalam pembangunan kampung.

FGD 10: KOMUNITI NGO/PERSATUAN



FGD 10 telah melibatkan Komuniti NGO/Persatuan. Antara isu yang telah diutarakan adalah: **(1)** kekangan dana – kesukaran mendapatkan pembiayaan untuk menjalankan program dan aktiviti akibat sumber dana yang terhad serta kekurangan maklumat mengenai permohonan geran dan sumbangan; **(2)** kekurangan kepimpinan – kurangnya latihan dan pembangunan kapasiti untuk pemimpin NGO serta ketiadaan pelapis kepimpinan menyebabkan kelemahan dalam pengurusan organisasi dan kesinambungan program; **(3)** halangan pentadbiran & sokongan komuniti - proses birokrasi yang rumit melambatkan kelulusan dana, lesen, dan kerjasama dengan kerajaan. Dokumentasi yang ketat membebaskan NGO, terutama yang kecil dan kurang sumber. Selain itu, sesetengah komuniti kurang mempercayai NGO kerana faktor budaya, pengalaman negatif, atau kurang kesedaran tentang manfaat program; **(4)** keberlanjutan & penyelarasan program - NGO bergantung kepada dana luar, menyebabkan projek sukar diteruskan selepas geran tamat. Tanpa pemindahan kepakaran kepada komuniti, program menjadi tidak mampan dan bergantung kepada NGO. Kurangnya koordinasi antara NGO juga menyebabkan pertindihan usaha, persaingan dana, dan keletihan komuniti; **(5)** keengganan menerima perubahan - sesetengah komuniti sukar menerima perubahan kerana sudah terbiasa dengan cara hidup tradisional. Kempen penggunaan tanpa plastik, seperti menggantikan beg plastik dengan beg guna semula, sering ditolak kerana dianggap menyusahkan dan tidak relevan. Selain itu, kurangnya kesedaran tentang pencemaran plastik serta kepercayaan bahawa “sampah akan diuruskan oleh pihak lain” menghalang mereka daripada mengamalkan perubahan ini.

LAWATAN TAPAK 3

Lawatan tapak telah dijalankan di beberapa tempat bagi melihat isu alam sekitar di kawasan terjejas. Beberapa masalah kritikal telah dikenalpasti, termasuk muara sungai yang cetek, hakisan tebing bukit, runtutan tebing sungai, dan kesan banjir teruk. Selain itu, kawasan penanaman padi yang terbiar serta masalah bekalan air turut membimbangkan.

Isu-isu ini memberi kesan besar kepada komuniti setempat dan memerlukan tindakan segera bagi mengelakkan impak yang lebih buruk pada masa hadapan.



BAHAGIAN B

Laporan Lawatan Pemetaan Isu
P.170 Tuaran

Senarai Jadual

Jadual 1	Komposisi Penduduk di Parlimen Tuaran
Jadual 2	Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Tuaran
Jadual 3	Rangkuman Isu Rentas SDG
Jadual 4	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1
Jadual 5	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2
Jadual 6	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3
Jadual 7	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4
Jadual 8	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5
Jadual 9	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6
Jadual 10	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7
Jadual 11	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8
Jadual 12	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 9
Jadual 13	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 10
Jadual 14	Ringkasan Isu 1
Jadual 15	Ringkasan Isu 2
Jadual 16	Ringkasan Isu 3
Jadual 17	Ringkasan Isu 4
Jadual 18	Ringkasan Isu 5
Jadual 19	Pengenalpastian Projek Penyelesaian

Senarai Rajah

Rajah 1	Jambatan rendah (low level crossing) yang menjadi laluan utama penduduk Kg. Sinansag
Rajah 2	Keadaan jambatan rendah (low level crossing) yang mengalami hakisan dan tidak selamat digunakan oleh penduduk Kg Lubok
Rajah 3	Keadaan parit di Kg. Giling Tengah yang menjadi laluan air kumbahan
Rajah 4	Parit utama di Kg. Rongolis yang mengalami mendapan tanah

Senarai Singkatan

SDG	Sustainable Development Goals
FGD	Focus Group Discussion
DUN	Dewan Undangan Negeri
PKS	Perusahaan Kecil dan Sederhana
BN	Barisan Nasional
UPKO	United Pasok Momogun Organization
JTU	Jabatan Tanah dan Ukur
JKR	Jabatan Kerja Raya
PANTAS	Program Penyukatan Tanah Anak Negeri
SE	Sabah Electricity

1.0 PENGENALAN

Parlimen Tuaran merupakan salah satu daripada 25 kawasan parlimen yang terdapat di negeri Sabah, Malaysia. Terletak di pantai barat Sabah, kawasan ini meliputi beberapa daerah utama seperti Tuaran, Tamparuli, dan sebahagian daripada daerah Kota Kinabalu. Kawasan parlimen ini mempunyai kepelbagaian etnik, budaya dan geografi yang unik, dengan majoriti penduduk terdiri daripada suku kaum Kadazan-Dusun, Bajau, serta masyarakat Cina dan lain-lain.



**YB Datuk Seri
Panglima Madius
Tangau**

Dari sudut sejarah, nama "Tuaran" dipercayai berasal daripada istilah tempatan "Tawaran", yang membawa maksud 'pertukaran' atau 'perdagangan', merujuk kepada peranan kawasan ini sebagai pusat pertukaran barang antara penduduk pedalaman dan pesisir pada zaman dahulu¹. Tuaran telah melalui pelbagai transformasi sejak zaman pemerintahan British di Borneo Utara, dan berkembang menjadi pusat pentadbiran serta perdagangan utama di daerah pantai barat Sabah. Bandar Tuaran juga terkenal dengan beberapa ikon kebudayaan dan sejarah seperti Jambatan Tamparuli, Rumah Terbalik, dan Pagoda Ling San.

Parlimen Tuaran terdiri daripada empat Dewan Undangan Negeri (DUN), DUN Sulaman, DUN Pantai Dalit, DUN Tamparuli dan DUN Kiulu. Parlimen Tuaran ini telah dipertandingkan sejak tahun 1971. Pada peringkat awal, kawasan ini diwakili oleh ahli politik daripada Parti USNO seperti YBhg. Buja Gumbilai dan YBhg. Kalakau Untol. Seterusnya, kerusi Parlimen Tuaran bertukar tangan kepada wakil daripada parti-parti lain termasuk Barisan Nasional (BN), Parti Bersatu Sabah (PBS), dan UPKO, selaras dengan perubahan landskap politik negeri Sabah. Antara tokoh politik yang pernah mewakili kawasan ini termasuk YBhg. James Peter Ongkili, YBhg. Monggoh Orow, dan YBhg. Yunof Edward Maringking.

Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau merupakan tokoh politik yang berpengaruh dalam sejarah Parlimen Tuaran, Sabah. Beliau telah mewakili kawasan ini dalam beberapa penggal, iaitu pada tahun 1999 hingga 2008 dan kemudiannya dari tahun 2013 hingga kini. Beliau juga merupakan bekas Timbalan Ketua Menteri Sabah dari tahun 2018 sehingga 26 September 2020. Beliau pernah berkhidmat sebagai Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi pada tahun 2015 hingga 2018. Di samping itu, beliau turut memegang jawatan sebagai Presiden Kehormat Pertubuhan Kinabalu Progresif Bersatu

¹ Department of Statistics Malaysia, *Published and Printed by the Department of Statistics Malaysia*, (Putrajaya: Department of Statistics Malaysia, November 2024)

(UPKO), sebuah parti komponen dalam Pakatan Harapan (PH), mencerminkan peranan beliau yang signifikan dalam landskap politik Sabah.

1.1 Geografi/Topografi

Parlimen Tuaran terletak di pantai barat negeri Sabah dan merangkumi sebahagian besar daerah Tuaran serta kawasan berhampiran sempadan daerah Kota Kinabalu dan daerah Ranau. Dari sudut geografi, kawasan ini mempunyai kepelbagaian bentuk muka bumi yang terdiri daripada kawasan pesisir pantai, dataran rendah, lembah sungai, kawasan berbukit serta pergunungan. Keadaan geografi ini menjadikan parlimen Tuaran unik daripada segi sumber semula jadi, guna tanah serta potensi pembangunan ekonomi.

Kawasan pesisir seperti di DUN Sulaman terletak berdekatan dengan Laut China Selatan, merangkumi dataran rendah berpasir dan kawasan paya bakau yang sesuai untuk aktiviti perikanan, pelancongan pantai, dan pembangunan perumahan. Manakala kawasan tengah seperti DUN Tamparuli dan DUN Dalit menampilkan gabungan topografi berbukit serta kawasan pertanian tanah rendah yang subur, sesuai untuk kegiatan pertanian, penternakan, dan pembangunan desa. Bahagian pedalaman Parlimen ini, khususnya di DUN Kiulu, dikelilingi oleh perbukitan dan lembah dengan bentuk muka bumi bergunung-ganang serta dilalui oleh Sungai Kiulu yang mengalir deras, menjadikannya lokasi sesuai untuk aktiviti ekopelancongan dan pertanian tradisional.

Parlimen P.170 Tuaran meliputi keluasan keseluruhan sebanyak 1,126 km² dengan jumlah penduduk seramai 134,976 orang dan kepadatan penduduk 120 orang per km². DUN Kiulu merupakan kawasan paling luas (676 km²) namun mencatat kepadatan penduduk paling rendah iaitu 26 orang per km², menunjukkan ciri kawasan pedalaman. Sebaliknya, DUN Dalit yang paling kecil (48 km²) mencatat jumlah penduduk tertinggi (46,821 orang) dan kepadatan tertinggi (975 orang per km²), mencerminkan kawasan yang lebih padat dan berbentuk bandar. DUN Sulaman dan DUN Tamparuli pula mencatat kepadatan sederhana, masing-masing 266 dan 140 orang per km². Perbandingan ini menunjukkan kepelbagaian taburan penduduk dan geografi yang memerlukan pendekatan pembangunan yang bersesuaian mengikut ciri setiap kawasan.

1.2 Komposisi Penduduk

Pada tahun 2023, jumlah penduduk di parlimen Tuaran dianggarkan seramai 140,000 orang, yang merangkumi 71,100 lelaki dan 68,900 perempuan. Majoriti penduduk merupakan warganegara Malaysia, iaitu sebanyak 93.8 peratus, manakala bukan warganegara mencatatkan 6.2 peratus daripada keseluruhan populasi. Daripada segi komposisi etnik, kaum Bumiputera berjumlah tertinggi dalam struktur penduduk dengan peratusan sebanyak 96.9 peratus, diikuti oleh kaum Cina (2.2 peratus), India (0.1 peratus) dan lain-lain etnik (0.8 peratus). Daripada segi kesihatan penduduk, purata jangka hayat

ketika lahir bagi keseluruhan populasi adalah 70.1 tahun, dengan lelaki mencatatkan jangka hayat 67.6 tahun dan perempuan 73.0 tahun, menunjukkan jurang jangka hayat yang ketara antara jantina. Bagi aspek kelahiran, sebanyak 2,271 kelahiran hidup telah direkodkan dengan kadar kelahiran kasar sebanyak 16.2 per seribu penduduk. Manakala daripada aspek kematian, sejumlah 999 kes kematian direkodkan, dengan kadar kematian kasar 7.1 per seribu penduduk.

Jadual 1. Komposisi Penduduk di Parlimen Tuaran

BIL	KAUM	BIL ('000)	BIL (%)
1.	Bumiputera	127.2	96.9
2.	Cina	2.9	2.2
3.	India	0.2	0.1
4.	Lain-lain	1.1	1.8
JUMLAH KESELURUHAN		131.4	100

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Parlimen Tuaran yang merangkumi kawasan DUN Sulaman, Pantai Dalit, Tamparuli dan Kiulu mempunyai struktur ekonomi yang pelbagai dan dipengaruhi oleh faktor geografi, sumber semula jadi, serta budaya tempatan. Kegiatan ekonomi utama di kawasan ini tertumpu kepada sektor pertanian, perikanan, pelancongan, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), serta sektor perkhidmatan.

Sektor pertanian merupakan penyumbang utama kepada ekonomi tempatan, terutamanya dalam kalangan masyarakat luar bandar di DUN Kiulu dan Tamparuli. Tanaman seperti padi bukit, kelapa, getah, halia dan buah-buahan tempatan menjadi sumber pendapatan utama penduduk. Berdasarkan data keluasan tanaman mengikut daerah di Sabah untuk tahun 2022, daerah Tuaran mempunyai jumlah keluasan tanaman sebanyak 15,929.4 hektar, yang terdiri daripada beberapa kategori utama, dengan tanaman industri sebagai komponen terbesar (13,769.2 hektar), diikuti oleh tanaman buah-buahan (1,602.8 hektar), tanaman kontan (379.1 hektar), tanaman sayur-sayuran (156.9 hektar), dan tanaman rempah (21.4 hektar).²

Sektor perikanan dan akuakultur pula lebih utama di kawasan pesisir DUN Sulaman yang bersempadan dengan Laut China Selatan. Aktiviti perikanan seperti menangkap ikan, penternakan ikan dalam sangkar serta penangkapan hasil laut lain seperti udang dan ketam merupakan antara sumber utama rezeki nelayan tempatan. Pada tahun 2022, pengeluaran akuakultur daripada sistem ternakan air payau di daerah Tuaran mencatat jumlah sebanyak 255.83 tan metrik, merangkumi pelbagai spesies seperti ikan, udang

² Jabatan Pertanian Sabah, *Keluasan (Hektar) Tanaman Mengikut Daerah dan Kategori, Sabah, 2022* (Sabah: Jabatan Pertanian Sabah, 2022).

harimau, udang putih, tiram, ketam, lokan, balat, dan abalon. Jumlah tertinggi datang daripada udang putih (114.00 tan metrik), diikuti oleh ketam (109.34 tan metrik)³. Terdapat juga aktiviti pemprosesan hasil laut yang dijalankan secara kecil-kecilan, termasuk pembuatan keropok ikan dan produk makanan laut kering.

Pelancongan desa dan ekopelancongan semakin berkembang di kawasan berbukit dan pedalaman seperti di kawasan DUN Kiulu dan Tamparuli.⁴ Kiulu terkenal sebagai destinasi pelancongan berasaskan sungai seperti aktiviti white water rafting dan kampung inap desa (*homestay*). Tamparuli pula dikenali melalui tarikan budaya seperti Jambatan Tamparuli, pasar tamu dan produk kraftangan tradisional. Pelancongan ini bukan sahaja menjana pendapatan kepada pengusaha tempatan, malah turut menggalakkan penglibatan belia dan wanita dalam bidang keusahawanan komuniti.

Sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) memainkan peranan penting dalam menggerakkan ekonomi tempatan. Aktiviti seperti pemprosesan makanan tradisional, hasil kraftangan, serta produk berasaskan pertanian seperti jem, serbuk minuman, dan kuih-muih tempatan telah membantu memperkasa golongan wanita, ibu tunggal dan usahawan muda.⁴ Inisiatif seperti pembinaan inkubator keusahawanan luar bandar dan bengkel kemahiran turut disokong oleh agensi kerajaan dan NGO.

Akhir sekali, sektor perkhidmatan dan peruncitan seperti kedai runcit, bengkel kenderaan, kedai makan, serta khidmat gunting rambut dan spa tradisional turut menjadi penyumbang ekonomi, terutamanya di kawasan pinggir bandar seperti Dalit dan Tamparuli. Kewujudan jalan raya utama yang menghubungkan Tuaran ke Kota Kinabalu menjadikan kawasan ini berpotensi sebagai hab dagangan dan logistik kecil.⁵

Secara keseluruhannya, kegiatan ekonomi di parlimen Tuaran berkembang secara bersepadu antara tradisi dan pemodenan. Dengan sokongan dasar pembangunan luar bandar, latihan kemahiran serta pengukuhan jaringan pemasaran, kawasan ini berpotensi untuk terus berkembang sebagai model ekonomi komuniti yang mampan.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Lokasi Fizikal

Parlimen Tuaran terletak di bahagian pantai barat Sabah, meliputi kawasan bandar, pekan kecil, kampung tradisional serta kawasan luar bandar yang berhampiran hutan dan tanah tinggi. Kawasan ini mempunyai jaringan penempatan yang terpencar,

³ Sabah Fisheries Department, *Anggaran Pengeluaran Akuakultur daripada Sistem Ternakan Air Payau Mengikut Daerah*, 2022, Jadual 14.2 (Sabah, Malaysia: Sabah Fisheries Department, 2022).

⁴ Hasrul Wayne, "20 Aktiviti Tempat Menarik Di Tuaran Tamparuli Kiulu Sabah," *Melancong.my*, 2 September 2024, <https://www.melancong.com.my/tempat-menarik-di-tuaran-tamparuli-kiulu/>

termasuk kawasan pesisir pantai dan pedalaman, yang masing-masing menghadapi cabaran tersendiri dari segi kemudahan asas. Akses yang terhad kepada air bersih, elektrik dan jalan raya di kawasan pedalaman menjadikan **SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi**, **SDG 7: Tenaga Bersih dan Mampu Milik**, serta **SDG 9: Infrastruktur, Perindustrian dan Inovasi** relevan dalam konteks pembangunan tempatan di Tuaran.

Keadaan Ekonomi Tempatan

Ekonomi tempatan di Tuaran masih banyak bergantung kepada pertanian sara diri, perikanan kecil, serta pekerjaan tidak formal, khususnya dalam kalangan masyarakat luar bandar. Walaupun terdapat peluang dalam sektor perkhidmatan dan perniagaan kecil, kadar kemiskinan relatif masih membimbangkan, terutamanya dalam kalangan ibu tunggal, warga emas dan golongan B40. Keterbatasan infrastruktur asas menghalang produktiviti sektor pertanian dan mengurangkan peluang inovasi ekonomi. Oleh itu, **SDG 1: Tiada Kemiskinan** dan **SDG 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi** menjadi keutamaan untuk memperkukuh daya tahan ekonomi setempat dan mengurangkan ketaksamaan pendapatan.

Budaya (Nilai Masyarakat)

Tuaran mempunyai masyarakat majmuk yang terdiri daripada etnik Dusun, Bajau, Brunei, Cina dan lain-lain, yang kaya dengan warisan budaya dan adat resam. Nilai kekeluargaan, gotong-royong, dan semangat kebersamaan masih diamalkan di kampung-kampung tradisional, sekali gus mewujudkan jaringan komuniti yang kukuh. Walau bagaimanapun, kemasukan migrasi luar menimbulkan cabaran kepada kesinambungan budaya setempat. Dalam hal ini, **SDG 4: Pendidikan Berkualiti** relevan untuk memastikan nilai budaya dapat dipelihara melalui pendidikan formal dan bukan formal yang mendukung pemerkasaan identiti masyarakat.

Sosial (Hubungan Masyarakat)

Hubungan sosial dalam kalangan penduduk kampung di Tuaran secara umum masih kuat, namun terdapat cabaran sosial seperti gejala remaja, ketagihan dadah, dan keterbatasan akses kepada pendidikan berkualiti. Komuniti bandar dan luar bandar berdepan pengalaman sosial yang berbeza, di mana jurang ini menjejaskan integrasi sosial. Tambahan pula, kekurangan ruang sosial yang inklusif dan tekanan akibat migrasi luar memberi kesan kepada keharmonian masyarakat. Justeru, keperluan untuk memperkukuh perpaduan sosial ini berkait rapat dengan **SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan** serta **SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi Kukuh**, yang menekankan pembinaan komuniti berdaya tahan dan inklusif.

Nilai Sejarah

Tuaran mempunyai nilai sejarah yang penting, khususnya sebagai kawasan penempatan awal masyarakat pribumi Dusun dan Bajau. Selain itu, Tuaran dikenali dengan aktiviti pertanian tradisional serta warisan seni dan budaya tempatan seperti tarian, muzik dan adat resam. Nilai sejarah ini bukan sahaja mencerminkan identiti setempat, tetapi juga menjadi aset penting dalam pembangunan sosioekonomi berasaskan warisan dan pelancongan. Pemeliharaan warisan ini selaras dengan **SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan**, yang menegaskan kepentingan melindungi identiti sejarah dan budaya dalam arus pembangunan moden.

Keunikan Kawasan Parlimen

Keunikan Parlimen Tuaran terletak pada gabungan kawasan luar bandar yang kaya dengan budaya tradisi serta pembangunan bandar yang sedang berkembang pesat. Namun, kawasan ini turut berdepan cabaran alam sekitar seperti pencemaran sungai, pembalakan tidak terkawal, banjir kilat dan tanah runtuh yang memberi kesan besar kepada kehidupan masyarakat. Kejadian ini menuntut tindakan segera untuk memperkukuh daya tahan komuniti terhadap perubahan iklim. Oleh itu, **SDG 13: Tindakan Iklim** dan **SDG 15: Kehidupan di Daratan** amat relevan dalam memastikan kelestarian sumber semula jadi dan keselamatan masyarakat di Tuaran.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

Data yang digunakan dalam laporan ini diperoleh melalui pelbagai kaedah kualitatif dan kuantitatif bagi memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan maklumat yang dikumpul. Antara kaedah yang dilaksanakan termasuk perbincangan awal dan pembentukan profil kawasan, mesyuarat pra-lawatan bersama Pejabat Daerah, serta mesyuarat susulan bersama pegawai dari Pejabat Pusat Khidmat Parlimen Tuaran. Selain itu, kajian lapangan dan lawatan tapak telah dijalankan untuk mendapatkan gambaran secara langsung terhadap keadaan fizikal dan sosial di kawasan kajian. Bagi tujuan pemetaan isu-isu tempatan yang sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), sesi temu bual serta perbincangan kumpulan fokus (FGD) turut dilaksanakan. Aktiviti ini melibatkan penyertaan pelbagai pihak berkepentingan termasuk agensi kerajaan, pertubuhan masyarakat sivil, dan komuniti setempat.

Selain itu, metodologi yang digunakan dalam kajian ini juga adalah analisis dokumen yang diperoleh melalui platform e-Statistik yang disediakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Platform ini menyediakan pelbagai data sekunder yang merangkumi statistik demografi, ekonomi, sosial, dan pembangunan setempat. Data yang dimuat turun ini dianalisis untuk memperoleh maklumat sokongan berkaitan profil penduduk, tahap sosio-ekonomi, serta perkembangan infrastruktur di kawasan parlimen yang dikaji. Penggunaan sumber ini membolehkan penyelidik mengenal pasti trend dan corak yang berkaitan dengan isu-isu setempat, meskipun terdapat batasan daripada segi kekinian dan keboleh capaian data pada peringkat mikro.

2.1 Pendekatan Kajian

Proses pemetaan isu bagi kawasan parlimen Tuaran telah dimulakan dengan satu mesyuarat awal bersama Ahli Parlimen Tuaran, Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, yang telah diadakan pada 5 Februari 2025. Mesyuarat ini turut disertai oleh wakil daripada pihak APPGM-SDG, iaitu Mc Jeanet Lempisik @ Marx selaku Ketua Penyelidik Pemetaan Isu Parlimen Tuaran, dan Nurul Syaza Mazelan, Timbalan Pengarah Jabatan Penyelarasan Kawasan Parlimen, APPGM-SDG. Pada tarikh yang sama, satu sesi pembentukan profil kawasan turut dilaksanakan bersama Encik Baxter, Pegawai Perhubungan Ahli Parlimen Tuaran, bagi mendapatkan maklumat profil kawasan serta data awalan yang diperlukan, di samping membincangkan cadangan mesyuarat susulan.

- | | |
|------------------------------|-------------------------|
| 1. Mc Jeanet Lempisik @ Marx | : Ketua Penyelidik |
| 2. Nurrul Fazlina Osman | : Pembantu Penyelidik |
| 3. Anthony Tan Kee Huat | : Mantan Pengarah Kanan |
| 4. Nor Amirul Pukin | : Pembantu Penyelidik |
| 5. Nur Syadhira Mohd Razali | : Pembantu Penyelidik |
| 6. Nur Fadilah Mohamad | : Pembantu Penyelidik |

Bagi tujuan penyelarasan sebelum pelaksanaan kajian lapangan, tiga mesyuarat pra lawatan telah diadakan bersama pihak pentadbiran daerah, melibatkan Penolong Pegawai Daerah Tuaran, En. Ali Kinazrai Randin Ali Udin; Penolong Pegawai Daerah Kecil Kiulu, En. Cassin Aguh, dan Penolong Pegawai Daerah Kecil Tamparuli, Pn. Roslinah Patrick. Mesyuarat ini penting memandangkan DUN Kiulu dan DUN Tamparuli masing-masing terletak di bawah pentadbiran Pejabat Daerah Kecil Kiulu dan Tamparuli.

Selain itu, tiga mesyuarat susulan telah dilaksanakan bersama pegawai daripada Pejabat Pusat Khidmat Rakyat Parlimen P.170 Tuaran serta pegawai Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM), masing-masing pada 13 Februari 2025, 7 Mac 2025, dan 14 Mac 2025. Tujuan utama mesyuarat ini adalah bagi menyelaraskan keperluan logistik dan perancangan perjalanan kajian lapangan.

Hasil daripada keseluruhan sesi mesyuarat ini, satu jadual lawatan penyelidikan telah dirangka dan dipersetujui bersama bagi pelaksanaan kajian di peringkat lapangan.

Jadual 2. Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Tuaran

TARIKH	PERKARA
15 Mac 2025 , Ahad	• Sesi dialog bersama komuniti Kg Sinansag • Sesi dialog bersama komuniti Kg Ratau • Sesi dialog bersama komuniti Kg Lubok • Lawatan tapak ke Asrama Borombon • Lawatan tapak ke Asrama Transit Hidayah
16 Mac 2025 , Isnin	• Sesi dialog bersama komuniti Kg Kindu • Sesi dialog bersama komuniti Kg Layan • Sesi dialog bersama komuniti Nongkolud • Lawatan tapak ke Kg Giling Tengah (Kawasan banjir)
17 Mac 2025 , Selasa	• Sesi dialog bersama komuniti Mukim Tenghilan • Lawatan tapak ke Kg Bunga (Hakisan sungai) • Sesi dialog bersama komuniti Mukim Topokon • Sesi dialog bersama komuniti Kg Kouluan
18 Mac 2025 , Rabu	• Lawatan tapak ke Kg Topokon (Penanaman padi yang terbiar) • Lawatan tapak ke Kg Rongolis (Kesan pembukaan tanah RISDA) • Lawatan tapak ke Pekan Tenghilan (Kesan banjir teruk) • Kg Menguwou (Hakisan sungai dan jambatan gantung yang rapuh)

	• Lawatan tapak ke Kg Kosusu (Penanaman padi yang terbiar) • Lawatan tapak ke Kg Sungai Damit (Kesan banjir teruk) • Lawatan tapak ke Kg Gaya Ratau (Masalah bekalan air bersih) • Sesi dialog bersama NGO/Persatuan
--	---

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Dalam menjalankan kajian lapangan di daerah Tuaran yang melibatkan sesi dialog berkumpul bersama penduduk kampung, penyelidik telah mengambil langkah-langkah etika yang sewajarnya bagi memastikan integriti kajian terpelihara dan hak peserta dihormati. Kebenaran awal telah diperoleh daripada pemimpin komuniti setempat termasuk ketua kampung sebagai tanda hormat terhadap struktur kepemimpinan tempatan. Setiap peserta diberi taklimat berkenaan objektif kajian, bentuk penglibatan mereka, serta jaminan kerahsiaan terhadap maklumat yang dikongsi. Persetujuan dimaklumkan diperoleh secara lisan dengan mengambil kira latar belakang sosio-budaya peserta.

Ketua penyelidik mendapatkan persetujuan daripada peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara dan diambil video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju apa yang dikatakan untuk direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana platform. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Tuaran, tiada apa-apa halangan daripada pihak peserta.

Sepanjang sesi, penyelidik juga memastikan suasana dialog yang selamat, terbuka dan inklusif, dengan memberi ruang kepada semua peserta untuk bersuara tanpa tekanan atau paksaan. Etika juga dititikberatkan dalam aspek dokumentasi dan penggunaan data, di mana nama sebenar peserta tidak didedahkan dan maklumat yang diperoleh digunakan hanya untuk tujuan laporan. Penyelidik turut mengamalkan pendekatan sensitif budaya dengan menghormati adat, bahasa dan norma komuniti setempat.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Pelaksanaan kajian lapangan di kawasan parlimen Tuaran telah berdepan dengan beberapa kekangan yang memberi kesan terhadap kelancaran proses pengumpulan data di peringkat lapangan. Salah satu kekangan utama yang dihadapi semasa pelaksanaan kajian lapangan adalah berkaitan dengan pelaksanaannya yang berlangsung dalam bulan Ramadhan. Sepanjang tempoh ini, tahap penglibatan komuniti, khususnya di kawasan DUN Sulaman dan DUN Dalit, menjadi agak terhad. Hal ini

disebabkan sesi perbincangan kumpulan fokus (FGD) dijalankan pada waktu siang, ditambah pula dengan keadaan cuaca yang panas yang sedikit sebanyak menjejaskan keselesaan peserta. Namun demikian, keadaan ini tidak menjejaskan sepenuhnya kelancaran pelaksanaan kajian, memandangkan kebanyakan sesi FGD masih berjaya mencapai bilangan peserta minimum, iaitu seramai lapan orang atau lebih. Malah, komuniti setempat menunjukkan sokongan yang positif terhadap inisiatif ini dan tetap hadir bagi menjayakan sesi FGD yang dijalankan.

Selain itu, satu lagi kekangan yang timbul adalah perubahan tarikh lawatan kajian lapangan yang pada asalnya dijadualkan berlangsung pada 13 hingga 16 Mac 2025. Lawatan tersebut telah ditunda atas permintaan Ahli Parlimen Tuaran, YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, bagi membolehkan pasukan penyelidik menghadiri terlebih dahulu Sesi Libat Urus bagi Laporan Hala Tuju Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals* - SDGs Roadmap) dan *Voluntary Local Review* (VLR) yang dianjurkan oleh Majlis Daerah Tuaran. Sesi libat urus tersebut dianggap penting sebagai persediaan awal sebelum pasukan penyelidik pergi ke kawasan kajian.

Bagi menyelaraskan semula pelaksanaan kajian, pasukan penyelidik telah berhubung dengan pihak Pejabat Ahli Parlimen, termasuk Ketua Pegawai Khas, Encik Jinik, untuk menetapkan tarikh baharu serta melakukan rombakan terhadap cadangan pelaksanaan sesi FGD. Hasil penyelarasan ini, tarikh baharu lawatan kajian telah dipersetujui dan dilaksanakan pada 15 hingga 18 Mac 2025. Lawatan ini telah berjalan lancar dengan bantuan dan kerjasama pegawai-pegawai daripada Pejabat Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Tuaran serta Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM).

2.4 Keterbatasan Kajian

Dalam pelaksanaan kajian ini, terdapat beberapa keterbatasan yang perlu diambil maklum, khususnya berkaitan pelaksanaan sesi perbincangan kumpulan fokus (FGD) di kawasan parlimen Tuaran. Antara kekangan utama adalah ketidakmampuan pasukan penyelidik untuk menjalankan sesi FGD secara menyeluruh di semua kampung dalam kawasan parlimen tersebut. Faktor seperti kekangan masa, sumber logistik yang terhad, serta jarak dan akses ke kawasan pedalaman telah menghadkan keupayaan pasukan untuk melibatkan semua komuniti secara langsung. Justeru, pemilihan lokasi FGD telah dilakukan secara strategik dengan mengambil kira kepelbagaian latar belakang sosioekonomi dan geografi sebagai wakil kepada keseluruhan populasi. Walaupun begitu, keterbatasan ini diakui sebagai satu cabaran yang perlu diatasi dalam kajian susulan bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh dan inklusif terhadap isu-isu di peringkat akar umbi.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Berikut adalah enam isu utama yang dikenal pasti sebagai keutamaan dan memerlukan perhatian segera. Isu-isu ini dipilih kerana impaknya yang besar terhadap kesejahteraan penduduk dan kaitannya dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG):

Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1.	Cabaran kebolehpasaran hasil pertanian	Keadaan jambatan perhubungan (<i>low level crossing</i>) yang dinaiki air dan mengalami hakisan. Kekurangan jalan pertanian Kedudukan kampung yang jauh dari Tamu Ketiadaan kedai runcit di dalam kawasan kampung Kekurangan pengetahuan dalam mencipta inovasi produk hiliran	Ekonomi	Masyarakat setempat Petani	Kg Sinansag Kg Ratau Kg Lubok Kg Linsuk	Matlamat 1: Tiada Kemiskinan Sasaran 1.4: Menjelang 2030, pastikan semua lelaki dan wanita, khususnya golongan miskin dan rentan, mempunyai hak yang sama kepada sumber ekonomi, serta akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan ke atas tanah dan bentuk hartanah lain, pusaka, sumber asli, teknologi baharu dan perkhidmatan kewangan yang sesuai, termasuk kewangan mikro Sasaran 1.5: Menjelang 2030, bina daya tahan golongan miskin dan mereka yang berada dalam situasi terdedah dan kurangkan pendedahan dan kerentanan

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						mereka kepada peristiwa ekstrem berkaitan iklim serta kejutan dan bencana ekonomi, sosial dan alam sekitar yang lain Matlamat 2: Kelaparan Sifar Sasaran 2.3: Menjelang 2030, menggandakan produktiviti pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil, khususnya wanita, orang peribumi, petani keluarga, pengembala dan nelayan, termasuk melalui akses yang selamat dan sama rata kepada tanah, sumber produktif lain dan input, pengetahuan, perkhidmatan kewangan, pasaran, dan peluang untuk menambah nilai dan pekerjaan bukan ladang Matlamat 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						Sasaran 8.2: Mencapai tahap produktiviti ekonomi yang lebih tinggi melalui kepelbagaian, peningkatan teknologi dan inovasi, termasuk melalui tumpuan pada sektor bernilai ditambah tinggi dan intensif buruh. Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur Sasaran 9.1: Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia, dengan tumpuan pada akses yang berpatutan dan adil untuk semua Matlamat 11: Bandar dan Komuniti yang Mampan Sasaran 11.5: Menjelang 2030, mengurangkan dengan ketara bilangan kematian dan bilangan mangsa terjejas, dan mengurangkan kerugian ekonomi langsung per KDNK global yang disebabkan oleh bencana, termasuk bencana berkaitan air, dengan tumpuan kepada melindungi golongan miskin dan rakyat dalam situasi yang terdedah Matlamat 13: Tindakan terhadap Perubahan Iklim Sasaran 13.1: Kuatkan daya tahan dan kapasiti penyesuaian kepada

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						bahaya berkaitan iklim dan bencana alam di semua negara.
2.	Sistem pengurusan sampah yang tidak terancang dan ketiadaan kesedaran awam	Kawasan kampung yang tidak termasuk dalam kawasan perkadaran Majlis Daerah Tuaran Kurang kesedaran tentang impak pembuangan sampah Pembakaran terbuka	Alam sekitar	Masyarakat setempat	Kg Ratau Kg Kindu Kg Layan Kg Giling Tengah Kg Linsuk Mukim Topokon Kg Tambalugu	Matlamat 3: Kesihatan baik dan kesejahteraan Sasaran 3.9: Menjelang 2030, mengurangkan dengan ketara bilangan kematian dan penyakit daripada bahan kimia berbahaya dan pencemaran dan pencemaran udara, air dan tanah Matlamat 6: Air bersih dan sanitasi Sasaran 6.3: Menjelang 2030, tingkatkan kualiti air dengan mengurangkan pencemaran, menghapuskan lambakan dan meminimumkan pembebasan bahan kimia dan bahan berbahaya, mengurangkan separuh bahagian air sisa yang tidak dirawat dan meningkatkan kitar semula dan penggunaan

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						semula yang selamat dengan ketara secara global Matlamat 11: Bandar dan komuniti yang mampan Sasaran 11.1: Menjelang 2030, pastikan akses kepada semua terhadap perumahan dan perkhidmatan asas yang mencukupi, selamat dan mampu milik serta menaik taraf kawasan setinggan Sasaran 11.3: Menjelang 2030, tingkatkan pembandaran dan kapasiti yang inklusif dan mampan bagi perancangan dan pengurusan penempatan manusia yang mengambil bahagian, bersepadu dan mampan di semua negara.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						Matlamat 12: Penggunaan dan pengeluaran yang bertanggungjawab Sasaran 12.4: Menjelang 2020, capai pengurusan bahan kimia dan semua bahan buangan yang mesra alam sepanjang kitaran hayatnya, mengikut rangka kerja antarabangsa yang dipersetujui, dan dengan ketara mengurangkan pelepasannya ke udara, air dan tanah untuk meminimumkan kesan buruk terhadap kesihatan manusia dan alam sekitar Sasaran 12.5: Menjelang 2030, mengurangkan penajaan sisa dengan ketara melalui pencegahan, pengurangan, kitar semula dan penggunaan semula
3.	Keterbatasan dalam akses pendidikan	Kawasan penempatan Kg Layan tidak mempunyai tempat perkumpulan	Sosial	Masyarakat setempat	Kg Layan Kg Kindu	Matlamat 1: Tiada kemiskinan Sasaran 1.4: Menjelang 2030, pastikan semua lelaki dan wanita,

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		yang kondusif. Pelajar sekolah menghadapi cabaran pengangkutan apabila		Rumah atas air		khususnya golongan miskin dan rentan, mempunyai hak yang sama kepada sumber ekonomi, serta akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan ke atas tanah dan bentuk hartanah lain, pusaka, sumber asli, teknologi baharu dan perkhidmatan kewangan yang sesuai, termasuk kewangan mikro. Matlamat 4: Pendidikan berkualiti Sasaran 4.1: Menjelang 2030, pastikan semua perempuan dan lelaki menamatkan pendidikan rendah dan menengah percuma, saksama dan berkualiti yang membawa kepada hasil pembelajaran yang relevan dan berkesan

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						Sasaran 4.4: Menjelang 2030, meningkatkan dengan ketara bilangan belia dan dewasa yang mempunyai kemahiran yang berkaitan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional, bagi pemerolehan pekerjaan, pekerjaan layak dan keusahawanan. Sasaran 4.5: Menjelang 2030, hapuskan jurang perbezaan jantina dalam pendidikan dan pastikan akses sama rata kepada semua peringkat pendidikan dan latihan vokasional untuk golongan yang terdedah, termasuk orang kelainan upaya, orang asli dan kanak-kanak dalam situasi terdedah Matlamat 10: Mengurangkan ketidaksamaan

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						Sasaran 10.2: Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan kemasukan sosial, ekonomi dan politik semua, tanpa mengira umur, jantina, kelainan upaya, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau lain-lain. Matlamat 11: Bandar dan komuniti yang mampan Sasaran 11.7: Menjelang 2030, sediakan akses universal kepada ruang hijau dan awam yang selamat, inklusif dan boleh diakses, khususnya untuk wanita dan kanak-kanak, orang tua dan kelainan upaya
4	Keterbatasan infrastruktur asas dan kemudahan awam	Akses terhad kepada perkhidmatan kesihatan Gangguan bekalan air dan elektrik Keadaan jalan raya yang tidak baik	Sosial	Masyarakat setempat	Kg Sinansag Kg Ratau Kg Lubok Kg Kindu	Matlamat 3: Kehidupan sihat dan sejahtera Sasaran 3.8: Mencapai perlindungan kesihatan sejagat, termasuk perlindungan risiko kewangan, akses kepada perkhidmatan penjagaan

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		Komuniti komuniti yang tidak mencukupi Keadaan jambatan yang tidak kondusif			Kg Layan Kg Nongkolud Kg Topokon Kg Tenghilan Kg Kouluan	kesihatan penting yang berkualiti dan akses kepada ubat-ubatan dan vaksin perlu yang selamat, berkesan, berkualiti dan berpatutan untuk semua Matlamat 6: Air bersih dan sanitasi Sasaran 6.1: Menjelang 2030, mencapai akses universal dan saksama terhadap air minuman yang selamat dan mampu milik untuk semua Sasaran 6.4: Menjelang 2030, meningkatkan kecekapan penggunaan air dengan ketara merentasi semua sektor dan memastikan pengeluaran dan bekalan air tawar yang mampan untuk menangani kekurangan air dan mengurangkan dengan ketara bilangan orang yang mengalami kekurangan air.

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						Matlamat 7: Tenaga bersih dan mampu milik Sasaran 7.1: Menjelang 2030, pastikan akses universal kepada perkhidmatan tenaga yang berpatutan, boleh dipercayai dan moden Matlamat 9: Industry, inovasi dan infrastruktur Sasaran 9.1: Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia, dengan tumpuan pada akses yang berpatutan dan adil untuk semua Matlamat 11: Bandar dan komuniti yang mampan

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						Sasaran 11.7 - Menjelang 2030, sediakan akses universal kepada ruang hijau dan awam yang selamat, inklusif dan boleh diakses, khususnya untuk wanita dan kanak-kanak, orang tua dan kelainan upaya
5.	Fenomena banjir	Sistem perparitan yang tidak sistematik dan tidak diselenggara Aliran sungai yang tersekat Pembukaan kawasan baru atau tanah	Alam sekitar	Penduduk kampung Penempatan rumah atas air	Kg Kindu Kg Layan Kg Topokon	Matlamat 6: Air bersih dan sanitasi Sasaran 6.3 - Menjelang 2030, tingkatkan kualiti air dengan mengurangkan pencemaran, menghapuskan lambakan dan meminimumkan pembebasan bahan kimia dan bahan berbahaya, mengurangkan separuh bahagian air sisa yang tidak dirawat dan meningkatkan kitar semula dan penggunaan semula yang selamat dengan ketara secara global Sasaran 6.6 - Menjelang 2020, lindungi dan pulihkan ekosistem

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						berkaitan air, termasuk di kawasan gunung, hutan, tanah lembap, sungai, akuifer dan tasik Matlamat 11: Bandar dan komuniti yang mampan Sasaran 11.5 - Menjelang 2030, mengurangkan dengan ketara bilangan kematian dan bilangan mangsa terjejas, dan mengurangkan kerugian ekonomi langsung per KDNK global yang disebabkan oleh bencana, termasuk bencana berkaitan air, dengan tumpuan kepada melindungi golongan miskin dan rakyat dalam situasi yang terdedah Matlamat 13: Tindakan terhadap perubahan iklim Sasaran 13.1 - Kuatkan daya tahan dan kapasiti penyesuaian kepada

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						bahaya berkaitan iklim dan bencana alam di semua negara Matlamat 15: Kehidupan di darat Sasaran 15.2 - Menjelang 2020, menggalakkan pelaksanaan pengurusan lestari semua jenis hutan, menghentikan penebangan hutan, memulihkan hutan yang rosak dan meningkatkan penghutan dan penghutan semula dengan ketara secara global. Sasaran 15.3 - Menjelang 2030, memerangi penggurunan, memulihkan tanah dan tanah yang terdegradasi, termasuk tanah yang terjejas oleh penggurunan, kemarau dan banjir, dan berusaha untuk mencapai dunia yang neutral degradasi tanah

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
6.	Pencemaran bau	Pencemaran bau melalui udara disebabkan oleh sisa najis (ternakan khinzir dan ayam). Pencemaran bau melalui air parit Sisa kumbahan dari kawasan perumahan yang dilepaskan melalui sistem perparitan di kawasan kampung	Alam sekitar	Penduduk kampung	Kg Giling Tengah Kg Kouluan Kg Bawang Sungai Mangkaladoi	Matlamat 3: Kehidupan sihat dan sejahtera Sasaran 3.9 - Menjelang 2030, mengurangkan dengan ketara bilangan kematian dan penyakit daripada bahan kimia berbahaya dan pencemaran dan pencemaran udara, air dan tanah. Matlamat 6: Air bersih dan sanitasi Sasaran 6.3 - Menjelang 2030, tingkatkan kualiti air dengan mengurangkan pencemaran, menghapuskan lambakan dan meminimumkan pembebasan bahan kimia dan bahan berbahaya, mengurangkan separuh bahagian air sisa yang tidak dirawat dan meningkatkan kitar semula dan penggunaan semula yang selamat dengan ketara secara global

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						Matlamat 11: Bandar dan komuniti yang mampan Sasaran 11.6 - Menjelang 2030, kurangkan kesan buruk terhadap alam sekitar di petempatan per kapita, termasuk dengan memberi perhatian khusus kepada kualiti udara dan pengurusan sisa perbandaran dan lain-lain Matlamat 12: Penggunaan dan pengeluaran yang bertanggungjawab Sasaran 12.4 - Menjelang 2020, capai pengurusan bahan kimia dan semua bahan buangan yang mesra alam sepanjang kitaran hayatnya, mengikut rangka kerja antarabangsa yang dipersetujui, dan dengan ketara mengurangkan pelepasannya ke udara, air dan tanah untuk meminimumkan kesan buruk

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						terhadap kesihatan manusia dan alam sekitar. Sasaran 12.5 - Menjelang 2030, mengurangkan penajaan sisa dengan ketara melalui pencegahan, pengurangan, kitar semula dan penggunaan semula.

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 1: Dialog Bersama Komuniti Kg Sinansag Tarikh: 15 Mac 2025 Bilangan peserta: 16 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam lima kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Pejabat Daerah Kecil Kiulu 2. Pejabat Kebajikan Daerah Tuaran
1.	Cabaran infrastruktur jalan raya dan jambatan terhadap ekonomi dan akses perkhidmatan penduduk kampung.	Di kampung Sinansag, penduduk berdepan dengan pelbagai kesukaran yang berpunca daripada keadaan jalan raya dan infrastruktur pengangkutan yang tidak memuaskan. Walaupun terdapat sumber pendapatan daripada hasil pertanian, akses untuk membawa hasil dari kebun menjadi sangat mencabar kerana jalan pertanian yang tidak baik serta jarak kebun yang jauh, menyebabkan beban berat sukar diangkut. Masalah bertambah serius apabila penduduk jatuh sakit, kerana laluan utama yang melalui sungai memerlukan jambatan yang kukuh, namun ketika hujan lebat sungai melimpah dan menyukarkan mereka untuk ke bandar bagi mendapatkan rawatan. Keadaan ini pernah mengakibatkan kenderaan dihanyutkan kerana	Penolong Pegawai Daerah Kecil Kiulu: Isu keperluan rangkaian jalan dan jambatan di kawasan DUN Kiulu menekankan kepentingan infrastruktur asas dalam memastikan keterhubungan dan pembangunan seimbang antara pekan dan kawasan ulu. Walaupun terdapat jalan sedia ada yang menghubungkan pekan ke pedalaman, keadaan jalan tersebut masih bersifat putus-putus dan tidak membentuk satu rangkaian menyeluruh. Tambahan pula, meskipun peruntukan bagi pembinaan jalan baharu telah diumumkan dan diluluskan, masalah akses masih berterusan sehingga kini. Justeru, cadangan yang dikemukakan termasuklah pembinaan satu rangkaian jalan baharu yang lengkap dari pekan ke kawasan ulu serta pembinaan jambatan konkrit pada jarak anggaran setiap 10 hingga 15

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		terpaksa meredah jambatan dalam keadaan terdesak. Tambahan pula, jalan raya yang masih belum berturap, licin ketika hujan, dan curam menyukarkan pergerakan, terutama bagi kenderaan kecil yang tidak mampu mendaki. Keseluruhannya, kelemahan akses jalan raya bukan sahaja menghalang sumber ekonomi penduduk, tetapi juga mengancam keselamatan dan kesihatan mereka.	kilometer bagi melancarkan sistem perhubungan. Pelaksanaan cadangan ini diyakini mampu menyelesaikan masalah keterhubungan, meningkatkan ekonomi penduduk DUN Kiulu khususnya dalam sektor pertanian, pelancongan desa, dan perdagangan hasil kampung, serta mengurangkan pelbagai masalah sosio-ekonomi yang berpunca daripada kekangan infrastruktur asas.
2.	Cabaran akses pendidikan di kampung	Sejumlah kecil sahaja anak-anak yang masih bersekolah di sekolah rendah di kawasan mereka. Walaupun ada ibu bapa yang menghantar dan mengambil anak-anak ke sekolah, mereka berdepan dengan kos minyak yang tinggi serta risiko kerosakan kenderaan. Keadaan ini menyukarkan anak-anak untuk hadir ke sekolah secara konsisten, sekali gus menyebabkan kadar kehadiran menjadi rendah. Sekolah rendah yang terdekat iaitu SK Lokub terletak kira-kira tiga kilometer dari kampung, manakala sekolah menengah pula tidak ada di kawasan tersebut.	Pegawai Kebajikan Daerah Tuaran: Isu pendidikan luar bandar di Sabah, khususnya di daerah Tuaran, masih menjadi cabaran besar kerana kadar keciciran murid dan ketidakhadiran ke sekolah yang tinggi. Punca kepada masalah ini berpunca daripada faktor infrastruktur pendidikan yang tidak memadai, jarak sekolah yang jauh dari penempatan luar bandar, serta kekangan sosioekonomi keluarga yang tidak mampu menampung kos pengangkutan atau keperluan sekolah. Ramai murid di luar bandar tidak dapat hadir secara konsisten ke sekolah, dan sebahagiannya akhirnya berhenti terus daripada meneruskan pelajaran. Ini menyebabkan wujudnya jurang pendidikan yang semakin melebar antara murid luar bandar dan bandar, sekali gus mewarisi kitaran kemiskinan apabila generasi muda gagal

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			memperoleh kelayakan akademik yang boleh menjamin peluang pekerjaan lebih baik.
3.	Kekurangan akses kepada kursus kemahiran wanita di kampung	Kampung mereka belum pernah diadakan kursus-kursus kemahiran seperti yang terdapat di kampung lain. Antara contoh kursus yang dirasakan penting ialah kursus memasak atau menjahit yang boleh memberi peluang kepada wanita kampung untuk meningkatkan pendapatan. Walaupun ada yang cuba menghadiri kursus di kampung lain, mereka berasa kurang diberi tumpuan dan menghadapi kesukaran kerana ketiadaan bahan serta peralatan untuk mempraktikkan kemahiran selepas kursus. Keadaan ini menyebabkan wanita di kampung mereka jarang berpeluang mengembangkan kemahiran dan keusahawanan secara serius.	<i>Tiada maklum balas.</i>

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 2: Dialog Bersama Komuniti Kg Ratau Tarikh: 15 Mac 2025 Bilangan peserta: 23 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam empat kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Majlis Daerah Tuaran 2. Sabah Electricity 3. Jabatan Kerja Raya Tuaran 4. Pejabat Daerah Tuaran
1.	Kekurangan prasarana pelancongan	Terdapat aktiviti ekonomi berasaskan pelancongan seperti Ratau Campsite namun mengalami kekurangan daripada segi dewan terbuka.	<i>Tiada maklum balas</i>
2.	Harga komoditi getah yang rendah	Penoreh getah menghadapi cabaran dalam meneruskan aktiviti menoreh getah kerana harga komoditi getah adalah RM4.30 untuk satu kilogram. Hal ini menyebabkan pendapatan penoreh getah tidak stabil dan ditambah dengan keadaan kenaikan harga barang.	<i>Tiada maklum balas</i>
3.	Kaedah pengurusan sisa domestik di kampung	Penduduk mengurus sisa domestik dengan mengumpul sampah di belakang rumah untuk dibakar. Bagi kawasan umum seperti dewan, sampah juga hanya dikumpul dan dibakar di situ. Jika tidak dibakar, sampah akan dibongkar oleh anjing atau kerbau yang berkeliaran. Keadaan ini menunjukkan bahawa penduduk masih bergantung kepada kaedah pembakaran terbuka	Majlis Daerah Tuaran: Punca utama permasalahan ini adalah kawasan luar operasi Majlis Daerah Tuaran (MDT), seperti Kampung Sinansag, Nongkolud, Giling Tengah, Topokon, Lubok, Kindu dan Telipok, tidak termasuk dalam kawasan perkadaran yang menjadi

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		kerana tiada sistem pengurusan sisa yang lebih teratur.	tanggungjawab rasmi MDT. Hal ini menyebabkan isu kebersihan dan pengurusan sampah di kampung-kampung tersebut tidak berada dalam bidang kuasa MDT. Namun sekiranya terdapat permintaan atau aduan daripada penduduk kampung, MDT akan menjelaskan bahawa mereka tidak dapat menyediakan perkhidmatan kutipan sampah secara tetap di kawasan luar operasi. Sebaliknya, MDT hanya dapat mencadangkan syarikat swasta yang boleh dihubungi oleh penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan dengan bayaran. Pada masa sama, jika berlaku aduan longgokan sampah yang mendesak, pihak Pejabat Daerah akan cuba menyelaraskan dengan MDT untuk memberikan bantuan secara ad hoc, bergantung kepada kemampuan dan sumber yang ada. Walau bagaimanapun, terdapat juga fleksibiliti di mana penduduk kampung boleh membuang sampah

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			di rumah sampah yang disediakan di kawasan pekan, walaupun kemudahan itu asalnya hanya untuk kawasan operasi MDT. Pihak MDT juga tidak menghalang hal ini kerana memahami keperluan penduduk. Namun, kekangan sumber manusia dan kewangan menjadi faktor utama perkhidmatan tetap tidak dapat dilaksanakan.
4	Kesukaran akses jalan pertanian	Kesukaran akses ke kawasan pertanian menyukarkan pengangkutan hasil pertanian.	Jabatan Kerja Raya Tuaran: Proses yang dijalankan oleh pihak JKR Tuaran ialah dengan menghantar senarai permohonan naik taraf jalan dan jambatan kepada beberapa agensi peringkat persekutuan, iaitu Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), PJB, KKRS, dan KKRF. Permohonan ini dikemukakan melalui Rolling Plan Ke-5 dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Sebahagian projek telah mendapat kelulusan dan sedang berjalan, manakala sebahagian lagi masih menunggu kelulusan peruntukan. Antara projek yang sedang dilaksanakan adalah naik taraf jalan Pan Borneo (WP08: Berungis – Kota Belud, dan WP09: Serusup –

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Pituru), serta pembinaan jambatan seperti di SK Mantob (Kiulu) yang sedang berjalan dan Kampung Bayag (Pekan Kiulu) yang dalam peringkat pengurusan. Kesan daripada kelewatan projek termasuk ketidakselesaian pengguna jalan raya, kelewatan pembangunan, dan persepsi masyarakat terhadap keberkesanan agensi pelaksana. Walau bagaimanapun, JKR Tuaran memberi jaminan akan memantau kontraktor bagi mempercepatkan kerja-kerja yang sedang tertangguh.
5	Rangkaian telekomunikasi yang terhad	Liputan rangkaian telekomunikasi di kawasan kampung ini adalah terhad dan hanya rangkaian Maxis yang boleh digunakan namun pemancar terletak di kawasan Lukob. Walaupun terdapat rangkaian lain seperti Celcom dan Digi, liputannya tidak stabil, kadang-kadang tiada langsung. Keadaan ini menyukarkan penduduk untuk berhubung secara konsisten.	<i>Tiada maklum balas</i>
6	Masalah gangguan bekalan elektrik yang berpanjangan	Gangguan bekalan elektrik yang sering berlaku di Pekan Nabalu menyebabkan penduduk berdepan kesulitan dalam kehidupan seharian. Masalah ini	Sabah Electricity: Pembangunan bekalan elektrik di Sabah dilaksanakan secara radial, meliputi kawasan pedalaman termasuk

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		berpunca daripada pencawang yang tidak stabil sehingga menyebabkan ketiadaan elektrik berlaku berulang kali, kadang-kadang sehingga tiga hari dalam seminggu. Keadaan ini memaksa penduduk bergantung kepada generator sementara yang hanya membekalkan elektrik di sesetengah kawasan, manakala kawasan lain seperti Lubok masih tidak mendapat bekalan. Akibatnya, barangan mudah rosak seperti ikan yang dibeli di tamu tidak dapat disimpan lama dan cepat rosak, sekali gus menjejaskan ekonomi isi rumah. Masalah yang berlarutan sejak bertahun-tahun ini memberi kesan besar kepada kesejahteraan penduduk kerana ia menjejaskan aktiviti harian, keselamatan makanan, serta menambah kos perbelanjaan akibat terpaksa mencari alternatif tenaga lain.	kampung-kampung di ulu walaupun hanya terdapat satu atau dua rumah di penghujung jalan. Walaupun jalan yang ada hanya berupa laluan kecil, pihak mereka tetap menyalurkan bekalan elektrik. Namun begitu, cabaran utama yang dihadapi adalah berkaitan dengan akses ke kawasan-kawasan berkenaan dan juga keadaan talian elektrik lama yang dibina sejak dahulu. Bagi kawasan-kawasan yang masih menggunakan talian lama tanpa penebat, terutamanya di kawasan seperti Tamparuli dan Kiulu yang banyak pokok dan buluh, gangguan bekalan elektrik kerap berlaku. Apabila berlaku gangguan, ada setengahnya boleh dipulihkan secara kawalan jauh (remote switching), namun kebanyakannya memerlukan tindakan manual di lokasi. Pasukan Sabah Electricity perlu dihantar ke kawasan terbabit untuk melakukan kerja-kerja switching, dan hal ini mengambil masa, lebih-

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			lebih lagi jika lokasi jauh yang memerlukan perjalanan 30 hingga 40 minit. Jika gangguan tidak dapat dipulihkan dengan cara itu, pasukan teknikal perlu membuat rondaan menyeluruh di sepanjang talian dan setiap cabang untuk mengesan punca masalah, dan proses ini lazimnya memakan masa yang panjang.
7.	Gangguan kerbau terhadap sawah padi penduduk	Masalah yang dihadapi penduduk berkaitan dengan kerosakan sawah padi sering terjadi akibat kerbau yang menceroboh kawasan tanaman walaupun pemilik ternakan sudah menyediakan pagar. Pagar yang dibuat, biasanya daripada duri, tidak cukup kukuh untuk menghalang kerbau daripada melanggar masuk ke sawah, sehingga padi yang baru ditanam dua bulan pun boleh rosak sekelip mata. Kejadian ini berlaku berulang kali dan menimbulkan ketegangan antara pemilik sawah dan pemilik kerbau. Bagi mengurangkan konflik, pemilik	Penolong Pegawai Daerah Tuaran: Pendekatan untuk menangani isu kerosakan sawah padi akibat kerbau yang bebas merayau pula menekankan keperluan penguatkuasaan terhadap pemilik ternakan. Pemilik kerbau digalakkan untuk mengambil tanggungjawab menjaga ternakan mereka agar tidak mengganggu ketenteraman awam atau merosakkan tanaman penduduk. Sebagai langkah rasmi, pihak Pejabat Daerah Tuaran mencadangkan supaya APPGM-SDG menulis surat kepada agensi berkaitan untuk memastikan penguatkuasaan undang-undang dijalankan,

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		ternakan biasanya dipanggil berbincang dan diwajibkan membayar ganti rugi berdasarkan kerosakan tanaman yang berlaku. Walaupun pampasan diberikan, masalah ini tetap berulang, menyebabkan penduduk menanggung kerugian dan hasil tanaman mereka terjejas.	termasuk tindakan seperti kompaun terhadap pemilik yang cuai. Langkah ini bertujuan mengurangkan kejadian berulang dan memberi kesedaran kepada pemilik ternakan tentang tanggungjawab mereka.

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatkan Isu-isu FGD 3

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 3: Dialog Bersama Komuniti Kg Lubok Tarikh: 15 Mac 2025 Bilangan peserta: 16 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam empat kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Pejabat Daerah Kecil Kiulu 2. Sabah Electricity 3. Majlis Daerah Tuaran 4. Jabatan Kerja Raya Tuaran
1.	Kekangan petani menjalankan kegiatan pertanian	Penduduk menghadapi kesukaran daripada segi ekonomi kerana lokasi kebun dan tanah pertanian mereka jauh dari jalan raya utama, menjadikan pengangkutan hasil pertanian sukar dilakukan. Walaupun mereka berusaha menanam dan mengusahakan kebun, jarak jauh dan akses yang terhad memaksa mereka menggunakan jalan kecil atau jambatan gantung untuk mengangkut hasil tanaman. Hal ini menyebabkan pengangkutan hanya dapat dilakukan sedikit demi sedikit, menyukarkan proses penjualan atau pemasaran hasil tani serta membatasi potensi pendapatan mereka.	Penolong Pegawai Daerah Kecil Kiulu: Isu keperluan rangkaian jalan dan jambatan di kawasan DUN Kiulu menekankan kepentingan infrastruktur asas dalam memastikan keterhubungan dan pembangunan seimbang antara pekan dan kawasan ulu. Walaupun terdapat jalan sedia ada yang menghubungkan pekan ke pedalaman, keadaan jalan tersebut masih bersifat putus-putus dan tidak membentuk satu rangkaian menyeluruh. Tambahan pula, meskipun peruntukan bagi pembinaan jalan baharu telah diumumkan dan diluluskan, masalah akses masih berterusan sehingga kini. Justeru, cadangan yang dikemukakan termasuklah pembinaan satu rangkaian jalan baharu yang lengkap dari pekan ke kawasan ulu serta pembinaan jambatan konkrit pada jarak anggaran setiap 10 hingga 15 kilometer bagi melancarkan sistem perhubungan. Pelaksanaan cadangan ini diyakini mampu menyelesaikan masalah keterhubungan,

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			meningkatkan ekonomi penduduk DUN Kiulu khususnya dalam sektor pertanian, pelancongan desa, dan perdagangan hasil kampung, serta mengurangkan pelbagai masalah sosio-ekonomi yang berpunca daripada kekangan infrastruktur asas.
2.	Kebergantungan kepada solar akibat gangguan bekalan elektrik	Kawasan ini menghadapi masalah bekalan elektrik yang tidak stabil walaupun sebahagian besar penduduk dan institusi, termasuk gereja, telah memasang panel solar sendiri. Walau bagaimanapun, setiap keluarga hanya mampu memiliki beberapa unit solar sahaja, yang tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan elektrik harian secara konsisten. Masalah ini berlaku kerana kawasan tersebut sering mengalami gangguan bekalan elektrik, menyebabkan kekerapan tiada elektrik yang tinggi. Akibatnya, penduduk menghadapi kesulitan dalam aktiviti harian, termasuk penggunaan peralatan elektrik untuk keperluan rumah dan perniagaan, serta mengurangkan keselesaan dan produktiviti masyarakat di kawasan tersebut.	Sabah Electricity: Pembangunan bekalan elektrik di Sabah dilaksanakan secara radial, meliputi kawasan pedalaman termasuk kampung-kampung di ulu walaupun hanya terdapat satu atau dua rumah di penghujung jalan. Walaupun jalan yang ada hanya berupa laluan kecil, pihak mereka tetap menyalurkan bekalan elektrik. Namun begitu, cabaran utama yang dihadapi adalah berkaitan dengan akses ke kawasan-kawasan berkenaan dan juga keadaan talian elektrik lama yang dibina sejak dahulu. Talian lama tersebut tidak mempunyai penebat atau “kulit”, tetapi masih selamat digunakan kerana ia direka mengikut piawaian lama. Sebaliknya, talian baharu kini menggunakan kabel aerial grounded yang lebih selamat kerana jika terkena pokok atau buluh, ia tidak menyebabkan gangguan bekalan (tripping). Bagi kawasan-kawasan yang masih menggunakan talian lama tanpa penebat, terutamanya di kawasan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			seperti Tamparuli dan Kiulu yang banyak pokok dan buluh, gangguan bekalan elektrik kerap berlaku. Apabila berlaku gangguan, ada sesetengahnya boleh dipulihkan secara kawalan jauh (remote switching), namun kebanyakannya memerlukan tindakan manual di lokasi. Pasukan Sabah Electricity perlu dihantar ke kawasan terbabit untuk melakukan kerja-kerja switching, dan hal ini mengambil masa, lebih-lebih lagi jika lokasi jauh yang memerlukan perjalanan 30 hingga 40 minit. Jika gangguan tidak dapat dipulihkan dengan cara itu, pasukan teknikal perlu membuat rondaan menyeluruh di sepanjang talian dan setiap cabang untuk mengesan punca masalah, dan proses ini lazimnya memakan masa yang panjang.
3.	Infrastruktur jalan raya tidak baik dan bebanan pengangkutan hasil pertanian	Kawasan ini menghadapi masalah infrastruktur jalan raya dan jambatan yang terjejas sejak beberapa tahun lalu, termasuk jalan raya low-level yang dibina sekitar 2016 hingga 2019 tetapi cepat rosak walaupun peruntukan telah diberikan beberapa kali untuk baik pulih. Keadaan ini menyukarkan penduduk, terutamanya ketika mengangkut barang berat dari kebun ke rumah atau ke pusat pengumpulan, kerana jambatan gantung menjadi satu-satunya laluan, manakala	Jabatan Kerja Raya Tuaran: Proses yang dijalankan oleh pihak JKR Tuaran adalah dengan menghantar senarai permohonan naik taraf jalan dan jambatan kepada beberapa agensi peringkat persekutuan, iaitu Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), PJB, KKRS, dan KKRF. Permohonan ini dikemukakan melalui Rolling Plan Ke-5 dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Sebahagian projek telah mendapat kelulusan dan sedang berjalan, manakala sebahagian lagi masih menunggu

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		jalan raya sepanjang 1.5 km juga tidak memadai untuk memudahkan pengangkutan. Bagi warga emas dan keluarga mereka, keadaan ini menimbulkan beban fizikal yang besar kerana mereka perlu bergantung kepada anak-anak atau waris untuk mengangkut hasil pertanian, menjadikan aktiviti harian dan produktiviti ekonomi tempatan terjejas.	kelulusan peruntukan. Antara projek yang sedang dilaksanakan ialah naik taraf jalan Pan Borneo (WP08: Berungis – Kota Belud, dan WP09: Serusup – Pituru), serta pembinaan jambatan seperti di SK Mantob (Kiulu) yang sedang berjalan dan Kampung Bayag (Pekan Kiulu) yang dalam peringkat pengurusan. Kesan daripada kelewatan projek termasuklah ketidakselesaian pengguna jalan raya, kelewatan pembangunan, dan persepsi masyarakat terhadap keberkesanan agensi pelaksana. Walau bagaimanapun, JKR Tuaran memberi jaminan akan memantau kontraktor bagi mempercepatkan kerja-kerja yang sedang tertangguh. Kelompok fokus dalam isu ini adalah masyarakat setempat di daerah Tuaran, khususnya pengguna jalan raya dan jambatan, serta agensi pelaksana (JKR dan kontraktor) yang terlibat dalam merealisasikan projek pembangunan infrastruktur tersebut.
4.	Ketiadaan pusat ICT di kawasan kampung	Kampung ini tidak mempunyai pusat ICT, walaupun penduduk rata-rata berminat dengan teknologi maklumat dan komunikasi. Pusat ICT yang paling dekat terletak di Kampung Melanggang, namun penggunaannya sangat	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		sesak sehingga menyukarkan penduduk untuk mengakses kemudahan tersebut.	
5.	Keperluan pusat pelupusan sisa di kawasan kampung	Pengurusan sisa di kampung ini bergantung kepada kuantiti sampah. Jika jumlahnya sedikit, mereka akan membakarnya, namun jika terlalu banyak, mereka terpaksa membuangnya ke luar kampung. Setakat ini, belum ada pusat pelupusan khusus di kampung tersebut. Oleh itu, peserta mencadangkan supaya diwujudkan pusat pelupusan sendiri untuk memudahkan pengurusan sisa secara lebih teratur dan berkesan.	Majlis Daerah Tuaran: Punca utama permasalahan ini adalah kawasan luar operasi Majlis Daerah Tuaran (MDT), seperti Kampung Sinansag, Nongkolud, Giling Tengah, Topokon, Lubok, Kindu dan Telipok, tidak termasuk dalam kawasan perkadaran yang menjadi tanggungjawab rasmi MDT. Hal ini menyebabkan isu kebersihan dan pengurusan sampah di kampung-kampung tersebut tidak berada dalam bidang kuasa MDT. Namun sekiranya terdapat permintaan atau aduan daripada penduduk kampung, MDT akan menjelaskan bahawa mereka tidak dapat menyediakan perkhidmatan kutipan sampah secara tetap di kawasan luar operasi. Sebaliknya, MDT hanya dapat mencadangkan syarikat swasta yang boleh dihubungi oleh penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan dengan bayaran. Pada masa sama, jika berlaku aduan longgokan sampah yang mendesak, pihak Pejabat Daerah akan cuba menyelaras dengan MDT untuk memberikan bantuan secara ad hoc, bergantung kepada kemampuan dan sumber yang ada.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Walau bagaimanapun, terdapat juga fleksibiliti di mana penduduk kampung boleh membuang sampah di rumah sampah yang disediakan di kawasan pekan, walaupun kemudahan itu asalnya hanya untuk kawasan operasi MDT. Pihak MDT juga tidak menghalang hal ini kerana memahami keperluan penduduk. Namun, kekangan sumber manusia dan kewangan menjadi faktor utama perkhidmatan tetap tidak dapat dilaksanakan.
6.	Masalah urusan tanah dan kelewatan proses di pejabat	Penduduk kampung menghadapi kesulitan dalam urusan pengukuran tanah kerana proses di pejabat tanah tidak lancar. Walaupun pegawai datang ke lapangan dan mengukur kawasan dengan lengkap, dokumen atau hasil ukur tidak diserahkan atau diproses sepenuhnya di pejabat, menyebabkan perkara itu tertangguh. Penduduk terpaksa melakukan perjalanan jauh ke Wisma Tanah di Kota Kinabalu untuk menguruskan hal ini, tetapi sering kali pegawai yang diperlukan tidak ada atau urusan tidak dapat diselesaikan pada hari yang sama. Keadaan ini menimbulkan kelewatan, membebankan penduduk dari segi masa dan tenaga, serta menghalang mereka daripada	Penolong Pegawai Pejabat Daerah Kiulu: Kekangan dalam pengukuran tanah di bawah Program PANTAS berpunca daripada keterbatasan sumber tenaga kerja di Jabatan Tanah dan Ukur (JTU) Sabah. Pada masa ini, semua proses pengukuran dilaksanakan melalui JTU, namun kekurangan kakitangan, terutama akibat ramai pegawai yang bersara, menyebabkan proses berjalan perlahan dan banyak kes tanah tertangguh. Sehubungan itu, cadangan dikemukakan agar kerajaan persekutuan bekerjasama dengan JTU Sabah untuk melibatkan juru ukur swasta dalam pelaksanaan pengukuran tanah. Langkah ini dilihat sebagai strategi praktikal bagi mempercepatkan proses pengukuran, membolehkan lebih banyak tanah diukur dalam

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		menyelesaikan keperluan pentadbiran tanah dengan efektif.	tempoh singkat, sekaligus mengatasi kekangan sumber manusia di JTU.
7.	Kesesakan tempat perumahan dan ketiadaan ruang peribadi	Di kawasan ini, rumah yang didiami keluarga besar menimbulkan masalah ruang dan privasi apabila anak-anak membesar. Walaupun rumah tersebut mempunyai beberapa tingkat atau bahagian, bilangan anak yang ramai (terutama lelaki) membuatkan mereka sukar mempunyai ruang tersendiri. Keadaan ini menimbulkan ketidakselesaan dalam kehidupan harian, mengurangkan persendirian, dan boleh menimbulkan tekanan atau konflik dalam kalangan ahli keluarga apabila keperluan ruang individu tidak dipenuhi.	<i>Agensi berkaitan tidak hadir semasa sesi dialog antara agensi.</i>
8.	Hakisan sungai	Tebing sungai mengalami hakisan yang ketara sepanjang laluan dari simpang low-level hingga ke kawasan hulu, menyebabkan tanah di kiri dan kanan sungai terkikis. Kejadian ini turut memberi kesan kepada sawah padi penduduk kampung yang berada berhampiran tebing, mengakibatkan sebahagian tanah pertanian mereka hilang atau rosak.	<i>Agensi berkaitan tidak hadir semasa sesi dialog antara agensi.</i>
9.	Kejadian banjir dan keperluan	Di kawasan ini, hujan lebat selama beberapa jam menyebabkan paras air sungai naik dengan cepat, meningkatkan risiko banjir. Laluan air yang	<i>Agensi berkaitan tidak hadir semasa sesi dialog antara agensi.</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	infrastruktur penampungan	asalnya rendah telah dinaikkan aras batunya semasa pembinaan low-level, menyebabkan aliran air tersumbat dan banjir menjadi lebih tinggi daripada sebelumnya. Penduduk tempatan mencadangkan pemasangan gabion sebagai penampungan banjir untuk mengurangkan kesan air naik dan melindungi kawasan sekitar.	
10.	Sumber pendapatan yang terhad dan tidak stabil	Majoriti wanita di kampung merupakan suri rumah tangga yang bergantung sepenuhnya kepada pendapatan suami. Sebahagian kecil bekerja dalam sektor swasta, namun kebanyakan penduduk terlibat dalam pertanian, khususnya menoreh getah. Aktiviti ini sangat terikat dengan keadaan cuaca, di mana musim hujan menyukarkan mereka untuk bekerja dan memberi kesan langsung kepada pendapatan keluarga.	<i>Agensi berkaitan tidak hadir semasa sesi dialog antara agensi.</i>

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 4: Dialog Bersama Komuniti Kg Kindu Tarikh: 16 Mac 2025 Bilangan peserta: 21 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam empat kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Pejabat Daerah Kecil Kiulu 2. Pejabat Kebajikan Daerah Tuaran
1.	Kurang keselamatan dan gangguan haiwan liar terhadap komuniti kampung	Di Kampung Kindu, populasi haiwan liar seperti anjing dan monyet menimbulkan pelbagai masalah keselamatan dan gangguan harian kepada penduduk. Anjing liar kerap menggigit penduduk, dengan sekurang-kurangnya sepuluh orang pernah dikejarkan ke hospital kerana bimbang dijangkiti rabies, manakala haiwan itu juga mengganggu aktiviti harian seperti membakar atau membuang sampah kerana mereka akan menarik sampah ke kawasan jiran, menimbulkan konflik. Monyet pula merosakkan tanaman dan harta benda, termasuk memijak bumbung zink dan mencuri buah durian yang baru tumbuh. Usaha untuk melaporkan kejadian sering terbatas kerana prosedur melibatkan persetujuan satu kampung, menyebabkan sebahagian penduduk enggan bertindak. Keadaan ini menimbulkan risiko kesihatan, kerugian ekonomi, serta tekanan psikologi kepada penduduk, sambil menekankan perlunya	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		pengurusan dan penguatkuasaan lebih berkesan terhadap haiwan liar di kawasan tersebut.	
2.	Ketiadaan akses kepada perumahan dan kekangan pemilikan tanah	Punca utama masalah ini adalah ketiadaan tapak tanah milik sendiri yang menjadi syarat untuk memohon rumah di bawah skim kerajaan seperti SMJ. Prosesnya bermula apabila penduduk yang berhasrat untuk memohon rumah berdepan dengan keperluan memiliki tanah, namun mereka tidak mempunyai hak milik atau tapak yang sesuai. Kesan daripada kekangan ini adalah ramai penduduk tidak dapat mengakses bantuan perumahan walaupun berada dalam keadaan memerlukan, sekali gus mengekalkan masalah tempat tinggal yang sempit, tidak selesa atau tidak selamat. Kelompok yang paling terkesan ialah golongan berpendapatan rendah, termasuk keluarga besar dan mereka yang tidak mempunyai tanah warisan.	<i>Tiada maklum balas</i>
3.	Ketiadaan akses pendidikan dan beban kos sara hidup	Punca utama masalah ini adalah kos pendidikan tidak langsung yang tinggi seperti tambang kenderaan, belanja harian, dan perbelanjaan bulanan yang membebankan keluarga berpendapatan rendah. Prosesnya berlaku	Pegawai Kebajikan Daerah Tuaran: Isu pendidikan luar bandar di Sabah, khususnya di daerah Tuaran, masih menjadi cabaran besar kerana kadar keciciran murid dan ketidakhadiran ke sekolah yang tinggi. Punca kepada masalah ini berpunca

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		apabila pelajar di kawasan luar bandar perlu berulang alik ke sekolah yang jauh, memerlukan kos pengangkutan sehingga RM60 seorang sebulan, ditambah pula dengan perbelanjaan makan dan keperluan lain. Hal ini semakin membebankan apabila dalam satu keluarga terdapat dua atau tiga orang anak yang bersekolah, sedangkan pendapatan isi rumah tidak mencukupi, lebih-lebih lagi jika ketua keluarga tidak bekerja tetap. Kesan daripada kekangan ini ialah ramai remaja berhenti sekolah seawal Tingkatan 2 atau 3, menyebabkan mereka tidak melanjutkan pelajaran, seterusnya hanya bergantung kepada kerja sambilan atau kerja tidak formal. Kelompok yang paling terkesan ialah pelajar remaja di luar bandar serta keluarga B40 yang tidak mampu menampung kos pendidikan anak-anak mereka.	daripada faktor infrastruktur pendidikan yang tidak memadai, jarak sekolah yang jauh dari penempatan luar bandar, serta kekangan sosioekonomi keluarga yang tidak mampu menampung kos pengangkutan atau keperluan sekolah. Ramai murid di luar bandar tidak dapat hadir secara konsisten ke sekolah, dan sebahagiannya akhirnya berhenti terus daripada meneruskan pelajaran. Ini menyebabkan wujudnya jurang pendidikan yang semakin melebar antara murid luar bandar dan bandar, sekali gus mewarisi kitaran kemiskinan apabila generasi muda gagal memperoleh kelayakan akademik yang boleh menjamin peluang pekerjaan lebih baik.
4.	Pengurusan sisa dan kebersihan persekitaran yang tidak terurus	Punca utama masalah ini adalahh ketiadaan sistem pengurusan sisa pepejal yang teratur di kawasan penempatan atas air mahupun di darat. Masalah ini berlaku apabila setiap isi rumah menguruskan sampah mengikut cara masing-masing, seperti membakar atau menyimpan dalam baldi, manakala sebahagian lagi sampah	Majlis Daerah Tuaran: Punca utama permasalahan ini ialah kawasan luar operasi Majlis Daerah Tuaran (MDT), seperti Kampung Sinansag, Nongkolud, Giling Tengah, Topokon, Lubok, Kindu dan Telipok, tidak termasuk dalam kawasan perkadaran yang menjadi tanggungjawab rasmi MDT. Hal ini menyebabkan isu

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		hanyut ke laut akibat pasang surut air. Hal ini menyebabkan sisa tidak terkawal, hanyut ke sekitar perkampungan dan kembali semula ketika air pasang, menjadikan masalah pencemaran berulang. Kesan yang timbul adalah pencemaran persekitaran, risiko kesihatan, dan imej kampung yang terjejas, lebih-lebih lagi kawasan penempatan atas air mudah dikaitkan dengan pembuangan sampah.	kebersihan dan pengurusan sampah di kampung-kampung tersebut tidak berada dalam bidang kuasa MDT. Namun sekiranya terdapat permintaan atau aduan daripada penduduk kampung, MDT akan menjelaskan bahawa mereka tidak dapat menyediakan perkhidmatan kutipan sampah secara tetap di kawasan luar operasi. Sebaliknya, MDT hanya dapat mencadangkan syarikat swasta yang boleh dihubungi oleh penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan dengan bayaran. Pada masa sama, jika berlaku aduan longgokan sampah yang mendesak, pihak Pejabat Daerah akan cuba menyelaras dengan MDT untuk memberikan bantuan secara ad hoc, bergantung kepada kemampuan dan sumber yang ada. Walau bagaimanapun, terdapat juga fleksibiliti di mana penduduk kampung boleh membuang sampah di rumah sampah yang disediakan di kawasan pekan, walaupun kemudahan itu asalnya hanya untuk kawasan operasi MDT. Pihak MDT juga tidak menghalang hal ini kerana memahami keperluan penduduk. Namun, kekangan sumber manusia dan kewangan menjadi faktor utama perkhidmatan tetap tidak dapat dilaksanakan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
5.	Ketiadaan dokumen dalam kalangan anak-anak dan kurangnya akses pendidikan	Punca masalah ini berpunca daripada status perkahwinan campur antara penduduk tempatan dengan pasangan luar negara yang tidak memiliki dokumen sah. Apabila anak-anak hasil perkahwinan ini tidak didaftarkan secara rasmi, menyebabkan mereka tidak mempunyai dokumen pengenalan diri. Tanpa dokumen, mereka tidak layak mendaftar ke sekolah formal, sekali gus tercicir daripada sistem pendidikan. Kesan yang timbul adalah golongan ini membesar tanpa kemahiran membaca dan menulis, menjadikan mereka sukar memperoleh pekerjaan serta berisiko berdepan dengan kitaran kemiskinan.	Pegawai Kebajikan Daerah Tuaran: Isu kewarganegaraan di Sabah, khususnya melibatkan golongan stateless (individu tanpa kewarganegaraan) dan stray child (kanak-kanak tanpa dokumen sah), masih berlarutan hingga hari ini tanpa penyelesaian tuntas. Punca utama masalah ini ialah kegagalan dalam proses pengurusan dokumen pengenalan diri serta kelemahan dalam sistem verifikasi yang menyebabkan sebahagian masyarakat tidak diiktiraf sebagai warganegara. Proses penyelesaian yang perlahan dan berlapis menjadikan ramai penduduk terpinggir daripada akses kepada hak asasi seperti pendidikan, kesihatan, pekerjaan rasmi, dan bantuan kebajikan. Kesan langsungnya bukan sahaja menimbulkan ancaman sosial, malah mengekalkan kelompok ini dalam kitaran kemiskinan, sekali gus menyumbang kepada data kemiskinan tegar di Sabah. Cadangan penyelesaian yang dikemukakan ialah menambah peruntukan ahli parlimen, memandangkan keluasan kawasan parlimen di Sabah terlalu besar untuk diurus dengan sumber sedia ada. Langkah ini dijangka dapat mengukuhkan kapasiti pentadbiran tempatan dalam menangani isu

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			kewarganegaraan, sekali gus mempercepat usaha mengurangkan kadar kemiskinan tegar di negeri ini.
6.	Pengangguran graduan dan kekurangan akses pekerjaan berkualiti	Di kampung ini, walaupun ramai anak muda berjaya menamatkan pengajian tinggi sehingga ke peringkat universiti, realitinya mereka masih bekerja di kilang kerana kekurangan peluang pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan mereka. Keadaan ini menimbulkan kekecewaan dalam kalangan ibu bapa yang telah berusaha bersungguh-sungguh membiayai pendidikan anak-anak mereka, kerana penat lelah dan kos yang ditanggung tidak memberi pulangan dalam bentuk pekerjaan yang setimpal. Fenomena ini menjejaskan motivasi generasi muda, di mana mereka berpendidikan tinggi tetapi masih terbatas kepada pekerjaan berkemahiran rendah, seterusnya menimbulkan rasa sedih dan risau di kalangan keluarga yang berharap pendidikan dapat meningkatkan taraf hidup anak-anak mereka.	<i>Tiada maklum balas</i>
7.	Keterbatasan sumber ekonomi dan ketiadaan akses kepada makanan	Di kampung ini, kehidupan penduduk banyak bergantung kepada sumber semula jadi seperti menangkap ikan, menanam sayur, dan mencari hasil hutan. Namun, hasil daripada aktiviti ini sangat terhad; nelayan hanya memperoleh sedikit	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	oleh komuniti luar bandar	tangkapan untuk keluarga, manakala tanaman sayur pula biasanya sekadar pucuk-pucuk, dan hasil ternakan seperti ayam jarang diperoleh. Keadaan ini menuntut penduduk untuk bekerja keras dan rajin meneroka hutan demi menampung keperluan harian, menunjukkan kebergantungan mereka kepada sumber semula jadi yang tidak stabil dan mencabar dari segi ekonomi keluarga.	

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 5: Dialog Bersama Komuniti Kg Layan Tarikh: 16 Mac 2025 Bilangan peserta: 22 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam empat kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Jabatan Air Daerah Tuaran 2. Sabah Electricity 3. UPPM Pantai Dalit
1.	Kerentanan penempatan dan risiko bencana banjir terhadap komuniti	Keadaan penempatan di Kg Layan adalah tidak selamat, dengan struktur tanah yang lemah dan kawasan yang mudah terdedah kepada pasang surut air. Apabila hujan lebat atau air pasang melanda, keadaan tanah licak menyebabkan rumah menjadi condong dan akhirnya ditenggelami air. Peristiwa banjir besar pada Disember 2021 telah menenggelamkan lebih 20 buah rumah, dan sehingga kini masih terdapat lima buah rumah yang tidak dapat dibina semula. Ini menyebabkan terdapat beberapa penduduk kampung terdedah kepada kehilangan tempat tinggal yang selamat, hidup dalam keadaan tidak stabil, serta berisiko tinggi terhadap bencana berulang. Golongan yang paling terkesan adalah keluarga berpendapatan rendah yang tinggal di kawasan penempatan ini kerana mereka tidak mempunyai pilihan atau kemampuan untuk berpindah ke kawasan yang lebih selamat.	<i>Agensi berkaitan tidak hadir semasa sesi dialog antara agensi.</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Penempatan berisiko tinggi dan gangguan hidup akibat air pasang	Kedudukan penempatan Kg Layan yang di atas air terdedah kepada air pasang besar. Apabila paras air naik sehingga menenggelamkan kawasan jambatan dan rumah berdekatan, kadangkala setinggi paras pinggang. Situasi ini sering berlaku pada waktu malam, di mana penduduk terpaksa berjaga hingga awal pagi untuk menunggu air surut sebelum boleh membersihkan rumah mereka. Keadaan ini menjejaskan kualiti hidup penduduk di mana mereka mengalami keletihan fizikal, gangguan tidur, kerosakan harta benda, serta tekanan emosi akibat rutin berulang setiap kali air pasang berlaku.	<i>Agensi berkaitan tidak hadir semasa sesi dialog antara agensi.</i>
3.	Kegagalan infrastruktur elektrik	Kg Layan menghadapi infrastruktur elektrik yang tidak lengkap dan tidak selamat, khususnya sistem pendawaian (wiring) dari rumah ke rumah yang tidak pernah disiapkan dengan baik sejak lebih 20 tahun lalu. Walaupun terdapat tiang elektrik yang sudah dipacak, tetapi kabel yang dipasang telah dicabut semula disebabkan keadaan kabeli yang tergantung merentangi sungai tanpa sokongan kukuh. Lama-kelamaan, wayar semakin menurun dan tergantung rendah, berisiko besar apabila arus elektrik dialirkan. Ini menyebabkan penduduk terus hidup tanpa	Sabah Electricity: Bagi kawasan tertentu seperti Kampung Layan yang penduduknya masih bergantung kepada tenaga solar yang tidak mencukupi, wakil Sabah Electricity menjelaskan bahawa kawasan tersebut memang belum menerima bekalan daripada mereka. Untuk cadangan penyaluran elektrik di kawasan seperti ini, pihak yang lebih sesuai untuk dirujuk ialah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) melalui program bekalan elektrik luar bandar, memandangkan kementerian tersebut mempunyai

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		bekalan elektrik stabil, hanya mampu bergantung kepada alternatif lain, dan akhirnya kehilangan keyakinan terhadap janji projek kerajaan. Malah, isu ini menjejaskan harapan penduduk sehingga ada yang merasakan mungkin hanya generasi anak cucu mereka akan mendapat manfaat elektrik yang sepatutnya dinikmati sejak lama.	dana khusus untuk tujuan elektrifikasi di kawasan pedalaman.
4.	Krisis bekalan air dan beban kos infrastruktur	Pada awalnya, kerajaan membekalkan satu meter untuk satu kampung, tetapi bil yang tinggi mencecah lebih RM10,000 menyebabkan bekalan dipotong kerana tiada persetujuan atau kemampuan untuk melunaskan bayaran. Akibatnya, penduduk terpaksa mencari alternatif dengan membeli air dari kawasan berdekatan. Hanya 9 daripada 44 rumah mampu memasang meter individu kerana kos pemasangan terlalu tinggi (sekitar RM2,000 termasuk meter, hos, paip, dan kos kontraktor). Namun, bekalan air daripada 9 rumah tersebut tidak dapat menampung keperluan keseluruhan kampung. Penduduk lain terpaksa menumpang, menyebabkan keadaan berkongsi air menjadi sukar dimana ada yang hanya mendapat giliran mengambil air pada jam 1 atau 2 pagi. Tambahan	Jabatan Air Daerah Tuaran: Punca utama masalah bekalan air di daerah Tuaran, khususnya kawasan luar bandar, ialah dua faktor: (i) loji rawatan air terpaksa dihentikan operasi ketika musim hujan kerana kekeruhan sungai melebihi tahap piawaian, dan (ii) banyak kampung masih berada di luar rangkaian sistem perpaipan sedia ada. Hal ini menyebabkan sebahagian besar penduduk luar bandar belum menikmati bekalan air terawat yang konsisten. Proses penyelesaian yang sedang dijalankan oleh Jabatan Air termasuk pelaksanaan beberapa projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) seperti di Upper Kiulu, Penimbawan, Bukit Giling Tengah, dan projek retikulasi Kota Kinabalu yang bertujuan memperluas jaringan paip sehingga ke kawasan kampung. Projek Upper Kiulu misalnya masih di peringkat perolehan,

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		pula, masalah teknikal sering berlaku, termasuk gangguan air berminggu-minggu lamanya, menjadikan isu ini semakin kritikal kerana air adalah keperluan asas harian.	manakala di Telibung 2 Fasa 2, loji rawatan air telah siap dibina tetapi belum dapat beroperasi sepenuhnya kerana ketiadaan paip agihan. Projek pemasangan paip di bawah Pakej WP8 Pan Borneo dijangka siap sekitar Julai, dengan pengeluaran air stabil pada Ogos selepas ujian teknikal selesai. Kesan projek ini apabila siap kelak ialah dapat menstabilkan bekalan air di kawasan Sulaman, Gayang, dan sekitarnya yang sebelum ini sering mengalami gangguan kerana berkongsi sumber dengan Kota Kinabalu. Dalam jangka masa sederhana, projek paip dari Telibung 2 dijangka mengatasi masalah ketidakstabilan bekalan di kawasan pantai barat Tuaran. Namun, untuk jangka masa panjang, kerajaan masih bergantung kepada projek mega seperti Papar Dam atau projek dari Ulu Padas bagi menjamin sumber bekalan air yang mencukupi untuk Greater Kota Kinabalu termasuk Papar, Kota Kinabalu dan Tuaran.
5.	Keterhadan pendapatan dan beban kewangan nelayan kecil	Pada tahun 1990-an, pernah wujud inisiatif penternakan ikan siakap melalui sangkar yang diberikan kepada penduduk kampung. Namun, masalah pencemaran air, sampah, dan kematian ikan menyebabkan program tersebut dihentikan	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		oleh pihak berkenaan. Selepas itu, bantuan sara hidup dalam bentuk elaun sebanyak RM300 sebulan diperkenalkan kepada nelayan. Elaun ini kemudiannya boleh dijadikan cagaran di Agro Bank untuk mendapatkan peralatan seperti bot dan enjin, dengan bayaran dipotong terus daripada elaun tersebut. Walaupun langkah ini membantu nelayan mendapatkan aset, ia tetap membebankan kerana hasil tangkapan tidak menentu, terutama ketika musim tengkujuh, dan tiada bantuan khusus disediakan pada musim tersebut. Persatuan nelayan dahulu pernah aktif tetapi terhenti tanpa sebab yang jelas. Kini, terdapat Ko-Nelayan yang menyediakan pinjaman untuk peralatan, namun dengan komitmen bayaran bulanan yang agak tinggi (sekitar RM200–RM278). Ramai nelayan gagal melunaskan hutang tepat waktu kerana pendapatan tidak tetap, menyebabkan mereka dianggap muflis dan tidak lagi layak memohon pinjaman baharu. Ada juga yang bergantung kepada Amanah Ikhtiar untuk membeli peralatan.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Di samping itu, kos operasi harian seperti minyak turut menjadi beban. Ada subsidi 20 liter minyak disediakan melalui persatuan nelayan bagi mereka yang berdaftar, tetapi bagi yang tidak berdaftar, kos boleh mencecah RM30–RM50 sehari, bergantung kepada penggunaan. Situasi ini menambah lagi tekanan kewangan kepada nelayan kecil.	
6.	Ancaman keselamatan dan risiko hidup akibat gangguan hidupan liar	Penduduk kampung berdepan ancaman haiwan liar, khususnya buaya. Ada kes di mana penduduk digigit, walaupun punca serangan tidak jelas sama ada kerana buaya lapar atau faktor lain. Situasi ini menimbulkan rasa takut dan kebimbangan kerana pihak berkuasa (perhilitan) tidak dapat mengambil tindakan tuntas. Akibatnya, aktiviti menangkap udang pada waktu malam yang dahulunya menjadi salah satu sumber rezeki semakin terhenti kerana penduduk enggan mengambil risiko.	UPPM Pantai Dalit: Di kawasan Pantai Dalit, masalah utama yang dibangkitkan ialah kewujudan haiwan liar, khususnya buaya. Kehadiran buaya di kawasan perairan ini menimbulkan ancaman berterusan kepada penduduk. Isu ini berulang kali dilaporkan kepada pihak berwajib, di mana aduan tentang kehadiran buaya kerap diterima daripada komuniti setempat. Kejadian melibatkan buaya telah pun berlaku, menunjukkan masalah ini bukan sekadar potensi bahaya tetapi ancaman nyata.

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 6: Dialog Bersama Komuniti Kg Nongkolud dan Kg Giling Tengah Tarikh: 16 Mac 2025 Bilangan peserta: 10 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam empat kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Pejabat Tanah dan Ukur 2. Majlis Daerah Tuaran 3. Jabatan Kerja Raya Tuaran 4. Sabah Electricity
1.	Kekangan tanah rizab kampung dan keterpinggiran pembangunan perumahan	Kesan utama yang dihadapi penduduk Kampung Nongkolud ialah kesesakan penempatan dan ketiadaan tapak rumah baharu. Walau pun Ketua Kampung dan JKK telah berulang kali memohon penambahan rizab kampung kepada Jabatan Tanah, namun sehingga kini tiada kelulusan diberikan kerana tanah sekitar merupakan tanah kerajaan dan kampung pula dikelilingi air, membataskan ruang penempatan. Akibatnya, penduduk tidak layak menerima manfaat daripada skim perumahan kerajaan seperti Rumah Sabah Maju Jaya (SMJ) kerana syarat utama ialah memiliki tapak. Kesan ini menyebabkan mereka rasa tertindas dan semakin tertinggal daripada segi pembangunan berbanding komuniti lain.	Pejabat Tanah dan Ukur: Untuk permohonan tanah, Ketua Kampung atau pihak pemohon perlu mengenal pasti kawasan sesuai, kemudian mengemukakan permohonan lengkap beserta pelan lokasi kepada Pejabat Tanah. Permohonan ini akan diproses dan dibawa ke ibu pejabat untuk mendapatkan komen. Jika kawasan tersebut tersedia, ia akan dibincangkan dalam mesyuarat Land Use Committee (LUC) untuk kelulusan lanjut.
2.	Risiko tanah runtuh dan kekangan tapak	Penduduk menghadapi risiko tanah runtuh di kawasan perbukitan kampung. Keadaan ini berlaku apabila kerja-kerja meratakan tanah di	<i>Agensi berkaitan tidak memberikan maklum balas di dalam sesi dialog ini.</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	selamat untuk penempatan	kawasan bukit dilakukan oleh pemilik tanah untuk membina tempat kediaman, yang kemudian meningkatkan risiko tanah runtuh. Keadaan ini menjejaskan keselamatan penduduk kerana beberapa rumah berada di kawasan berisiko tinggi. Kesan lanjut ialah penduduk memerlukan penempatan baharu yang lebih selamat, namun kekangan rizab tanah menghalang usaha pemindahan.	
3.	Pengurusan sisa pepejal terhadap akibat status rizab kampung	Kesan yang timbul di Kampung Nongkolud, Seranda, dan juga Giling ialah masalah pembuangan sampah tidak teratur yang menjejaskan kebersihan kampung. Situasi ini berlaku kerana kampung ini berstatus rizab, menyebabkan penduduk tidak dikenakan cukai pintu dan seterusnya tidak mendapat kemudahan tong sampah atau kutipan sampah daripada pihak majlis daerah. Akibatnya, sebahagian penduduk membuang sampah secara sembarangan seperti mengikat dan membuang terus, manakala segelintir yang lebih sedar mengumpul dan membuang di tapak pelupusan ketika ke pekan secara tidak rasmi.	Majlis Daerah Tuaran: Punca utama permasalahan ini ialah kawasan luar operasi Majlis Daerah Tuaran (MDT), seperti Kampung Sinansag, Nongkolud, Giling Tengah, Topokon, Lubok, Kindu dan Telipok, tidak termasuk dalam kawasan perkadaran yang menjadi tanggungjawab rasmi MDT. Hal ini menyebabkan isu kebersihan dan pengurusan sampah di kampung-kampung tersebut tidak berada dalam bidang kuasa MDT. Namun sekiranya terdapat permintaan atau aduan daripada penduduk kampung, MDT akan menjelaskan bahawa mereka tidak dapat menyediakan perkhidmatan kutipan sampah secara tetap di kawasan luar operasi. Sebaliknya, MDT hanya dapat mencadangkan syarikat swasta yang boleh dihubungi oleh penduduk untuk mendapatkan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			perkhidmatan dengan bayaran. Pada masa sama, jika berlaku aduan longgokan sampah yang mendesak, pihak Pejabat Daerah akan cuba menyelaraskan dengan MDT untuk memberikan bantuan secara ad hoc, bergantung kepada kemampuan dan sumber yang ada. Walaupun bagaimanapun, terdapat juga fleksibiliti di mana penduduk kampung boleh membuang sampah di rumah sampah yang disediakan di kawasan pekan, walaupun kemudahan itu asalnya hanya untuk kawasan operasi MDT. Pihak MDT juga tidak menghalang hal ini kerana memahami keperluan penduduk. Namun, kekangan sumber manusia dan kewangan menjadi faktor utama perkhidmatan tetap tidak dapat dilaksanakan.
4	Kesan pembangunan tidak terancang terhadap habitat dan keselamatan penduduk pesisir	Pembangunan tidak terancang di sekitar Kampung Nongkolud yang menjejaskan habitat semula jadi. Prosesnya berlaku apabila kawasan pesisiran pantai dan sungai dibangunkan secara tidak sesuai sehingga mengubah ekosistem, mengurangkan populasi ikan dan ketam, serta menjejaskan saliran air. Kesan langsungnya, fenomena banjir pasang surut semakin kerap berlaku, mengakibatkan rumah-rumah di	<i>Agensi berkaitan tidak hadir semasa sesi dialog antara agensi ini.</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		pesisiran runtuh atau rosak teruk, malah ada penduduk yang terkejut mendapati air naik sehingga ke bawah katil ketika tidur malam. Hal ini bukan sahaja merosakkan kediaman tetapi juga meningkatkan kerentanan hidup masyarakat.	
5.	Kesesakan infrastruktur jalan akibat kepadatan penempatan yang tidak terancang	Keadaan jalan yang sempit di kawasan kampung ini berpunca daripada penempatan rumah yang tidak teratur dan semakin padat. Keadaan ini berlaku apabila rumah-rumah dibina rapat antara satu sama lain tanpa perancangan infrastruktur yang rapi, menyebabkan laluan jalan semakin mengecil. Kesan langsungnya, akses keluar masuk penduduk menjadi sukar, termasuk untuk keperluan harian, kecemasan, dan kenderaan besar. Hal ini menjejaskan keselamatan, mobiliti, serta kualiti hidup masyarakat setempat.	Jabatan Kerja Raya Tuaran: Proses yang dijalankan oleh pihak JKR Tuaran ialah dengan menghantar senarai permohonan naik taraf jalan dan jambatan kepada beberapa agensi peringkat persekutuan, iaitu Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), PJB, KKRS, dan KKRF. Permohonan ini dikemukakan melalui Rolling Plan Ke-5 dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Sebahagian projek telah mendapat kelulusan dan sedang berjalan, manakala sebahagian lagi masih menunggu kelulusan peruntukan. Antara projek yang sedang dilaksanakan ialah naik taraf jalan Pan Borneo (WP08: Berungis – Kota Belud, dan WP09: Serusup – Pituru), serta pembinaan jambatan seperti di SK Mantob (Kiulu) yang sedang berjalan dan Kampung Bayag (Pekan Kiulu) yang dalam peringkat pengurusan. Kesan daripada kelewatan projek termasuklah ketidakselesaan pengguna jalan raya, kelewatan pembangunan, dan persepsi masyarakat terhadap keberkesanan agensi pelaksana. Walau bagaimanapun, JKR Tuaran memberi jaminan akan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			memantau kontraktor bagi mempercepatkan kerja-kerja yang sedang tertangguh. Kelompok fokus dalam isu ini ialah masyarakat setempat di daerah Tuaran, khususnya pengguna jalan raya dan jambatan, serta agensi pelaksana (JKR dan kontraktor) yang terlibat dalam merealisasikan projek pembangunan infrastruktur tersebut.
6.	Keselamatan infrastruktur telekomunikasi yang tidak terurus	Punca isu ini adalah pemasangan talian telekomunikasi yang tidak teratur dan terlalu rendah. Keadaan berlaku apabila kabel ditarik tanpa standard keselamatan yang jelas, sehingga melintang rendah di kawasan jalan kampung. Akibatnya, kenderaan tinggi seperti lori sering tersangkut pada kabel, menimbulkan risiko kemalangan, kerosakan harta benda, serta membahayakan pengguna jalan raya. Walaupun aduan telah banyak kali dibuat kepada pihak berkaitan, tiada tindakan susulan yang jelas diambil.	<i>Tiada maklum balas</i>
7.	Keselamatan komuniti dan kegagalan pengurusan anjing liar	Punca masalah ialah populasi anjing liar yang tidak terkawal di kawasan kampung. Prosesnya bermula apabila penduduk membuat aduan kepada pihak berkuasa, termasuk Majlis Daerah dan polis, tetapi tiada tindakan susulan diambil kerana anjing dianggap di bawah jagaan habitat	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		binatang terkawal dan penduduk pula dilarang mengambil tindakan sendiri. Keadaan ini menyebabkan kes penduduk, termasuk orang tua, digigit anjing liar semakin kerap berlaku, menimbulkan kebimbangan keselamatan dan kesihatan seperti risiko rabies.	
8.	Kelewatan tindakan pihak berwajib terhadap isu bekalan elektrik dan keselamatan penduduk	Punca utama isu ini ialah kelewatan dan kegagalan pihak berwajib untuk mengambil tindakan terhadap masalah bekalan elektrik dan infrastruktur sokongan di kampung. Prosesnya bermula apabila penduduk dan wakil kampung telah berulang kali membuat aduan bertulis serta melampirkan bukti gambar, namun hanya menerima jawapan tanpa tindakan susulan. Kesan daripada kelewatan ini adalah risiko keselamatan kepada penduduk, termasuk bahaya kayu sokongan jatuh ke rumah, serta ketiadaan akses elektrik yang stabil untuk kegunaan harian.	Sabah Electricity: Bagi keadaan tiang elektrik yang berkarat dan tidak kukuh, maklumat aduan biasanya disalurkan melalui pejabat Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM). Setelah menerima aduan, tindakan segera akan diambil termasuk kerja-kerja penukaran tiang kayu atau tiang berkarat kepada tiang konkrit jenis spun concrete yang lebih tahan lama.
9.	Kesan negatif pembangunan infrastruktur terhadap sistem saliran dan kualiti hidup penduduk kampung	Punca masalah ini ialah kesan pembangunan Pan Borneo yang mengubah laluan asal saliran air dan parit kampung. Prosesnya berlaku apabila projek pembinaan membuang tanah dan menutup laluan parit, menyebabkan aliran air tersumbat. Kesan daripada itu, jalan kampung mudah tenggelam setiap kali hujan, berlaku banjir kilat,	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		bau busuk dari parit tersumbat, serta pencemaran alam sekitar.	

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 7: Dialog Bersama Komuniti Kampung Bahab dan Kampung Kimondou Tarikh: 17 Mac 2025 Bilangan peserta: 21 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam empat kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Sabah Electricity 2. Majlis Daerah Tuaran 3. Pejabat Daerah Tuaran
1.	Ketiadaan penyelenggaraan sungai yang menjejaskan pencarian rezeki dan mobiliti komuniti (Kg. Linsuk, Kg. Kimondou, Kg. Bahab)	Punca masalah adalah kegagalan penyelenggaraan berkala sungai oleh pihak berwajib. Jika dahulu kerajaan melakukan kerja-kerja pembersihan sungai setiap 2 tahun, kini sudah lebih 5 tahun tidak dilakukan. Ini menyebabkan sungai dibiarkan tanpa rawatan sehingga dipenuhi dengan batang kayu besar dan pokok bakau tumbang. Kesan daripada itu, laluan sungai menjadi sempit dan sukar digunakan. Hal ini menjejaskan penduduk kampung yang bergantung pada sungai sebagai sumber pencarian rezeki (nelayan), laluan utama ke laut, dan juga laluan adat seperti ke tanah perkuburan.	<i>Tiada maklum balas</i>
2.	Infrastruktur elektrik usang dan tindakan lambat pihak berwajib	Punca masalah ini berpunca daripada tiang elektrik yang sudah uzur, reput dan berada terlalu dekat dengan kawasan rumah penduduk. Walaupun SESB pernah turun padang melakukan tinjauan selepas aduan dibuat, tiada tindakan	Sabah Electricity: Bagi keadaan tiang elektrik yang berkarat dan tidak kukuh, maklumat aduan biasanya disalurkan melalui pejabat Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM). Setelah menerima aduan, tindakan segera

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	(Kg. Linsuk, Kg. Kimondou)	susulan diambil. Tiang elektrik yang lama tidak diganti menyebabkan wayar tergantung rendah hingga mencecah pokok mangga dan berada terlalu hampir dengan kenderaan yang melalui kawasan tersebut.	akan diambil termasuk kerja-kerja penukaran tiang kayu atau tiang berkarat kepada tiang konkrit jenis spun concrete yang lebih tahan lama.
3.	Ketiadaan Ketua Kampung dan JKKK menyebabkan kekosongan pentadbiran serta masalah sosial-adat (Kg. Kimondou, Kg. Bahab)	Kg Kimondou dan Kg Bahab berdepan dengan masalah besar apabila sehingga kini masih tidak mempunyai ketua kampung dan JKKK yang rasmi walaupun permintaan telah dibuat sejak zaman kerajaan PBS lagi. Ketiadaan pentadbir menyebabkan penduduk terpaksa meminjam khidmat ketua kampung dari kampung bersebelahan, seperti di Tinuhan, setiap kali ada urusan rasmi atau hal berkaitan adat istiadat. Namun keadaan ini menyulitkan kerana ketua kampung dari kampung lain juga mempunyai tanggungjawab terhadap komuniti mereka sendiri. Akibatnya, urusan adat seperti meminang menjadi rumit, penduduk merasa terpinggir daripada struktur pentadbiran rasmi, dan kampung tidak mempunyai wakil sah dalam hal pembangunan atau mendapatkan bantuan kerajaan.	<i>Tiada maklum balas</i>
4.	Ketiadaan pengiktirafan rasmi	Isu yang dikemukakan oleh penduduk Kampung Bahab menekankan kepentingan pengiktirafan	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	kampung dan tanah adat yang menjejaskan struktur pentadbiran serta hak pembangunan masyarakat. (Kg. Bahab)	rasmi terhadap tanah dan pentadbiran kampung. Mereka telah memohon pewartaan Tanah Simpanan Perumahan Anak Negeri bagi menjamin keperluan penempatan generasi penduduk setempat serta Tanah Simpanan Perkuburan Anak Negeri untuk tujuan pengurusan jenazah masyarakat kampung. Selain itu, mereka turut menuntut agar Kampung Bahab diwartakan sebagai sebuah jajahan perkampungan rasmi. Pewartaan ini penting kerana ia melayakkan kampung mempunyai Ketua Kampung dan JKKK, sekaligus membolehkan urusan pentadbiran serta pembangunan diuruskan sendiri oleh penduduk. Pada masa ini, ketiadaan pengiktirafan menyebabkan mereka bergantung kepada Jawatan Kuasa Dalam Bandar (JKDB) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Namun, dengan ketiadaan pengerusi JKDB selama dua penggal, segala urusan dan keperluan penduduk menjadi terbengkalai. Situasi ini telah mengakibatkan kampung berasa terpinggir serta tidak mendapat manfaat sewajarnya daripada saluran pentadbiran rasmi.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
5.	Pengurusan sisa pepejal tidak teratur di peringkat kampung	Kaedah yang diamalkan ialah dengan membakar sampah di kawasan kampung atau mengangkut sendiri ke Pekan Tenghilan untuk dilupuskan. Hal ini menunjukkan ketiadaan sistem pengurusan sisa yang tersusun, sekaligus berpotensi menjejaskan kebersihan serta kesihatan penduduk.	Majlis Daerah Tuaran: Punca utama permasalahan ini ialah kawasan luar operasi Majlis Daerah Tuaran (MDT), seperti Kampung Sinansag, Nongkolud, Giling Tengah, Topokon, Lubok, Kindu dan Telipok, tidak termasuk dalam kawasan perkadaran yang menjadi tanggungjawab rasmi MDT. Hal ini menyebabkan isu kebersihan dan pengurusan sampah di kampung-kampung tersebut tidak berada dalam bidang kuasa MDT. Namun sekiranya terdapat permintaan atau aduan daripada penduduk kampung, MDT akan menjelaskan bahawa mereka tidak dapat menyediakan perkhidmatan kutipan sampah secara tetap di kawasan luar operasi. Sebaliknya, MDT hanya dapat mencadangkan syarikat swasta yang boleh dihubungi oleh penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan dengan bayaran. Pada masa sama, jika berlaku aduan longgokan sampah yang mendesak, pihak Pejabat Daerah akan cuba menyelaras dengan MDT untuk memberikan bantuan secara ad hoc, bergantung kepada kemampuan dan sumber yang ada. Walau bagaimanapun, terdapat juga fleksibiliti di mana penduduk kampung boleh membuang sampah

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			di rumah sampah yang disediakan di kawasan pekan, walaupun kemudahan itu asalnya hanya untuk kawasan operasi MDT. Pihak MDT juga tidak menghalang hal ini kerana memahami keperluan penduduk. Namun, kekangan sumber manusia dan kewangan menjadi faktor utama perkhidmatan tetap tidak dapat dilaksanakan.
6.	Gangguan haiwan ternakan (kerbau) yang merosakkan tanaman dan membahayakan keselamatan penduduk.	Masalah kerbau yang dibiarkan berkeliaran menimbulkan kesan besar kepada penduduk kampung. Setiap kali kerbau masuk ke kawasan penempatan, tanaman penduduk habis rosak dan usaha bercucuk tanam menjadi sia-sia. Proses gangguan ini berlaku kerana haiwan tersebut bebas keluar masuk ke kawasan kampung tanpa kawalan, meskipun sudah ada undang-undang yang melarang kerbau berkeliaran. Kesan lain yang turut dirasakan ialah ancaman terhadap keselamatan penduduk, kerana kerbau yang berada di jalan raya sering menjadi punca kemalangan, sama ada pada siang atau malam. Keadaan ini menekan kehidupan penduduk kampung yang bergantung kepada pertanian untuk sumber makanan dan pendapatan, selain meletakkan mereka dalam situasi tidak selamat ketika bergerak di sekitar kampung.	Pejabat Daerah Tuaran: Pendekatan untuk menangani isu kerosakan sawah padi akibat kerbau yang bebas merayau pula menekankan keperluan penguatkuasaan terhadap pemilik ternakan. Pemilik kerbau digalakkan untuk mengambil tanggungjawab menjaga ternakan mereka agar tidak mengganggu ketenteraman awam atau merosakkan tanaman penduduk. Sebagai langkah formal, pihak Pejabat Daerah Tuaran mencadangkan supaya APPGM-SDG menulis surat kepada agensi berkaitan untuk memastikan penguatkuasaan undang-undang dijalankan, termasuk tindakan seperti kompaun terhadap pemilik yang cuai. Langkah ini bertujuan mengurangkan kejadian berulang dan memberi kesedaran kepada pemilik ternakan tentang tanggungjawab mereka.

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatkan Isu-isu FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 8: Dialog Bersama Komuniti Mukim Topokon Tarikh: 17 Mac 2025 Bilangan peserta: 22 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam empat kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Pejabat Daerah Tuaran 2. Jabatan Air Daerah Tuaran
1.	Hakisan tanah akibat pembangunan bukit yang tidak terkawal	Akibat daripada kerja-kerja meratakan bukit oleh pemilik tanah di bahagian ulu, struktur tanah berubah sehingga menyebabkan hakisan yang serius. Proses hakisan ini menjadi lebih parah apabila hujan lebat, di mana tanah runtuh terbawa masuk ke sungai lalu mendap di dasarnya. Kedalaman sungai yang dahulunya mencecah 8 hingga 10 kaki kini semakin cetek, menjadikan sungai mudah melimpah walaupun hujan tidak terlalu lebat. Kesan langsungnya ialah rumah-rumah penduduk kampung sering dinaiki air, manakala sawah yang menjadi sumber pertanian turut terbiar akibat kerap ditenggelami banjir. Kelompok yang paling terkesan ialah penduduk kampung yang tinggal berhampiran tebing sungai dan bergantung pada tanah sawah sebagai sumber kehidupan.	<i>Tiada maklum balas</i>
2.	Kegagalan sistem saliran menyebabkan	Masalah utama yang dihadapi ialah pesawah tidak dapat lagi mengusahakan sawah padi mereka. Proses ini berlaku kerana aliran air sudah tidak	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	sawah tidak boleh diusahakan	mengalir seperti sepatutnya ke hilir, sebaliknya bertakung dan melimpah balik ke kawasan sawah. Kesan langsungnya, tanah sawah menjadi terlalu basah dan tidak sesuai untuk ditanam, sekali gus menjejaskan hasil pertanian. Kelompok yang paling terkesan ialah pesawah yang bergantung hidup kepada penanaman padi sebagai sumber makanan dan pendapatan.	
3.	Ketiadaan pengurusan ternakan bersepadu menyebabkan kerosakan tanaman serta konflik antara komuniti.	Isu utama yang dibangkitkan peserta ialah ternakan kerbau yang dibiarkan berkeliaran tanpa kawalan. Dahulu, penduduk kampung mampu mengatasi masalah ini melalui gotong-royong untuk membina pagar, namun kini tenaga kerja semakin berkurangan kerana golongan muda sudah bersekolah atau bekerja di luar. Tinggal hanya penduduk tua yang tidak lagi mampu melakukan kerja berat. Situasi ini menyebabkan pagar tidak terurus, dan kerbau bebas meragut di sawah padi. Masalah menjadi lebih rumit kerana kerbau bukan sahaja milik penduduk kampung tersebut, tetapi juga datang dari kampung-kampung berhampiran. Akibatnya, tanaman padi rosak, dan isu ganti rugi sering tidak dapat diselesaikan. Penduduk berharap agar pihak berkuasa dapat menyediakan kawasan ragutan	Penolong Pegawai Daerah Tuaran: Pendekatan untuk menangani isu kerosakan tanaman akibat kerbau yang bebas merayau pula menekankan keperluan penguatkuasaan terhadap pemilik ternakan. Pemilik kerbau digalakkan untuk mengambil tanggungjawab menjaga ternakan mereka agar tidak mengganggu ketenteraman awam atau merosakkan tanaman penduduk. Sebagai langkah formal, pihak Pejabat Daerah Tuaran mencadangkan supaya APPGM-SDG menulis surat kepada agensi berkaitan untuk memastikan penguatkuasaan undang-undang dijalankan, termasuk tindakan seperti kompaun terhadap pemilik yang cuai. Langkah ini bertujuan mengurangkan kejadian berulang dan memberi kesedaran kepada pemilik ternakan tentang tanggungjawab mereka.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		khas atau mewajibkan pemilik mengurung ternakan mereka untuk mengelakkan kerosakan berulang.	
4.	Penyelenggaraan perparitan yang tidak berkesan dan halangan laluan parit menyebabkan banjir berulang	Penduduk kampung berdepan masalah perparitan yang tersumbat, menyebabkan air lambat surut setiap kali hujan lebat atau banjir. Keadaan ini lebih rumit apabila terdapat isu laluan parit yang melalui tanah persendirian, yang menimbulkan risiko konflik dengan pemilik tanah. Selain itu, penduduk menyatakan bahawa dahulu parit dibersihkan secara berkala, tetapi kini kerja penyelenggaraan tidak lagi dilakukan dengan baik oleh kontraktor. Hanya pemotongan rumput dibuat tanpa tindakan korekan untuk melancarkan aliran air. Akibatnya, parit kecil yang sepatutnya mengalirkan air kini bertukar seperti sungai kecil yang tidak dapat menampung limpahan, mengakibatkan air bertakung berhari-hari di kawasan kampung.	<i>Tiada maklum balas</i>
5.	Kegagalan sistem saliran sungai akibat tiada pembersihan dan faktor pasang surut	Masalah ini berpunca daripada sungai yang semakin cetek, tidak diselenggara, serta aliran tersumbat akibat timbunan bambu. Apabila musim hujan dan air sungai naik, ditambah dengan keadaan air laut pasang, aliran air menjadi	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	laut meningkatkan risiko banjir kampung	perlahan dan tidak dapat keluar dengan lancar. Sebaliknya, air dari sungai besar masuk semula ke kawasan kampung, menyebabkan banjir semakin buruk berbanding dahulu. Kesan daripada keadaan ini ialah banjir lebih kerap dan lebih tinggi, yang menjejaskan kawasan penempatan, sawah, serta infrastruktur penduduk. Selain itu, ia menimbulkan kebimbangan kerana banjir kini sudah melimpah ke kawasan yang sebelum ini selamat. Cadangan yang pernah dikemukakan termasuk pembinaan pintu mitigasi di muara sungai untuk mengawal aliran masuk dan keluar air.	
6.	Aktiviti pengambilan pasir berhampiran loji air menimbulkan keresahan masyarakat	Masalah ini berpunca daripada aktiviti pengambilan pasir berhampiran loji air yang dijalankan secara kerap. Pasir disedut terlalu dekat dengan kawasan loji kerana keperluan operasi pam air. Namun, pengambilan yang berlebihan atau tidak mengikut tempoh yang ditetapkan (sepatutnya setiap 3 bulan, tetapi dilanjutkan hingga 4 bulan) menimbulkan kesan negatif.	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Keadaan ini menimbulkan kerisauan dan salah faham dalam kalangan penduduk kampung, kerana mereka melihat aktiviti tersebut menjejaskan aliran sungai serta memberi implikasi kepada persekitaran. Situasi ini menimbulkan ketegangan antara penduduk dengan pihak pengendali loji, dan kepimpinan kampung berasa sukar untuk memberi penjelasan yang jelas kepada masyarakat.	
7.	Ketiadaan penyerahan rasmi dan penyelenggaraan padang kampung menyebabkan keselamatan dan fungsi kemudahan awam terabai.	Masalah ini berpunca daripada padang Topokan yang tidak diselenggara dengan baik serta ketiadaan penyerahan rasmi kepada JPKK atau ketua kampung. Padang tersebut sering menjadi licin dan berbahaya apabila hujan, selain terdapat serpihan tajam seperti kaca serta gangguan kerbau yang merosakkan rumput. Oleh kerana tiada penyerahan rasmi, pihak kepimpinan kampung tidak mempunyai kuasa atau panduan jelas untuk menguruskan kemudahan tersebut.	<i>Tiada maklum balas</i>
8.	Ketiadaan saluran paip utama menyebabkan penduduk Kg Kepayan terpaksa bergantung pada	Penduduk Kg Kepayan pada asalnya bergantung kepada sumber air graviti. Namun, selepas berlaku pembukaan tanah di kawasan hulu, sumber air graviti menjadi kering dan tidak lagi mencukupi. Kini, penduduk berharap agar bekalan air bersih dari loji dapat disalurkan ke	Jabatan Air Daerah Tuaran: Punca utama masalah bekalan air di daerah Tuaran, khususnya kawasan luar bandar, ialah dua faktor: (i) loji rawatan air terpaksa dihentikan operasi ketika musim hujan kerana kekeruhan sungai melebihi tahap piawaian, dan (ii) banyak kampung masih

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	sistem air graviti yang tidak stabil dan mudah terjejas.	kampung. Namun, penyambungan ini sukar dibuat kerana tiada saluran paip utama bersaiz besar (6 inci) yang membolehkan pemasangan meter air dilakukan. Akibatnya, penduduk terus bergantung kepada sistem graviti yang sering menghadapi masalah, terutama ketika musim hujan yang menyebabkan tadahan mudah pecah dan tersumbat.	berada di luar rangkaian sistem perpaipan sedia ada. Hal ini menyebabkan sebahagian besar penduduk luar bandar belum menikmati bekalan air terawat yang konsisten. Proses penyelesaian yang sedang dijalankan oleh Jabatan Air termasuk pelaksanaan beberapa projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) seperti di Upper Kiulu, Penimbawan, Bukit Giling Tengah, dan projek retikulasi Kota Kinabalu yang bertujuan memperluas jaringan paip sehingga ke kawasan kampung. Projek Upper Kiulu misalnya masih di peringkat perolehan, manakala di Telibung 2 Fasa 2, loji rawatan air telah siap dibina tetapi belum dapat beroperasi sepenuhnya kerana ketiadaan paip agihan. Projek pemasangan paip di bawah Pakej WP8 Pan Borneo dijangka siap sekitar Julai, dengan pengeluaran air stabil pada Ogos selepas ujian teknikal selesai. Kesan projek ini apabila siap kelak ialah dapat menstabilkan bekalan air di kawasan Sulaman, Gayang, dan sekitarnya yang sebelum ini sering mengalami gangguan kerana berkongsi sumber dengan Kota Kinabalu. Dalam jangka masa sederhana, projek paip dari Telibung 2 dijangka

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			mengatasi masalah ketidakstabilan bekalan di kawasan pantai barat Tuaran. Namun, untuk jangka masa panjang, kerajaan masih bergantung kepada projek mega seperti Papar Dam atau projek dari Ulu Padas bagi menjamin sumber bekalan air yang mencukupi untuk Greater Kota Kinabalu termasuk Papar, Kota Kinabalu dan Tuaran.

Jadual 12. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 9

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 9: Dialog Bersama Komuniti Kg Kouluan Tarikh: 17 Mac 2025 Bilangan peserta: 13 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam empat kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Pejabat Kesihatan Kawasan Tuaran 2. Jabatan Kerja Raya Tuaran
1.	Pencemaran alam sekitar akibat operasi kandang ayam besar (milik syarikat Seri Tawau)	Isu yang dibangkitkan oleh peserta FGD berkaitan dengan kegiatan operasi kandang ayam milik syarikat besar Seri Tawau yang menimbulkan pelbagai kesan kepada alam sekitar dan masyarakat di Tuaran. Pembukaan tanah dan pembesaran kawasan kandang ayam telah menyebabkan pencemaran air, bau, dan bunyi, selain mengakibatkan berlakunya banjir kilat kerana sistem perparitan yang tidak tersusun dan semakin sempit. Kampung Kouluan dikenal pasti sebagai kawasan paling teruk terkesan kerana setiap kali hujan lebat, kawasan rendahnya akan ditenggelami air deras. Penduduk bersama JKK telah beberapa kali mengajukan isu ini di peringkat daerah sejak tahun 2021, termasuk membincangkannya dalam mesyuarat rasmi yang turut melibatkan pihak syarikat. Walau bagaimanapun, sehingga kini masalah berlarutan kerana kes telah meningkat ke tahap perundangan dan hanya ditangani oleh pihak	Pejabat Kesihatan Kawasan Tuaran: Isu pencemaran sungai di Tuaran memperlihatkan peranan Unit Bekalan Air dan Kesihatan Alam Sekitar (BAKAS) yang terhad kepada aspek pemantauan sahaja. BAKAS bertanggungjawab menjalankan persampelan air khususnya di kawasan luar bandar dengan fokus kepada pemantauan kualiti air. Namun, unit ini tidak mempunyai kuasa penguatkuasaan untuk mengambil tindakan terhadap pihak yang mencemarkan sungai. Sebarang tindakan lanjut, khususnya yang melibatkan sisa haiwan atau pencemaran industri, perlu dirujuk kepada agensi berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS) atau Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Hal ini menunjukkan bahawa fungsi BAKAS hanya tertumpu kepada pemantauan dan persampelan, manakala kuasa penguatkuasaan serta tindakan tegas terhadap pencemar sungai terletak pada agensi lain yang mempunyai bidang kuasa khusus.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Pejabat Daerah, ADO, Jabatan Alam Sekitar, jabatan perparitan, perlesenan serta jurutera daerah. Malah, pencemaran amonia yang berpunca daripada operasi kandang ayam tersebut pernah menjejaskan bekalan air hingga ke Kota Kinabalu, termasuk kawasan Tuaran.	
2.	Masalah banjir berulang akibat sistem perparitan tidak teratur dan kelemahan pengurusan bantuan di kawasan Kouluan, Tuaran.	Isu yang diketengahkan oleh peserta FGD ini merujuk kepada masalah banjir berulang di kawasan Kouluan, Tuaran yang berpunca daripada timbunan tanah sekitar kawasan operasi kandang ayam sehingga menyebabkan aliran air tersekat dan bertakung lama. Keadaan ini menjadikan kawasan kampung seolah-olah lautan apabila hujan lebat, manakala kawasan kandang ayam bersebelahan tetap kering. Penduduk mendakwa bantuan banjir juga tidak sampai dengan adil, meskipun mereka sering membuat laporan, mengambil gambar, dan menyerahkan bukti. Hal ini menimbulkan rasa kecewa dalam kalangan penduduk kerana mereka dituduh tidak menjalankan tanggungjawab, sedangkan bantuan kewangan hanya diumumkan tetapi tidak diterima.	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Bagi penyelesaian, penduduk mencadangkan supaya parit dan sungai di belakang kawasan diperbesarkan, kalbut (saluran kecil) yang ada ditambah baik atau diperluas, serta diwujudkan parit khas di sempadan tanah kampung dengan tanah milik Seri Tawau bagi mempercepatkan aliran air keluar ketika banjir. Kegagalan menyediakan sistem perparitan yang sesuai menyebabkan rumah-rumah penduduk ditenggelami air, perabot rosak, tilam dan kusyen musnah, serta jalan raya dipenuhi air sehingga menyukarkan pergerakan. Mereka juga berharap pihak kerajaan dapat menyediakan kalbut bersaiz standard kerana penduduk tidak mampu membinanya sendiri.	
3.	Infrastruktur lampu jalan rosak menyebabkan keselamatan dan kesejahteraan penduduk terjejas.	Isu yang dibangkitkan peserta FGD ini merujuk kepada masalah lampu jalan yang rosak dan tidak berfungsi di kawasan Kouluan. Walaupun tiang dan lampu jalan telah dipasang, kebanyakannya sudah rosak ("sot") dan tidak pernah dibaiki meskipun penduduk pernah membuat aduan melalui surat. Keadaan jalan yang gelap pada waktu malam menimbulkan rasa tidak selamat kerana risiko kecurian, termasuk kes kecurian kerbau, menjadi semakin tinggi.	Jabatan Kerja Raya Tuaran: Punca utama isu lampu jalan di daerah Tuaran berpunca daripada dua faktor: pertama, kos pemasangan lampu jalan yang tinggi menyebabkan Jabatan Kerja Raya (JKR) tidak mampu memasang lampu di sepanjang jalan bawah seliaan mereka, khususnya jalan gravel seperti di Kampung Sinansag. Kedua, terdapat kekeliruan dalam bidang kuasa antara JKR, Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB/SE), dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			mengenai penyediaan dan penyelenggaraan lampu jalan di kampung. Proses yang berlaku ialah JKR setiap tahun membuat penilaian dan menyediakan sebut harga untuk mengenal pasti lokasi gelap yang memerlukan lampu jalan, namun pemasangan hanya dapat dibuat di kawasan tertentu kerana kekangan kos. Sementara itu, untuk lampu jalan kampung, tanggungjawab pembaikan dikendalikan oleh SE dengan rujukan daripada Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM). Manakala pemasangan baharu tertakluk kepada program di bawah KKDW yang dijalankan secara berkala mengikut pakej tender tertentu.

Jadual 13. Perincian Hasil Dapatkan Isu-isu FGD 10

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 10: Dialog Bersama NGO dan Persatuan Tarikh: 18 Mac 2025 Bilangan peserta: 12 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam satu kumpulan			Agensi yang memberikan respon: 1. Majlis Daerah Tuaran 2. Jabatan Pertanian Tuaran 3. Jabatan Kerja Raya Tuaran
1.	Kekangan dana persatuan dan koperasi menjejaskan kelangsungan aktiviti serta penglibatan ahli.	Beberapa persatuan dan koperasi di Tuaran menghadapi kekangan dana yang menjejaskan kelancaran aktiviti dan peranan mereka dalam komuniti. Walaupun penjaja pasar mempunyai pendapatan, kutipan yuran dianggap mahal oleh ahli, menyebabkan persatuan sukar mengumpul dana. Situasi ini menghalang pelaksanaan aktiviti, malah menimbulkan persepsi bahawa persatuan tidak aktif. Selain itu, koperasi pelancongan yang baru berdaftar pada tahun 2024 juga berdepan cabaran sama kerana ahli kampung masih sukar membayar yuran dan syer walaupun jumlahnya kecil. Kesan daripada kekangan kewangan ini termasuklah ketiadaan pejabat tetap, terhadnya aktiviti pembangunan komuniti, serta kurangnya penglibatan ahli yang mengharap sokongan percuma. Golongan yang paling terkesan ialah ahli persatuan, koperasi, dan komuniti setempat yang tidak mendapat manfaat penuh daripada organisasi ini..	<i>Agensi berkaitan tidak hadir/tidak sempat memberikan maklum balas.</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Penggunaan plastik tidak terkawal menjejaskan kelestarian alam sekitar dan pendapatan penjaja.	Penggunaan plastik di Tuaran menjadi cabaran besar kepada penjaja, pengguna, dan alam sekitar. Persatuan Penjaja Pasar Tuaran pada awalnya berjaya mengurangkan penggunaan beg plastik sehingga 70%, namun kesedaran itu semakin menurun kerana pelanggan lebih memilih penjaja yang menyediakan plastik percuma. Hal ini memberi tekanan kepada peniaga untuk kembali menggunakan plastik bagi mengekalkan pelanggan. Keadaan ini turut memburukkan pencemaran, termasuk peningkatan mikroplastik yang kini telah menjejaskan hasil laut. Selain itu, tiada dasar atau polisi yang jelas di peringkat daerah untuk mengawal penggunaan plastik sekali guna, menyebabkan isu pencemaran plastik berterusan tanpa kawalan. Golongan yang paling terkesan ialah komuniti penjaja, pengguna, serta nelayan dan penduduk yang bergantung pada hasil laut yang tercemar.	<i>Tiada maklum balas</i>
3.	Amalan pertanian tradisional tanpa bimbingan teknikal mengekang produktiviti petani.	Sebahagian besar petani di kawasan tersebut masih mengamalkan pertanian secara tradisional, bergantung kepada pengalaman turun-temurun tanpa mendapat pendidikan atau bimbingan teknikal yang betul. Keadaan ini menyebabkan	Jabatan Pertanian: Terdapat cabaran pelaksanaan projek pembangunan pertanian di beberapa kampung di Tuaran yang bergantung sepenuhnya kepada peruntukan kewangan. Punca utama ialah keterikatan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		amalan pertanian kurang berkesan dan menjejaskan produktiviti hasil. Golongan yang terkesan ialah petani sendiri yang berdepan kesukaran meningkatkan pendapatan serta menyesuaikan diri dengan perubahan dalam sektor pertanian moden.	pelaksanaan dengan dana yang diterima, contohnya pada tahun sebelumnya peruntukan daripada Kementerian Pertanian Semenanjung hanya dapat digunakan di kampung-kampung tertentu kerana wujud masalah kelengkapan dokumen permohonan. Proses yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian termasuk mengadakan dialog bersama penduduk kampung seperti Telibung dan Nohirot serta meminta mereka mengemukakan permohonan lengkap. Namun, sehingga tarikh akhir, dokumen serta data penting seperti lokasi tanah dan bilangan peserta tidak lengkap, menyebabkan pelaksanaan hanya berjaya dilakukan di Kampung Batangan, Pendamai, Dungang, Tampurangoh dan Limbungan melibatkan kawasan seluas 110 hektar. Kesan daripada situasi ini ialah terdapat kampung yang berpotensi menyertai pembangunan tanah sawah tetapi gagal terlibat akibat kelemahan penyertaan masyarakat, selain isu jalan akses yang juga terikat dengan kelulusan peruntukan. Kelompok fokus melibatkan Jabatan Pertanian sebagai pelaksana, kampung-kampung yang dilibatkan dalam program, serta komuniti yang sepatutnya menjadi penerima manfaat. Tambahan pula, bermula tahun hadapan, tanggungjawab untuk

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			pembangunan tanaman padi akan beralih kepada Lembaga Padi dan Beras Sabah (LPDBS).
4.	Infrastruktur jalan ladang yang tidak baik menyukarkan pengangkutan hasil pertanian.	Petani berdepan kesukaran untuk mengangkut hasil pertanian dari rumah ke ladang kerana keadaan jalan raya yang rosak dan hanya boleh dilalui kenderaan pacuan 4 roda. Ramai petani tidak memiliki kenderaan jenis ini, menyebabkan mereka terpaksa memikul hasil menggunakan wakid, yang memenatkan dan membataskan kecekapan kerja. Keadaan ini menjejaskan produktiviti serta pendapatan petani di kawasan terlibat.	Jabatan Kerja Raya Tuaran: Proses yang dijalankan oleh pihak JKR Tuaran ialah dengan menghantar senarai permohonan naik taraf jalan dan jambatan kepada beberapa agensi peringkat persekutuan, iaitu Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), PJB, KKRS, dan KKRF. Permohonan ini dikemukakan melalui Rolling Plan Ke-5 dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Sebahagian projek telah mendapat kelulusan dan sedang berjalan, manakala sebahagian lagi masih menunggu kelulusan peruntukan. Antara projek yang sedang dilaksanakan ialah naik taraf jalan Pan Borneo (WP08: Berungis – Kota Belud, dan WP09: Serusup – Pituru), serta pembinaan jambatan seperti di SK Mantob (Kiulu) yang sedang berjalan dan Kampung Bayag (Pekan Kiulu) yang dalam peringkat pengurusan. Kesan daripada kelewatan projek termasuklah ketidakselesaian pengguna jalan raya, kelewatan pembangunan, dan persepsi masyarakat terhadap keberkesanan agensi pelaksana. Walau bagaimanapun, JKR Tuaran memberi jaminan akan memantau kontraktor bagi mempercepatkan kerja-kerja yang sedang tertangguh. Kelompok fokus dalam

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			isu ini ialah masyarakat setempat di daerah Tuaran, khususnya pengguna jalan raya dan jambatan, serta agensi pelaksana (JKR dan kontraktor) yang terlibat dalam merealisasikan projek pembangunan infrastruktur tersebut
5.	Kekangan kapasiti pengurusan dan ketiadaan kemudahan asas bagi persatuan kecil di kampung.	Di peringkat kampung, terdapat persatuan kecil seperti kumpulan wanita yang dikenali sebagai <i>wanita maju</i> . Namun, mereka berdepan dengan cabaran dari segi pengurusan kerana kurangnya pengetahuan dan kemahiran dalam mengurus persatuan dengan baik. Hal ini menyebabkan timbul rasa tidak puas hati dalam kalangan ahli. Selain itu, kekangan lain termasuklah ketiadaan kemudahan yang sesuai untuk menjalankan aktiviti – mereka hanya menggunakan <i>sulap</i> (pondok kecil) yang kurang memadai. Ketidadaan ruang atau gerai yang standard turut menyekat kelancaran aktiviti mereka.	<i>Tiada maklum balas</i>
6.	Kekurangan kemudahan asas menjejaskan pembangunan pelancongan komuniti.	Aktiviti pelancongan yang wujud di kawasan ini ialah tagal (fish-feeding) dan trekking. Walaupun berpotensi menarik pelancong, kedua-duanya masih berdepan kekurangan kemudahan asas seperti pondok rehat dan fasiliti sokongan lain. Keadaan ini mengehadkan pengalaman pelawat	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		serta menjejaskan perkembangan pelancongan komuniti.	
7.	Cabaran NGO dalam mengurus kebergantungan masyarakat dan kekurangan penglibatan sukarela.	Lion Club Tuaran berkongsi cabaran dalam melaksanakan misi mereka untuk membantu masyarakat yang memerlukan. Menurut mereka, ada sebahagian masyarakat yang terlalu bergantung kepada NGO, walaupun dalam keadaan yang tidak begitu mendesak. Contohnya, ada yang meminta bantuan walaupun hanya mengalami masalah kesihatan ringan, atau anak-anak enggan menjaga ibu bapa lalu menyerahkan tanggungjawab kepada NGO. Selain itu, apabila NGO mengajak masyarakat terlibat secara sukarela dalam program bantuan, sambutan sangat kurang. Kebanyakan hanya mengharapkan bantuan diterima, tetapi enggan sama-sama menyumbang tenaga. Situasi ini menimbulkan dilema kepada NGO kerana dana juga terhad, manakala mindset masyarakat masih kuat bergantung kepada bantuan luar.	<i>Tiada maklum balas</i>
8.	Kekangan kemahiran dan kepakaran dalam	Wakil Persatuan Komuniti Dalai menyatakan bahawa mereka menghadapi kekurangan kepakaran dalam menghasilkan produk akhir. Walaupun komuniti mempunyai sumber asas dan	<i>Tiada maklum balas</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	penghasilan produk bernilai tambah.	potensi untuk menghasilkan sesuatu, keterbatasan dalam kemahiran teknikal, pengetahuan pemprosesan, serta inovasi produk menjadi halangan utama untuk meningkatkan nilai tambah hasil mereka.	
9.	Kegagalan sistem pengurusan sampah dan kesan pembakaran terbuka terhadap kesihatan serta alam sekitar.	Isu pengurusan sampah di Tuaran menjadi masalah serius apabila jumlah sampah yang dihasilkan terlalu banyak, khususnya di kawasan seperti Pantai Syabandar. Walaupun ada usaha daripada NGO yang turun setiap minggu untuk membersihkan kawasan, ia masih tidak sebanding dengan kadar pembuangan sampah. Tambahan pula, ketiadaan perkhidmatan kutipan sampah oleh Majlis Daerah menyebabkan penduduk mengambil inisiatif membakar sampah sendiri di halaman rumah. Amalan ini menimbulkan pencemaran udara dan risiko kesihatan kerana asap daripada pembakaran plastik mengandungi toksin berbahaya yang boleh menyebabkan penyakit serius seperti kanser dan asma.	Majlis Daerah Tuaran: Punca utama permasalahan ini ialah kawasan luar operasi Majlis Daerah Tuaran (MDT), seperti Kampung Sinansag, Nongkolud, Giling Tengah, Topokon, Lubok, Kindu dan Telipok, tidak termasuk dalam kawasan perkadaran yang menjadi tanggungjawab rasmi MDT. Hal ini menyebabkan isu kebersihan dan pengurusan sampah di kampung-kampung tersebut tidak berada dalam bidang kuasa MDT. Proses yang berlaku ialah apabila terdapat permintaan atau aduan daripada penduduk kampung, MDT akan menjelaskan bahawa mereka tidak dapat menyediakan perkhidmatan kutipan sampah secara tetap di kawasan luar operasi. Sebaliknya, MDT hanya dapat mencadangkan syarikat swasta yang boleh dihubungi oleh penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan dengan bayaran. Pada masa sama, jika berlaku aduan longgokan sampah yang mendesak, pihak Pejabat Daerah akan cuba menyelaras dengan MDT untuk memberikan bantuan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			secara <i>ad hoc</i>, bergantung kepada kemampuan dan sumber yang ada. Kesan daripada kekangan ini termasuk timbunan sampah yang tidak terurus di kampung-kampung, pencemaran persekitaran, serta ketidakpuasan hati masyarakat kerana menganggap isu sampah tidak ditangani dengan baik. Walau bagaimanapun, terdapat juga fleksibiliti di mana penduduk kampung boleh membuang sampah di rumah sampah yang disediakan di kawasan pekan, walaupun kemudahan itu asalnya hanya untuk kawasan operasi MDT. Pihak MDT juga tidak menghalang hal ini kerana memahami keperluan penduduk. Namun, kekangan sumber manusia dan kewangan menjadi faktor utama perkhidmatan tetap tidak dapat dilaksanakan. Kelompok fokus yang terkesan secara langsung ialah penduduk kampung di luar kawasan operasi MDT, khususnya mereka yang tidak mempunyai kenderaan atau akses untuk mengurus sampah sendiri, manakala pihak MDT dan Pejabat Daerah pula berdepan dengan cabaran aduan masyarakat serta keterbatasan mandat dan sumber.

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: *Cabaran kebolehpasaran hasil pertanian*

Kawasan Parlimen Tuaran merupakan antara kawasan yang kaya dengan kegiatan pertanian berskala kecil dan sederhana, terutamanya dalam kalangan komuniti luar bandar. Namun begitu, para petani di kawasan ini sering berdepan dengan pelbagai cabaran yang menjejaskan kebolehpasaran hasil pertanian mereka. Salah satu isu utama ialah keadaan infrastruktur asas yang kurang memuaskan, termasuk jambatan perhubungan jenis *low level crossing* yang mudah dinaiki air dan mengalami hakisan, sekali gus menyukarkan pengangkutan hasil ke kawasan pasaran. Tambahan pula, kekurangan jalan pertanian yang sesuai mengakibatkan akses ke kebun menjadi terhad, terutama semasa musim hujan. Lokasi kampung-kampung yang terpencil dan jauh dari pusat jualan seperti tamu mingguan turut membataskan peluang pemasaran secara langsung. Selain itu, ketiadaan kedai runcit di kawasan kampung menyukarkan penjualan hasil secara tempatan, manakala kekurangan pengetahuan dan kemahiran dalam mencipta inovasi produk hiliran menghadkan keupayaan petani untuk menambah nilai kepada hasil pertanian mereka. Kesemua faktor ini menyumbang kepada rantaian masalah yang menjejaskan kecekapan pasaran dan pendapatan para petani di kawasan Parlimen Tuaran.

- **Keadaan jambatan perhubungan**

Kedudukan kampung-kampung seperti Kg Sinansag dan Kg Lubok yang terletak jauh di pedalaman telah menjadi salah satu faktor utama yang menyukarkan penduduk untuk membawa keluar hasil pertanian ke kawasan pasaran. Jarak yang jauh dari pusat pengumpulan atau tamu menyebabkan penduduk terpaksa menempuh perjalanan yang panjang dan mencabar, terutamanya ketika musim hujan. Keadaan ini diburukkan lagi dengan kewujudan jambatan perhubungan jenis *low level crossing* yang sering ditenggelami air, mengakibatkan laluan utama tidak dapat digunakan untuk tempoh tertentu. Malahan, terdapat jambatan yang mengalami hakisan serius hingga menjejaskan struktur dan keselamatan, menyebabkan ia tidak boleh dilalui oleh kenderaan ataupun pejalan kaki. Situasi ini bukan sahaja menyukarkan urusan logistik dan pengangkutan hasil pertanian, malah turut menjejaskan pendapatan harian penduduk kampung yang bergantung kepada hasil jualan tersebut. Ketidadaan infrastruktur yang kukuh dan

selamat secara langsung memberi kesan negatif terhadap kebolehpasaran produk pertanian di kawasan ini.



Rajah 1: Jambatan rendah (low level crossing) yang menjadi laluan utama penduduk Kg Sinansag
Sumber: Gambar diambil oleh Mc Jeanet pada 15 Mac 2025



Rajah 2: Keadaan jambatan rendah (low level crossing) yang mengalami hakisan dan tidak selamat digunakan oleh penduduk Kg Lubok
Sumber: Gambar diambil oleh Mc Jeanet pada 15 Mac 2025

- **Kekurangan jalan pertanian**

Salah satu cabaran yang dihadapi oleh penduduk di Kg Sinansag, Kg Ratau, Kg Lubok, dan Kg Linsuk ialah kekurangan jalan pertanian yang sesuai dari kampung ke kawasan kebun pertanian. Walaupun terdapat laluan sedia ada, namun jalan tersebut hanya boleh dilalui dengan berjalan kaki dan tidak dapat digunakan oleh kenderaan seperti motosikal atau kenderaan pengangkut. Keadaan ini menyebabkan penduduk mengalami kesukaran untuk membawa keluar hasil pertanian dalam kuantiti yang banyak ke jalan utama, seterusnya menyukarkan proses pemasaran hasil mereka. Tambahan pula, kebanyakan penduduk tidak

mempunyai kapasiti kewangan untuk mengupah jentera atau kontraktor bagi membina atau membesarkan jalan tersebut agar sesuai untuk kegunaan pertanian berskala kecil. Akibatnya, aktiviti pertanian terhad kepada keupayaan fizikal dan sumber yang terhad, sekali gus menjejaskan produktiviti dan pendapatan isi rumah. Kekurangan infrastruktur jalan pertanian yang memadai ini menjadi antara penghalang utama dalam usaha memperkukuh ekonomi luar bandar dan meningkatkan kebolehpasaran hasil pertanian di kawasan Parlimen Tuaran.

Isu ini telah mendapat perhatian daripada Penolong Pegawai Daerah Kecil Kiulu, yang menekankan keperluan penambahbaikan rangkaian jalan dan jambatan di kawasan DUN Kiulu. Beliau menegaskan bahawa infrastruktur asas merupakan elemen penting dalam memastikan keterhubungan yang efektif serta pembangunan yang seimbang antara pekan dan kawasan pedalaman. Walaupun terdapat jalan sedia ada yang menghubungkan pekan dengan kawasan ulu, keadaan jalan tersebut masih bersifat tidak berterusan dan tidak membentuk satu rangkaian lengkap. Selain itu, walaupun peruntukan bagi pembinaan jalan baharu telah diumumkan dan diluluskan, masalah akses tetap berlanjutan sehingga kini.

Sehubungan itu, cadangan yang dikemukakan merangkumi pembinaan satu rangkaian jalan baharu yang menyeluruh dari pekan ke kawasan ulu, serta pembinaan jambatan konkrit pada jarak anggaran setiap 10 hingga 15 kilometer bagi memperkemas sistem perhubungan. Pelaksanaan cadangan ini dijangka dapat menyelesaikan masalah keterhubungan, meningkatkan aktiviti ekonomi penduduk DUN Kiulu, khususnya dalam sektor pertanian, pelancongan desa, dan perdagangan hasil kampung, serta mengurangkan pelbagai masalah sosio-ekonomi yang berpunca daripada kekangan infrastruktur asas.

- **Kekurangan pengetahuan dalam mencipta inovasi produk hiliran**

Kekurangan pengetahuan dalam mencipta inovasi produk hiliran merupakan antara cabaran utama yang dihadapi oleh penduduk Kg Sinansag. Kekangan infrastruktur seperti jambatan rendah yang sering dinaiki air telah menyebabkan penduduk kampung tidak dapat mengeluarkan hasil pertanian mereka ke pasaran, terutamanya semasa musim hujan. Akibatnya, hasil seperti nanas dan ubi kayu tidak dapat dijual dan terpaksa dibiarkan rosak begitu sahaja. Keadaan ini mencerminkan satu pembaziran sumber yang ketara. Tambahan pula, ketiadaan pengetahuan dalam bidang pemprosesan dan inovasi produk hiliran menghalang penduduk daripada mempelbagaikan kegunaan hasil pertanian mereka, seperti menghasilkan kerepek ubi, jem nanas, atau produk bernilai tambah lain. Situasi ini bukan sahaja menjejaskan pendapatan petani, malah

mengehadkan potensi ekonomi komuniti kampung secara keseluruhan. Justeru, peningkatan kemahiran dan latihan dalam inovasi produk hiliran amat diperlukan bagi mengurangkan pembaziran, meningkatkan nilai tambah hasil pertanian, serta memperkukuh daya tahan ekonomi luar bandar.

- **Ketiadaan kedai runcit di kawasan kampung**

Ketiadaan kedai runcit di kawasan kampung turut menjadi antara isu yang membebankan penduduk luar bandar. Di beberapa kampung seperti di Kg Sinansag, penduduk menghadapi kesukaran untuk mendapatkan barangan keperluan asas harian seperti beras, gula, minyak masak, dan barang dapur lain kerana terpaksa keluar ke pekan yang jauh dengan keadaan jalan yang sukar dilalui. Situasi ini menyukarkan kehidupan harian, terutamanya bagi golongan warga emas, ibu tunggal, dan mereka yang tidak memiliki kenderaan sendiri. Selain itu, sekiranya terdapat kedai runcit di dalam kampung, ia bukan sahaja memudahkan akses kepada barangan keperluan, malah boleh menjadi ruang alternatif bagi penduduk untuk meletakkan dan menjual lebihan hasil pertanian mereka secara kecil-kecilan. Ini secara tidak langsung dapat menjana pendapatan tambahan kepada penduduk serta mengurangkan kebergantungan kepada pasaran luar. Oleh itu, penubuhan kedai runcit komuniti berpotensi untuk meningkatkan kelestarian ekonomi kampung dan menyokong kebolehpasaran hasil pertanian tempatan.

Jadual 14. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Keadaan jambatan perhubungan 2. Kekurangan jalan pertanian 3. Kekurangan pengetahuan dalam mencipta inovasi produk hiliran 4. Ketiadaan kedai runcit di kampung
Cadangan	1. Berkerjasama dengan pihak berkaitan untuk menyediakan pelan laluan alternatif untuk kegunaan semasa banjir. 2. Memohon bantuan jentera asas melalui program tanggungjawab sosial (CSR) agensi tempatan atau syarikat swasta. 3. Menganjurkan bengkel asas pemprosesan hasil pertanian dengan kerjasama agensi seperti FAMA, Jabatan Pertanian atau NGO tempatan.

	4. Menggunakan ruang rumah atau balai raya sebagai lokasi jualan sementara untuk barangan keperluan dan hasil kampung.
Kumpulan Terjejas	Masyarakat setempat, komuniti luar bandar
Kawasan	Kg. Sinansag, Kg. Ratau, Kg. Lubok, Mukim Topokon
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
Matlamat 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.4: Hak sama rata untuk pemilikan, perkhidmatan asas, teknologi dan sumber ekonomi. Sasaran 1.5: Membina daya tahan terhadap bencana alam sekitar, ekonomi dan sosial
Matlamat 2: Kelaparan Sifar	Sasaran 2.3: Menggandakan produktiviti dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil
Matlamat 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.2: Mempelbagaikan, berinovasi dan naik taraf untuk produktiviti ekonomi. Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar untuk menyokong penciptaan pekerjaan dan perusahaan yang sedang berkembang
Matlamat 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur	Sasaran 9.1: Membangunkan infrastruktur yang mampan, berdaya tahan dan inklusif

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Isu sampah dan kebersihan

Isu pengurusan sampah dan kebersihan di kawasan Parlimen Tuaran, khususnya di kampung-kampung yang tidak termasuk dalam kawasan perkadaran Majlis Daerah Tuaran, merupakan satu cabaran yang semakin membimbangkan. Ketiadaan perkhidmatan kutipan sampah yang sistematik telah mendorong sesetengah penduduk untuk membuang sampah secara sembarangan atau melakukan pembakaran terbuka, sekali gus menjejaskan kualiti alam sekitar dan kesihatan awam. Tambahan pula, tahap kesedaran yang rendah dalam kalangan masyarakat mengenai impak negatif pembuangan sampah yang tidak terkawal menyukarkan usaha pemuliharaan dan kelestarian kawasan luar bandar ini.

- **Kawasan kampung yang di luar perkadaran Majlis Daerah Tuaran**

Di kawasan Parlimen Tuaran, terdapat beberapa kampung yang terletak di luar kawasan perkadaran Majlis Daerah Tuaran, sekali gus tidak menerima

perkhidmatan kutipan sampah yang sistematik. Ketiadaan kemudahan ini menyebabkan penduduk terpaksa melupuskan sampah secara tidak terkawal, antaranya melalui pembakaran terbuka atau membuang sampah di tepi jalan. Amalan ini bukan sahaja mencemarkan alam sekitar, malah memberi kesan negatif terhadap kesihatan dan keselamatan penduduk. Ironinya, terdapat kampung seperti Kampung Bahab yang membayar cukai kadaran kepada pihak berkuasa tempatan, namun masih tidak menikmati perkhidmatan kutipan sampah secara berjadual. Keadaan ini menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan penduduk yang merasakan hak mereka sebagai pembayar cukai tidak dipenuhi. Walau bagaimanapun, terdapat juga inisiatif dan kesedaran dalam kalangan penduduk kampung yang mengambil langkah proaktif dengan membawa sampah ke pekan berhampiran seperti Pekan Kiulu dan Pekan Tamparuli untuk dibuang di rumah sampah yang disediakan. Usaha sebegini mencerminkan sikap tanggungjawab masyarakat, namun ia bukanlah penyelesaian jangka panjang terhadap isu pengurusan sisa pepejal di kawasan luar bandar Tuaran.

Isu pengurusan sisa dan kebersihan ini juga mendapat maklum balas daripada pihak Majlis Daerah Tuaran di mana menyatakan permasalahan ini berpunca bahawa kawasan luar operasi Majlis Daerah Tuaran (MDT), seperti Kampung Sinansag, Nongkolud, Giling Tengah, Topokon, Lubok, Kindu dan Telipok, tidak termasuk dalam kawasan perkadaran yang menjadi tanggungjawab rasmi MDT. Hal ini menyebabkan isu kebersihan dan pengurusan sampah di kampung-kampung tersebut tidak berada dalam bidang kuasa MDT. Proses yang berlaku ialah apabila terdapat permintaan atau aduan daripada penduduk kampung, MDT akan menjelaskan bahawa mereka tidak dapat menyediakan perkhidmatan kutipan sampah secara tetap di kawasan luar operasi. Sebaliknya, MDT hanya dapat mencadangkan syarikat swasta yang boleh dihubungi oleh penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan dengan bayaran. Pada masa sama, jika berlaku aduan longgokan sampah yang mendesak, pihak Pejabat Daerah akan cuba menyelaraskan dengan MDT untuk memberikan bantuan secara ad hoc, bergantung kepada kemampuan dan sumber yang ada.

Kesan daripada kekangan ini termasuk timbunan sampah yang tidak terurus di kampung-kampung, pencemaran persekitaran, serta ketidakpuasan hati masyarakat kerana menganggap isu sampah tidak ditangani dengan baik. Walau bagaimanapun, menurut Penolong Pegawai Daerah Tuaran terdapat juga fleksibiliti di mana penduduk kampung boleh membuang sampah di rumah sampah yang disediakan di kawasan pekan, walaupun kemudahan itu asalnya hanya untuk kawasan operasi MDT. Pihak MDT juga tidak menghalang hal ini kerana memahami keperluan penduduk. Namun, kekangan sumber manusia dan kewangan menjadi faktor utama perkhidmatan tetap tidak dapat

dilaksanakan. Kelompok fokus yang terkesan secara langsung ialah penduduk kampung di luar kawasan operasi MDT, khususnya mereka yang tidak mempunyai kenderaan atau akses untuk mengurus sampah sendiri, manakala pihak MDT dan Pejabat Daerah pula berdepan dengan cabaran aduan masyarakat serta keterbatasan mandat dan sumber.

- **Kurang kesedaran tentang pengurusan sampah yang baik**

Salah satu isu utama yang menyumbang kepada masalah kebersihan di kawasan Parlimen Tuaran ialah kurangnya kesedaran dalam kalangan penduduk mengenai pengurusan sisa pepejal yang baik. Walaupun terdapat kefahaman asas bahawa pembuangan sampah secara sembarangan adalah perbuatan yang tidak wajar, namun dalam realiti harian, ramai penduduk masih mengamalkan pembakaran terbuka atau membuang sampah di kawasan lapang kerana dianggap lebih mudah dan praktikal. Kekurangan kemudahan pelupusan sampah yang sistematik turut menyumbang kepada situasi ini, menjadikan penduduk tidak mempunyai pilihan lain yang lebih lestari. Ketiadaan pendidikan berterusan dan pendedahan kepada kaedah pengurusan sisa yang betul menjadikan amalan-amalan ini terus berleluasa, sekaligus menjejaskan usaha menjaga kebersihan persekitaran dan kesihatan awam.

- **Pembakaran terbuka**

Pembakaran terbuka merupakan amalan yang lazim dilakukan oleh kebanyakan penduduk di kawasan Parlimen Tuaran sebagai kaedah pelupusan sampah yang mudah dan cepat. Namun begitu, pembakaran ini dilakukan tanpa pengasingan bahan yang sesuai untuk dibakar dan yang tidak boleh dibakar, menyebabkan pencemaran udara dan risiko kesihatan kepada penduduk sekitar. Selain itu, terdapat juga kes di mana pembakaran sampah dilakukan di tepi jalan dan kawasan berhampiran rumah, yang bukan sahaja mengganggu keselesaan penduduk tetapi juga berpotensi menimbulkan kebakaran yang tidak terkawal. Amalan pembakaran terbuka yang tidak terkawal ini memberi kesan negatif terhadap kualiti alam sekitar dan menuntut perhatian serta tindakan segera daripada pihak berkuasa dan masyarakat.

Jadual 15. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Kawasan kampung yang berada di luar perkadaran Majlis Daerah Tuaran 2. Kurang kesedaran tentang pengurusan sampah yang baik 3. Pembakaran terbuka
--	--

Cadangan	1. Perkhidmatan kutipan sampah perlu diperluas ke kampung-kampung luar perkadaran Majlis Daerah Tuaran bagi memastikan pengurusan sisa lebih sistematik. 2. Program kesedaran dan pendidikan komuniti tentang kaedah pelupusan sisa yang lestari perlu digiatkan untuk mengubah sikap masyarakat. 3. Inisiatif seperti pengasingan sisa, kitar semula, dan penyediaan pusat pelupusan kecil di peringkat kampung wajar dilaksanakan untuk mengurangkan amalan pembakaran terbuka.
Kumpulan Terjejas	Masyarakat setempat
Kawasan	Kg Sinansag, Kg Ratau, Kg Lubok, Kg Kindu, Kg Layan, Kg Nongkolud, Kg Giling Tengah, Kg Linsuk, Mukim Tenghilan, Mukim Topokon, Kg Kouluan
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
Matlamat 3: Kesihatan baik dan kesejahteraan	Sasaran 3.9: Mengurangkan penyakit dan kematian akibat bahan kimia berbahaya dan pencemaran
Matlamat 6: Air bersih dan sanitasi	Sasaran 6.3: Meningkatkan kualiti air, rawatan air sisa dan penggunaan semula yang selamat Sasaran 6.6: Melindungi dan memulihkan ekosistem berkaitan air
Matlamat 11: Bandar dan komuniti yang mampan	Sasaran 11.7: Sediakan akses kepada ruang hijau dan awam yang selamat dan inklusif
Matlamat 12:	Sasaran 12.4: Pengurusan bertanggungjawab terhadap bahan kimia dan sisa Sasaran 12.5: Mengurangkan penjejakan sisa dengan ketara

4.2.3 Pengutamaan Isu 3: Banjir

Fenomena banjir di kawasan Parlimen Tuaran merupakan isu berulang yang semakin membimbangkan, khususnya dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Terletak di barat laut Sabah, kawasan ini sering dilanda hujan lebat yang menyebabkan limpahan air

sungai utama seperti Sungai Tamparuli dan Sungai Tuaran, seterusnya mengakibatkan banjir kilat di kawasan rendah dan penempatan berhampiran sungai. Sebagai contoh, menurut laporan media tempatan, beberapa kejadian banjir besar telah berlaku pada tahun 2021⁵ hingga 2025⁶ menyebabkan gangguan kepada aktiviti harian, kerosakan harta benda, serta ancaman keselamatan kepada penduduk termasuk kehilangan tempat tinggal sementara bagi sesetengah keluarga. Masalah ini turut diburukkan oleh keadaan geografi dan struktur tanah yang mudah terjejas apabila hujan berpanjangan berlaku.

- **Sistem perparitan yang tidak sistematik**

Isu sistem perparitan yang tidak sistematik terus menimbulkan kesan negatif terhadap penduduk kampung, khususnya yang tinggal di kawasan rendah. Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo, yang bertujuan mempertingkatkan jaringan infrastruktur di Sabah. Ketiadaan saliran yang sesuai di sepanjang jalan yang dibina telah menyebabkan air hujan mengalir tanpa kawalan ke kawasan perumahan berdekatan, mengakibatkan kejadian banjir yang semakin kerap berlaku. Situasi ini turut disuarakan oleh penduduk melalui media tempatan yang menyatakan salah satu kawasan di parlimen Tuaran tidak pernah mengalami banjir sebelum ini. Namun, keadaan berubah apabila projek pembinaan Lebuhraya Pan Borneo dimulakan sekitar dua hingga tiga tahun yang lalu. Hasil pemerhatiannya, sistem perparitan dan saliran mula tersumbat selepas projek tersebut dilaksanakan, selain kerja penyelenggaraan perparitan yang tidak dilakukan dengan betul telah memburukkan lagi keadaan⁷.

Tambahan pula, kebanyakan parit sedia ada tidak diselenggara secara berkala oleh pihak berkuasa yang bertanggungjawab, mengakibatkan saluran air tersumbat dengan sampah sarap, mendapan tanah, serta tumbuhan liar. Keadaan ini menjejaskan kelancaran aliran air dan meningkatkan risiko berlakunya banjir kilat di kawasan kampung. Sebagai contoh, di Kampung Nongkolud dan Kampung Giling Tengah, parit utama yang terdapat di kawasan ini jarang menerima penyelenggaraan. Parit berkenaan juga berfungsi sebagai laluan air kumbahan dari kawasan perumahan Sri Gading dan Taman Ria, menyebabkan kedua-dua kampung tersebut kerap dilanda banjir kilat setiap kali hujan lebat.

⁵ "Sinar Harian," *Kota Kinabalu, Penampang, Tuaran dilanda banjir kilat*, November 6, 2021. <https://www.sinarharian.com.my/article/162526/edisi/kota-kinabalu-penampang-tuaran-dilanda-banjir-kilat>.

⁶ "Banjir kilat di Tuaran: 12 penduduk dipindahkan," *Berita Harian*, June 8, 2024. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/06/1254721/banjir-kilat-di-tuaran-12-penduduk-dipindahkan>.

⁷ Penduduk mohon projek Lebu Raya Pan Borneo dipantau elak jadi punca banjir," *Media Permata*, June 5, 2024. <https://mediapermata.com.bn/penduduk-mohon-projek-lebuh-raya-pan-borneo-dipantau-elak-jadi-punca-banjir/>.

Situasi ini bukan sahaja mengganggu rutin harian penduduk, malah turut menimbulkan ancaman terhadap kesihatan awam apabila air bertakung menjadi tempat pembiakan nyamuk dan haiwan perosak.



Rajah 3: Keadaan parit di Kg Giling Tengah yang menjadi laluan air kumbahan dari perumahan Sri Gading dan Taman Ria dan melimpah ke kawasan kampung apabila hujan lebat

Sumber: Mc Jeanet, pada 16 Mac 2025



Rajah 4: Parit utama di Kampung Rongolis yang mengalami mendapan tanah dan sisa organik yang menghalang aliran air.

Sumber: Gambar diambil oleh Mc Jeanet, pada 18 Mac 2025

- **Pembukaan tanah baru**

Aktiviti pembukaan tanah secara besar-besaran bagi tujuan penanaman getah oleh RISDA di kawasan seperti Mukim Topokon dan beberapa lokasi lain dalam

parlimen Tuaran berpotensi menyumbang kepada peningkatan risiko banjir, terutamanya ketika musim hujan yang tidak menentu. Penebangan pokok dan penghapusan litupan hutan semula jadi bagi membuka laluan kepada tanaman monokultur seperti getah menyebabkan tanah menjadi terdedah kepada hakisan. Tanpa sistem akar pokok hutan yang padat untuk menahan tanah dan menyerap air hujan, kadar aliran air permukaan meningkat dengan ketara, seterusnya mengakibatkan limpahan air ke kawasan rendah dan perkampungan berhampiran. Keadaan ini diperburuk lagi apabila saliran semula jadi terganggu akibat jentera berat dan kerja tanah yang merosakkan struktur tanah serta sungai kecil. Dalam beberapa kes, komuniti tempatan melaporkan bahawa kawasan yang dahulunya jarang dinaiki air kini mula mengalami banjir kilat selepas tanah sekitar dibersihkan untuk projek penanaman getah. Situasi ini menunjukkan bahawa walaupun matlamat projek ialah untuk meningkatkan pendapatan penduduk melalui hasil pertanian, pelaksanaannya yang tidak mengambil kira faktor ekologi boleh mendatangkan impak negatif kepada keselamatan dan kesejahteraan komuniti⁸.

Jadual 16. Ringkasan Isu 3

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Sistem perparitan yang tidak sistematik 2. Pembukaan tanah baru
Cadangan	1. Sebarang projek pembukaan tanah dan pembinaan infrastruktur besar perlu menjalani penilaian impak alam sekitar yang teliti sebelum diluluskan bagi mengenal pasti potensi risiko banjir dan gangguan ekologi. 2. Penyelenggaraan rutin seperti pembersihan parit, pengalihan mendapan, dan pemangkasan tumbuhan liar perlu dijalankan secara berkala oleh pihak berwajib dengan penglibatan komuniti setempat. 3. Zon penampan hijau perlu diwujudkan semula di kawasan yang telah dibuka untuk mengurangkan hakisan dan memperlahankan aliran air permukaan.
Kumpulan Sasaran	Masyarakat setempat

⁸ Awang, S. A. M., et al. "Environmental Impacts of Rubber Plantation Expansion in Tropical Regions: A Case Study in Malaysia." *Malaysian Journal of Environmental Management* 22, no. 1 (2021)

Kawasan	Kg Sinansag, Kg Ratau, Kg Lubok, Kg Kindu, Kg Layan, Kg Nongkolud, Kg Giling Tengah, Kg Linsuk, Mukim Tenghilan, Mukim Topokon, Kg. Kouluan
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 6: Air bersih dan sanitasi	Sasaran 6.3: Meningkatkan kualiti air, rawatan air sisa dan penggunaan semula yang selamat Sasaran 6.6: Melindungi dan memulihkan ekosistem berkaitan air
SDG 9: Industry, inovasi dan infrastruktur	Sasaran 9.1: Membangunkan infrastruktur yang mampan, berdaya tahan dan inklusif Sasaran 9.4: Menaik taraf semua industri dan infrastruktur untuk kemapanan
SDG 11: Bandar dan komuniti yang mampan	Sasaran 11.3: Perbandaran inklusif dan mampan Sasaran 11.5: Mengurangkan kesan buruk bencana alam Sasaran 11.6: "Mengurangkan kesan alam sekitar bandar"

4.2.4 Pengutamaan Isu 4: Pencemaran bau

Pencemaran bau merupakan satu bentuk pencemaran alam sekitar yang memberi kesan langsung terhadap kualiti hidup masyarakat. Di peringkat Malaysia, pencemaran bau semakin mendapat perhatian khususnya apabila melibatkan sumber seperti sisa ternakan, pelepasan bahan buangan industri, dan sistem kumbahan yang tidak sempurna. Pencemaran ini bukan sahaja menjejaskan keselesaan hidup, malah boleh menimbulkan implikasi kesihatan dan konflik sosial dalam kalangan penduduk. Di Sabah, isu pencemaran bau menjadi semakin ketara terutama di kawasan luar bandar yang terdedah kepada amalan penternakan tanpa kawalan, serta sistem kumbahan yang tidak sistematik. Di Parlimen Tuaran khususnya, masalah pencemaran bau telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk kampung yang terkesan dengan bau busuk yang berpunca daripada najis ternakan seperti khinzir dan ayam. Selain itu, pelepasan

sisa kumbahan dari kawasan perumahan terus ke dalam sistem perparitan tanpa rawatan turut menyumbang kepada pencemaran bau melalui aliran air parit. Isu ini bukan sahaja memberi tekanan terhadap kesihatan penduduk, malah mencemarkan imej kawasan dan menjejaskan keharmonian komuniti setempat.

- **Pelepasan sisa kumbahan ternakan**

Pelepasan sisa kumbahan ternakan, khususnya daripada penternakan khinzir di Kampung Bawang telah menimbulkan kebimbangan serius dalam kalangan penduduk tempatan. Sisa kumbahan ini dipercayai dilepaskan terus ke dalam sistem pengairan yang bersambung dengan parit kampung dan seterusnya mengalir ke Sungai Mangkaladoi di Tamparuli⁹. Sungai ini bukan sahaja penting kepada ekosistem setempat, malah digunakan secara langsung oleh penduduk sebagai sumber air harian. Lebih membimbangkan, air sungai yang tercemar ini turut mengalir ke Loji Rawatan Air Telibong, iaitu salah satu loji utama yang membekalkan air terawat kepada ribuan pengguna di kawasan Tuaran, Tamparuli dan juga sebahagian Kota Kinabalu. Isu pencemaran ini memberi implikasi besar terhadap kesihatan awam, kualiti alam sekitar serta keselamatan bekalan air. Keadaan ini juga berpotensi menjejaskan kepercayaan orang ramai terhadap sistem bekalan air dan menimbulkan tekanan sosial dalam kalangan komuniti terkesan. Tambahan pula, pencemaran bau dan air akibat sisa kumbahan ini turut mengganggu ketenteraman penduduk di sekitar Kampung Bawang dan kawasan berhampiran.

Susulan daripada isu ini Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (JPAS) telah mengambil tindakan segera dengan menjalankan siasatan terhadap dakwaan pencemaran Sungai Tuaran akibat pelepasan sisa ternakan, khususnya dari ladang khinzir di Tamparuli¹⁰. Melalui tindakan ini, JPAS menjalankan pemantauan di lokasi terjejas, mengambil sampel air untuk analisis lanjut, serta mengenal pasti sumber utama pencemaran termasuk sistem saliran sisa ladang yang tidak terkawal. Tindakan siasatan ini membuka laluan kepada pengilang dan penternak untuk memperbaiki pengurusan sisa mereka dan mematuhi garis panduan alam sekitar yang ditetapkan. Input daripada tindakan tersebut menunjukkan kesediaan pihak berkuasa untuk memperketatkan penguatkuasaan dan meningkatkan kawalan terhadap punca sisa bagi memastikan keselamatan bekalan air di Sungai Mangkaladoi, Kampung Bawang dan kawasan sekitar.

⁹ "Najis ternakan babi cemar sungai Tamparuli," Harian Metro, April 4, 2024. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1076392/najis-ternakan-babi-cemar-sungai-tamparuli>.

¹⁰ "JPAS siasat dakwaan Sungai Tuaran tercemar," Media Permata, April 8, 2024. <https://mediapermata.com.bn/jpas-siasat-dakwa-sungai-tuaran-tercemar/>

Jurutera lingkungan dan petani tempatan telah menerima nasihat mengenai amalan pengurusan sisa yang lebih baik. Selain itu, siasatan ini turut menyuntik kesedaran komuniti setempat supaya berkolaborasi dengan agensi kerajaan dalam memantau dan melaporkan sebarang aktiviti pencemaran yang mencurigakan.

Pelepasan sisa kumbahan ternakan dari kandang ayam besar milik syarikat Sri Tawau di kawasan Kouluan juga menimbulkan kesan kepada alam sekitar dan masyarakat di Tuaran. Pembukaan tanah dan pembesaran kawasan kandang ayam telah menyebabkan pencemaran air, bau, dan bunyi, selain mengakibatkan berlakunya banjir kilat kerana sistem perparitan yang tidak tersusun dan semakin sempit.

Menurut kepimpinan kampung di Kampung Kouluan ini terdapat tindakan peringkat awal telah dibuat untuk mengatasi isu ini namun masalah masih berterusan sehingga kini. Terdapat mesyuarat peringkat daerah sebanyak tiga kali telah dijalankan dan sehingga kini telah melibatkan tindakan undang-undang.

Permasalahan ini telah mendapat perhatian daripada Pejabat Kesihatan Tuaran, di mana Unit Bekalan Air dan Kesihatan Alam Sekitar (BAKAS) telah melaksanakan pengambilan sampel air dengan fokus kepada pemantauan kualiti air. Walau bagaimanapun, unit tersebut tidak memiliki kuasa penguatkuasaan untuk mengambil tindakan terhadap pihak yang mencemarkan sungai. Sebarang tindakan lanjut, terutamanya berkaitan sisa haiwan atau pencemaran industri, perlu dirujuk kepada agensi berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS) atau Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Keadaan ini menunjukkan bahawa fungsi BAKAS terhad kepada pemantauan dan pengambilan sampel sahaja, manakala kuasa penguatkuasaan serta tindakan tegas terhadap pencemar sungai berada di bawah bidang kuasa agensi lain yang mempunyai mandat khusus.

- **Pelepasan sisa kumbahan dari perumahan**

Isu pelepasan sisa kumbahan dari kawasan perumahan ke kawasan kampung semakin membimbangkan, khususnya di kawasan sekitar Taman Sri Rugading dan Taman Telipok Ria yang terletak berhampiran dengan Kampung Giling Tengah dan Kampung Nongkolud. Sisa kumbahan dari perumahan ini telah disalurkan ke dalam sistem perparitan kampung, yang bukan sahaja menjejaskan kualiti persekitaran, malah menyebabkan parit tersumbat dan mengeluarkan bau busuk yang mengganggu keselesaan penduduk setempat. Keadaan ini bukan sahaja menimbulkan ketidakselesaan harian, malah boleh mencetuskan risiko kesihatan seperti jangkitan bawaan air atau pernafasan akibat pencemaran udara. Melalui

maklum balas oleh Pejabat Kesihatan Kawasan Tuaran juga menyatakan pelepasan sisa kumbahan dari kawasan perumahan ini menyebabkan kes denggi tinggi di kawasan ini sehingga mendapat perhatian di peringkat mesyuarat.

Jadual 17. Ringkasan Isu 4

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Pelepasan sisa kumbahan ternakan 2. Pelepasan sisa kumbahan dari perumahan
Cadangan	1. Sebarang projek pembukaan tanah dan pembinaan infrastruktur besar perlu menjalani penilaian impak alam sekitar yang teliti sebelum diluluskan bagi mengenal pasti potensi risiko banjir dan gangguan ekologi. 2. Penyelenggaraan rutin seperti pembersihan parit, pengalihan mendapan, dan pemangkasan tumbuhan liar perlu dijalankan secara berkala oleh pihak berwajib dengan penglibatan komuniti setempat. 3. Zon penampungan hijau perlu diwujudkan semula di kawasan yang telah dibuka untuk mengurangkan hakisan dan memperlahankan aliran air permukaan.
Kumpulan Terjejas	Masyarakat setempat
Kawasan	Kg Sinansag, Kg Ratau, Kg Lubok, Kg Kindu, Kg Layan, Kg Nongkolud, Kg. Giling Tengah, Kg. Linsuk, Mukim Tenghilan, Mukim Topokon, Kg. Kouluan
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
Matlamat 6: Air bersih dan sanitasi	Sasaran 6.3: Meningkatkan kualiti air, rawatan air sisa dan penggunaan semula yang selamat Sasaran 6.6: Melindungi dan memulihkan ekosistem berkaitan air
Matlamat 11: Bandar dan komuniti yang mampan	Sasaran 11.3: Perbandaran inklusif dan mampan Sasaran 11.5: Mengurangkan kesan buruk bencana alam

	Sasaran 11.6: "Mengurangkan kesan alam sekitar bandar"
Matlamat 12: Penggunaan dan pengeluaran bertanggungjawab	Sasaran 12.4: Pengurusan bertanggungjawab terhadap bahan kimia dan sisa Sasaran 12.5: Mengurangkan penjanaaan sisa dengan ketara

- **Pengutamaan Isu 5: Keterbatasan infrastruktur dan kemudahan awam**

Infrastruktur dan kemudahan awam merupakan asas penting dalam pembangunan sesebuah kawasan, khususnya dalam menjamin kesejahteraan hidup penduduk dan merangsang pertumbuhan ekonomi setempat. Infrastruktur merujuk kepada sistem asas yang diperlukan untuk operasi ekonomi dan sosial masyarakat, termasuk jalan raya, bekalan air bersih, sistem pembetulan, bekalan elektrik, dan telekomunikasi. Sementara itu, kemudahan awam merangkumi perkhidmatan atau prasarana yang disediakan untuk kepentingan umum seperti sekolah, klinik kesihatan, balai polis, pusat komuniti dan kemudahan pengangkutan awam.

Namun demikian, di kawasan Parlimen Tuaran, yang merangkumi daerah Tuaran, Tamparuli dan Kiulu, masih terdapat banyak kekangan dari segi penyediaan dan kualiti infrastruktur serta kemudahan awam. Kawasan pedalaman dan luar bandar di parlimen ini sering berhadapan dengan isu seperti jalan tidak berturap, bekalan air yang tidak konsisten, liputan internet yang lemah, serta kekurangan fasiliti kesihatan dan pendidikan yang mencukupi. Keterbatasan ini memberi kesan langsung kepada akses penduduk terhadap perkhidmatan asas dan peluang pembangunan yang setara.

- **Gangguan dan keterbatasan bekalan air paip kerajaan**

Gangguan dan keterbatasan bekalan air paip kerajaan merupakan satu masalah yang berpanjangan dan memberi kesan langsung terhadap kesejahteraan penduduk di beberapa kawasan, khususnya di Mukim Tenghilan dan Mukim Topokon. Penduduk di kawasan ini sering berdepan dengan gangguan bekalan air paip yang berlaku secara berulang, dan apa yang lebih membimbangkan ialah gangguan ini sering berlaku tanpa sebarang notis awal. Situasi ini menyukarkan penduduk untuk merancang penggunaan air harian dan menjejaskan aktiviti asas seperti memasak, mencuci serta keperluan kebersihan.

Di samping itu, masih terdapat beberapa kampung yang belum menikmati kemudahan bekalan air paip dari kerajaan. Antara kampung yang terlibat

termasuk Kampung Gaya Ratau dan Kampung Kapa, di mana penduduknya hanya bergantung kepada sumber air alternatif seperti sistem air graviti dan *tubewell*. Walaupun sumber ini penting dalam memastikan kelangsungan bekalan air, ia tidak menjamin kualiti dan kebolehpercayaan jangka panjang. Misalnya, penduduk Kampung Ratau yang menggunakan sistem air graviti sering berhadapan dengan isu kerosakan paip dan beban kos penyelenggaraan yang tinggi. Hal ini menimbulkan tekanan kepada komuniti kampung yang kebanyakannya terdiri daripada golongan berpendapatan rendah.

Selain itu, di Kampung Kepayan Topokon, penduduk turut menghadapi masalah sistem paip utama yang sudah usang dan perlu diganti. Keadaan paip yang lama menyebabkan kualiti air yang diterima menjadi terjejas, terutamanya apabila sistem paip ditutup dan dibuka semula. Air yang disalurkan akan menjadi keruh dan tidak sesuai untuk kegunaan harian. Keadaan ini bukan sahaja menimbulkan keraguan terhadap aspek kesihatan dan keselamatan air, malah menambah beban kepada penduduk yang perlu mencari alternatif lain seperti air gravity yang sering pecah dan tersumbat pada musim hujan.

Permasalahan bekalan air di daerah Tuaran telah mendapat perhatian daripada Jabatan Air Daerah Tuaran, yang telah mengambil beberapa tindakan bagi menanganinya. Menurut wakil jabatan tersebut, punca utama isu bekalan air, khususnya di kawasan luar bandar, adalah disebabkan oleh dua faktor: **(i)** loji rawatan air terpaksa dihentikan operasinya semasa musim hujan kerana kekeruhan sungai melebihi tahap piawaian, dan **(ii)** banyak kampung masih berada di luar rangkaian sistem perpaipan sedia ada. Keadaan ini menyebabkan sebahagian besar penduduk luar bandar masih belum menikmati bekalan air terawat yang konsisten.

Bagi menyelesaikan isu ini, Jabatan Air Daerah Tuaran telah melaksanakan beberapa projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB), termasuk di Upper Kiulu, Penimbawan, Bukit Giling Tengah, serta projek retikulasi Kota Kinabalu yang bertujuan memperluas jaringan paip sehingga ke kawasan kampung. Sebagai contoh, projek Upper Kiulu masih berada di peringkat perolehan, manakala di Telibung 2 Fasa 2, loji rawatan air telah siap dibina tetapi belum dapat beroperasi sepenuhnya kerana ketiadaan paip agihan. Projek pemasangan paip di bawah Pakej WP8 Pan Borneo dijangka siap sekitar Julai, dengan pengeluaran air stabil dijangka bermula pada Ogos selepas ujian teknikal selesai.

Apabila projek-projek ini siap dilaksanakan, bekalan air di kawasan Sulaman, Gayang, dan sekitarnya dijangka lebih stabil, memandangkan kawasan ini

sebelum ini kerap mengalami gangguan bekalan akibat perkongsian sumber dengan kawasan Kota Kinabalu. Dalam jangka masa sederhana, projek paip dari Telibung 2 dijangka mengatasi masalah ketidakstabilan bekalan di kawasan pantai barat Tuaran. Bagi jangka masa panjang, kerajaan masih bergantung kepada projek mega seperti Papar Dam dan projek dari Ulu Padas bagi menjamin sumber bekalan air yang mencukupi untuk Greater Kota Kinabalu, termasuk Papar, Kota Kinabalu, dan Tuaran.

- **Gangguan bekalan elektrik, infrastruktur usang dan risiko keselamatan**

Isu seterusnya yang dihadapi oleh penduduk di kawasan Mukim Topokon, khususnya di Kampung Lubok, Kampung Ratau, Kampung Linsuk dan Kampung Layan, adalah berkaitan dengan gangguan bekalan elektrik, infrastruktur usang, serta risiko keselamatan yang membimbangkan. Gangguan bekalan elektrik yang berlaku di kawasan tersebut sering mengambil masa yang lama untuk dipulihkan, sekali gus menjejaskan rutin harian dan kualiti hidup penduduk. Keadaan ini turut diperburukkan dengan infrastruktur elektrik yang usang dan tidak selamat, seperti kabel elektrik yang berisiko akibat insiden ranting kayu jatuh ke atas kabel serta tiang elektrik yang sudah berkarat. Di Kampung Linsuk, sebahagian tiang elektrik yang digunakan masih diperbuat daripada kayu, sekali gus menimbulkan kebimbangan terhadap aspek keselamatan penduduk. Tambahan pula, masih terdapat kampung seperti Kampung Layan yang belum menikmati kemudahan bekalan elektrik sepenuhnya, di mana penduduk hanya bergantung kepada tenaga solar untuk keperluan harian. Keadaan ini bukan sahaja menimbulkan ketidakselesaan, malah mewujudkan jurang ketidaksamarataan dari segi akses kepada kemudahan asas antara penduduk kampung tersebut dan kawasan lain yang lebih membangun.

Permasalahan bekalan elektrik di Sabah telah mendapat perhatian daripada wakil Sabah Electricity. Beliau menjelaskan bahawa pembangunan bekalan elektrik di negeri ini dilaksanakan secara *radial*, merangkumi kawasan pedalaman termasuk kampung-kampung di ulu walaupun hanya terdapat satu atau dua rumah di penghujung jalan. Walaupun laluan yang sedia ada berupa jalan kecil, pihak Sabah Electricity tetap menyalurkan bekalan elektrik. Cabaran utama yang dihadapi ialah akses ke kawasan-kawasan berkenaan serta keadaan talian elektrik lama yang dibina sejak dahulu. Talian lama ini tidak mempunyai penebat atau “kulit”, tetapi masih selamat digunakan kerana direka mengikut piawaian lama. Sebaliknya, talian baharu kini menggunakan kabel aerial grounded yang lebih selamat kerana tidak menyebabkan gangguan bekalan sekiranya terkena pokok atau buluh.

Di kawasan yang masih menggunakan talian lama tanpa penebat, khususnya di Tamparuli dan Kiulu yang banyak pokok dan buluh, gangguan bekalan elektrik kerap berlaku. Sebahagian gangguan boleh dipulihkan secara kawalan jauh (*remote switching*), namun kebanyakannya memerlukan tindakan manual di lokasi. Pasukan Sabah Electricity perlu dihantar ke kawasan terbabit untuk melakukan kerja-kerja switching, yang memakan masa, terutamanya di lokasi jauh yang memerlukan perjalanan 30 hingga 40 minit. Jika gangguan tidak dapat dipulihkan, pasukan teknikal perlu membuat rondaan menyeluruh sepanjang talian dan setiap cabangnya bagi mengesan punca masalah, dan proses ini lazimnya mengambil masa yang panjang. Selain itu, keadaan tiang elektrik juga menjadi perhatian. Beberapa tiang berkarat atau tiang kayu yang tidak kukuh memerlukan penggantian. Maklumat aduan biasanya disalurkan melalui pejabat Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat (UPPM), dan tindakan segera akan diambil termasuk penggantian tiang kayu atau tiang berkarat kepada tiang konkrit jenis *spun concrete* yang lebih tahan lama.

- **Akses terhadap perkhidmatan kesihatan**

Di kawasan Parlimen Tuaran, terdapat sebuah hospital, enam buah klinik kesihatan, 13 buah klinik desa dan dua buah klinik komuniti¹¹ yang berfungsi untuk memberikan perkhidmatan kesihatan asas kepada penduduk setempat. Namun begitu, jumlah kemudahan kesihatan ini masih dianggap tidak mencukupi berbanding dengan keluasan kawasan dan kepadatan penduduk yang semakin meningkat. Isu ini menjadi lebih ketara di kawasan kampung yang terletak jauh dari pusat perkhidmatan kesihatan, di mana akses kepada rawatan menjadi sangat mencabar. Sebagai contoh, penduduk di Kampung Sinansag menghadapi kesukaran untuk ke klinik kesihatan terdekat, terutamanya apabila jambatan utama kampung tidak dapat dilalui semasa musim hujan, sekali gus menyukarkan pergerakan ke kawasan luar. Selain itu, penduduk Kampung Ratau terpaksa menempuh jarak yang jauh untuk mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Kampung Pukak atau di klinik yang terletak di Pekan Kiulu. Kekangan ini bukan sahaja melambatkan akses kepada rawatan, malah berisiko mengancam keselamatan dan kesejahteraan penduduk sekiranya berlaku kecemasan.

Pejabat Kesihatan Kawasan Tuaran telah memberi maklum balas berkenaan cabaran akses kesihatan di kawasan luar bandar Tuaran dan Kiulu termasuk permasalahan isu perkhidmatan klinik bergerak di beberapa kampung seperti Sinansag, Ratau, dan Pukak. Punca utama masalah ini ialah penamatan perkhidmatan flying doctor sejak tahun 2006 oleh Jabatan Kesihatan Negeri

¹¹ Department of Statistics Malaysia. *Published and Printed by Department of Statistics Malaysia*. Putrajaya: Department of Statistics Malaysia, November 2024

Sabah, yang sebelum ini menyediakan rawatan menggunakan helikopter ke kawasan pedalaman. Kini, perkhidmatan bergerak hanya dilaksanakan berdasarkan permohonan daripada Ketua Kampung kepada Pejabat Kesihatan, kemudian diajukan ke peringkat negeri. Proses penyampaian rawatan melalui klinik bergerak banyak bergantung kepada Penolong Pegawai Perubatan (PPP/MA) kerana terdapat kekangan pakar perubatan, sedangkan warga emas dan OKU yang biasanya mengambil lebih daripada tiga jenis ubat memerlukan rawatan daripada doktor pakar.

Selain itu, untuk penduduk Kampung Sinansag dan Ratau, akses perkhidmatan kesihatan bergantung kepada Klinik Desa Pukak bagi ibu hamil dan kanak-kanak bawah lima tahun, manakala orang dewasa perlu ke Klinik Kiulu. Kesan daripada keadaan ini ialah akses rawatan pakar menjadi terhad, terutamanya bagi warga emas, OKU, dan pesakit kronik, sekali gus menimbulkan isu kebergantungan pada klinik bergerak yang sumbernya terbatas. Walau bagaimanapun, terdapat juga inisiatif tambahan melalui program domisiliari, di mana lawatan rumah dilakukan oleh klinik kesihatan untuk menilai keadaan pesakit berdasarkan faktor ekonomi, sosial, serta tahap keseriusan penyakit. Kelompok fokus dalam isu ini termasuk penduduk luar bandar, khususnya warga emas, OKU, ibu hamil, dan kanak-kanak kecil, yang menghadapi cabaran besar untuk mendapatkan akses kesihatan setara dengan kawasan bandar.

- **Keadaan jalan raya yang tidak baik**

Keadaan jalan raya yang tidak baik di kawasan Parlimen Tuaran, khususnya di daerah kecil Tamparuli dan Kiulu, merupakan satu isu utama yang membimbangkan penduduk setempat. Banyak laluan utama dan jalan kampung dilaporkan berlubang dan rosak teruk, menyebabkan kesulitan kepada pengguna jalan raya terutamanya ketika musim hujan. Selain itu, terdapat juga jalan-jalan kampung yang masih belum berturap dan mempunyai cerun yang curam, seperti yang berlaku di Kampung Sinansag. Situasi ini bukan sahaja menyukarkan pergerakan harian penduduk, malah turut membahayakan keselamatan, terutamanya bagi pelajar sekolah dan petani yang bergantung kepada laluan tersebut untuk ke sekolah dan menghantar hasil pertanian ke pekan berhampiran. Kekurangan penyelenggaraan dan kelewatan dalam menaik taraf jalan telah menimbulkan rungutan berterusan daripada komuniti, yang berharap agar pihak berkuasa mengambil tindakan segera.

Jabatan Kerja Raya Tuaran sangat mengambil berat permasalahan ini dan telah mengambil tindakan mengenai permasalahan ini. Menurut wakil jabatan ini, proses yang dijalankan oleh pihak JKR Tuaran ialah dengan menghantar senarai

permohonan naik taraf jalan dan jambatan kepada beberapa agensi peringkat persekutuan, iaitu Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), KKRS, dan KKRF. Permohonan ini dikemukakan melalui Rolling Plan Ke-5 dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Sebahagian projek telah mendapat kelulusan dan sedang berjalan, manakala sebahagian lagi masih menunggu kelulusan peruntukan. Antara projek yang sedang dilaksanakan ialah naik taraf jalan Pan Borneo (WP08: Berungis – Kota Belud, dan WP09: Serusup – Pituru), serta pembinaan jambatan seperti di SK Mantob (Kiulu) yang sedang berjalan dan Kampung Bayag (Pekan Kiulu) yang dalam peringkat pengurusan. Kesan daripada kelewatan projek termasuklah ketidakselesaan pengguna jalan raya, kelewatan pembangunan, dan persepsi masyarakat terhadap keberkesanan agensi pelaksana. Walau bagaimanapun, JKR Tuaran memberi jaminan akan memantau kontraktor bagi mempercepatkan kerja-kerja yang sedang tertangguh.

- **Kekurangan fasiliti kampung**

Terdapat kekurangan infrastruktur asas di beberapa kawasan kampung, khususnya berkaitan penyediaan lampu jalan. Sebagai contoh, Kampung Sinansag tidak mempunyai sebarang kemudahan lampu jalan. Sementara itu, walaupun lampu jalan telah dipasang di Kampung Nongkolud, Kampung Giling Tengah dan beberapa kawasan kampung di Mukim Topokon, kemudahan tersebut tidak berfungsi dengan baik. Ketiadaan atau kerosakan lampu jalan ini menimbulkan risiko keselamatan, terutamanya kepada pengguna jalan raya pada waktu malam. Hal ini menjadi lebih membimbangkan kerana terdapat jalan yang sering dilalui oleh haiwan ternakan seperti kerbau. Terdapat insiden di mana pemandu terlanggar kerbau disebabkan keadaan jalan yang gelap dan tidak sempat mengelak, sekali gus menunjukkan keperluan mendesak untuk pembaikan serta penyelenggaraan lampu jalan demi keselamatan komuniti setempat.

Pihak berkaitan, termasuk Jabatan Kerja Raya (JKR) Tuaran dan Sabah Electricity, telah memberi maklum balas berhubung permasalahan lampu jalan. Menurut Jabatan Kerja Raya Tuaran, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) sentiasa membuat penilaian tahunan untuk memasang lampu jalan di kawasan yang gelap, khususnya di jalan-jalan yang berada di bawah seliaan JKR. Proses ini melibatkan pengukuran dan sebut harga bagi pelaksanaan pemasangan lampu. Namun, pelaksanaan secara menyeluruh menghadapi kekangan kos yang tinggi, menyebabkan hanya beberapa kawasan tertentu dapat dipasang lampu, manakala jalan lain, termasuk jalan Sinansag yang masih berstatus gravel, masih gelap dan belum dilengkapi lampu jalan walaupun pihak JKR telah mengambil maklum dan merancang tindakan lanjut.

Manakala menurut wakil Sabah Electricity lampu jalan di kampung-kampung diuruskan oleh Sabah Electricity (SE). Pihak Unit Perancangan Pembangunan Masyarakat (UPPM) sentiasa memantau keperluan pembaikan lampu sedia ada dan menyalurkannya kepada SESB untuk tindakan lanjut. Bagi projek lampu jalan baru, ia dikendalikan di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan (KKDW) melalui program berkala yang dikeluarkan setiap beberapa tahun. Pada masa ini, terdapat satu pakej projek lampu jalan yang sedang dibincangkan di Grandis Hotel, Kota Kinabalu, tetapi proses tender masih belum dijalankan. Pihak UPPM dimaklumkan dan bersedia memantau pelaksanaan sehingga siap.

Isu berkaitan keadaan jambatan di beberapa kampung dikenal pasti sebagai salah satu cabaran utama infrastruktur yang menjejaskan keselamatan dan kelancaran pergerakan penduduk setempat. Di Kampung Ratau, dua jambatan gantung utama berada dalam keadaan uzur dan tidak selamat untuk digunakan, meskipun ia merupakan laluan penting bagi penduduk menyeberangi sungai untuk menjalankan aktiviti harian seperti ke sekolah, ke kebun, atau ke tempat kerja. Di Kampung Linsuk pula, jambatan kayu yang digunakan berada dalam keadaan usang dan berisiko tinggi untuk runtuh, terutamanya ketika musim hujan. Selain itu, jambatan jenis *low-level crossing* di Kampung Sinansag kerap dinaiki air, menyebabkan gangguan pergerakan penduduk dan meningkatkan risiko keselamatan. Situasi yang lebih kritikal dapat dilihat di Kampung Lubok, di mana jambatan rendah yang dalam proses pembinaan telah dihentikan dan kini dibiarkan dalam keadaan terhakis, sekaligus mengundang bahaya kepada komuniti. Di Kampung Layan, jambatan kayu yang menghubungkan rumah-rumah atas air juga berada dalam keadaan daif dan jarang diselenggara. Penduduk terpaksa mengumpul dana secara persendirian dan mengupah tukang untuk membaiki jambatan dengan memotong kayu secara manual. Namun, kekurangan sumber kewangan menyebabkan kerja-kerja penyelenggaraan tidak dapat dilakukan secara berkala.

Permasalahan ini turut diambil perhatian oleh pihak Pejabat Daerah Tuaran. Menurut Penolong Jurutera Tamparuli punca utama permasalahan ini ialah ketiadaan peruntukan tetap di Pejabat Daerah untuk pembinaan dan penyelenggaraan, menyebabkan setiap permohonan JKK terpaksa dirujuk ke JK Kewangan dan hanya sebahagian kecil diluluskan. Proses pengurusan memerlukan kelulusan dan bergantung kepada bajet persekutuan atau negeri, sedangkan kos pembinaan jambatan boleh mencecah ratusan ribu hingga jutaan ringgit. Kesan yang timbul ialah kerosakan jambatan yang kerap digunakan, seperti di Labuaya, tidak dapat dibaiki dengan kerap kerana peruntukan penyelenggaraan sangat terhad, walhal jambatan tersebut menghubungkan

ramai penduduk luar bandar dengan pekan dan menjadi laluan ekonomi serta sosial penting.

Wakil Pejabat Daerah Kecil Tamparuli telah memberikan maklum balas mengenai cabaran dalam penyaluran peruntukan pembangunan daripada kerajaan persekutuan. Menurut beliau, isu utama berpunca daripada ketidakselarasan prosedur antara kementerian di peringkat persekutuan dan negeri. Kadangkala, dana ingin disalurkan terus ke Pejabat Daerah, namun Pejabat Daerah tidak mempunyai akaun rasmi kerana terikat dengan tatacara kewangan negeri yang menetapkan semua kemasukan dana perlu melalui Kementerian Kewangan dan Bendahari Negeri Sabah. Akibatnya, walaupun terdapat peruntukan daripada kementerian persekutuan, dana tidak dapat disalurkan segera kerana wujud perbezaan prosedur antara kedua-dua pihak. Sebagai langkah sementara, Pejabat Daerah hanya boleh menggunakan akaun amanah atau meminta pihak persekutuan berhubung terus dengan bendahari negeri bagi memastikan aliran dana selaras dengan tatacara kewangan. Kelemahan penyelarasan ini memberi kesan kepada kelambatan pelaksanaan projek pembangunan di daerah, menimbulkan persepsi seolah-olah Pejabat Daerah menolak peruntukan, serta meningkatkan risiko integriti jika pegawai menerima dana secara tidak sah.

Jadual 18. Ringkasan Isu 5

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Gangguan dan keterbatasan bekalan air paip kerajaan 2. Gangguan bekalan elektrik, infrastruktur usang dan risiko keselamatan 3. Akses terhad kepada perkhidmatan kesihatan 4. Keadaan jalan raya yang tidak baik 5. Kekurangan fasiliti kampung
Cadangan	1. Pengedaran tangki simpanan air di rumah-rumah dan pemasangan sistem tadahan air hujan di kawasan yang sering terputus bekalan. 2. Pemasangan lampu solar di kawasan kritikal (laluan utama kampung dan sekitar rumah) sebagai alternatif sementara. 3. Latihan asas kesihatan kepada sukarelawan tempatan sebagai “penjaga kesihatan komuniti”.

	4. Pembangunan struktur serba guna bersifat modular (seperti kabin mudah alih) untuk kegunaan sementara balai raya, pusat komuniti atau ruang aktiviti penduduk.
Kumpulan Sasaran	Masyarakat setempat
Kawasan	Kg. Sinansag, Kg Ratau, Kg. Lubok, Kg. Kindu, Kg. Layan, Kg. Nongkolud, Kg. Giling Tengah, Kg. Linsuk, Mukim Tenghilan, Mukim Topokon, Kg. Kouluan
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
Matlamat 3: Kehidupan sihat dan sejahtera	Sasaran 3.1: Mengurangkan kematian bersalin Sasaran 3.6: Mengurangkan kecederaan dan kematian jalan raya Sasaran 3.8: Mencapai perlindungan kesihatan sejagat
Matlamat 6: Air bersih dan sanitasi	Sasaran 6.1: Air minuman yang selamat dan berpatutan Sasaran 6.3: Meningkatkan kualiti air, rawatan air sisa dan penggunaan semula yang selamat Sasaran 6.6: Melindungi dan memulihkan ekosistem berkaitan air Sasaran 6.b: Menyokong penglibatan tempatan dalam pengurusan air dan sanitasi
Matlamat 7: Tenaga bersih dan mampu milik	Sasaran 7.1: Akses sejagat terhadap tenaga moden Sasaran 7.3: Gandakan peningkatan kecekapan tenaga
Matlamat 9: Industry, inovasi dan infrastruktur	Sasaran 9.1: Membangunkan infrastruktur yang mampan, berdaya tahan dan inklusif Sasaran 9.4: Menaik taraf semua industri dan infrastruktur untuk kemampanan
Matlamat 11: Bandar dan komuniti yang mampan	Sasaran 11.1: Perumahan yang selamat dan mampu milik

	Sasaran 11.2: Sistem pengangkutan yang berpatutan dan mampan Sasaran 11.3: Perbandaran inklusif dan mampan
--	--

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Jadual 19. Pengenalpastian Projek Penyelesaian

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Tajuk Projek	Implementing a Community Zero Waste program in Kg Gerinsing, Tuaran, Sabah	Transformasi Ekonomi Desa Melalui Agropreneur Cendawan & Latihan Kemahiran Hijau	Agrointegrasi : Meningkatkan Pendapatan melalui Pisang dan Ikan Keli
SDG Berkaitan	SDG 1, 5, 8, 10	SDG 3, 11, 12, 13	SDG 3, 4, 8, 10
Objektif	• Menubuhkan sistem pengurusan sisa komuniti yang mampan di Kg. Gerinsing berasaskan prinsip sifar sisa. • Meningkatkan kapasiti masyarakat melalui latihan dan penglibatan aktif dalam pengasingan, pengkomposan, dan pengurusan kemudahan MRF. • Mengurangkan pencemaran alam sekitar dan risiko kesihatan melalui pengurangan pembuangan terbuka dan pembakaran sisa.	• Memperkasa komuniti luar bandar Tamparuli (belia, wanita B40, usahawan kecil, dan petani) melalui agro-industri cendawan yang mampan. • Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran teknikal peserta dalam penanaman, pemprosesan, serta kawalan iklim berasaskan teknologi AI. • Mengembangkan peluang pasaran dan mewujudkan model perniagaan koperasi yang berdaya tahan untuk pembangunan luar bandar berasaskan komuniti.	• Memperkasa ahli koperasi Kiulu melalui peningkatan kemahiran dalam penanaman pisang dan penternakan ikan keli yang mampan. • Menggalakkan amalan pertanian organik serta memperkukuh daya tahan ekonomi komuniti melalui pelbagai sumber pendapatan. • Mewujudkan kerjasama strategik dengan agensi berkaitan untuk memastikan sokongan teknikal, pemasaran, dan

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
			kemampuan jangka panjang.
Hasil Jangkaan	• Terbentuknya sistem pengurusan sisa komuniti sifar sisa yang beroperasi di Kg. Gerinsing, dengan penglibatan JKKK dan masyarakat setempat. • Peningkatan tahap kesihatan dan kebersihan persekitaran melalui pengurangan pencemaran akibat pembuangan terbuka dan pembakaran sampah.	• Penubuhan Pusat Latihan Komuniti Hijau-Biru dan asas Hab Cendawan Borneo yang berdaya saing. • Peningkatan pendapatan peserta melalui pengeluaran cendawan eksotik bernilai tinggi dan produk nilai tambah, disokong oleh model koperasi serta akses pasaran yang lebih kukuh.	• Peningkatan hasil pertanian pisang dan ternakan ikan keli dengan kualiti lebih baik serta pasaran yang lebih luas. • Terwujudnya komuniti koperasi yang berdaya tahan dengan aliran pendapatan pelbagai, disokong oleh amalan pertanian organik dan kerjasama kukuh bersama agensi.
Organisasi	• Zero Waste Sabah	• Allyssa Certification Sdn Bhd	• Koperasi Tuaran Aspirasiku Berhad
Aktiviti	• Menjalankan tinjauan garis dasar, penilaian sisa, dan latihan WABA. • Melaksanakan latihan berfokus kepada kesedaran sifar sisa, pengasingan, pengkomposan, dan sistem pengurusan komuniti. • Membentuk pasukan petugas,	• Penglibatan Komuniti: Taklimat, mobilisasi, pemilihan peserta. • Pembinaan Kapasiti: Latihan penanaman cendawan, penyediaan medium, pembinaan rumah cendawan, pengenalan spesies, kawalan iklim AI, dan	• Latihan penternakan ikan keli, penanaman pisang, pembuatan pelet ikan, serta amalan pertanian mampan. • Dua lawatan tapak (ladang ikan dan pisang), sesi penyelesaian masalah, dan pengumpulan data untuk menilai prestasi.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
	menubuhkan MRF, melaksanakan kempen kesedaran, serta menyediakan pelan pengurusan sisa dan jadual pengumpulan.	pemprosesan produk. - Pembangunan Pasaran: Penglibatan dengan pasaran, pembentukan komuniti agro, dan perancangan perniagaan. - Penutupan: Peningkatan produk dan forum akhir.	- Taklimat bersama FAMA dan agensi lain, perbincangan mengenai strategi pemasaran dan kelestarian projek. - Penilaian akhir projek dan majlis penutup bagi mengiktiraf pencapaian peserta.
Jumlah (RM)	RM40,000	RM40,000	RM40,000
Lokasi	Kg. Gerinsing, Tuaran	Kg Rongolis, Tamparuli, Tuaran	Kiulu, Tuaran
Tempoh	3 bulan dan 6 bulan pemantauan	3 bulan dan 6 bulan pemantauan	3 bulan dan 6 bulan pemantauan

6.0 RUJUKAN

Awang, S. A. M., et al. "Environmental Impacts of Rubber Plantation Expansion in Tropical Regions: A Case Study in Malaysia." *Malaysian Journal of Environmental Management* 22, no. 1 (2021).

"Banjir Kilat di Tuaran: 12 Penduduk Dipindahkan." *Berita Harian*, June 8, 2024. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/06/1254721/banjir-kilat-di-tuaran-12-penduduk-dipindahkan>.

Department of Statistics Malaysia. *Published and Printed by the Department of Statistics Malaysia*. Putrajaya: Department of Statistics Malaysia, February 2022.

Department of Statistics Malaysia. *Published and Printed by the Department of Statistics Malaysia*. Putrajaya: Department of Statistics Malaysia, November 2024.

Hasrul Wayne. "20 Aktiviti Tempat Menarik Di Tuaran Tamparuli Kiulu Sabah." *Melancong.my*, September 2, 2024. <https://www.melancong.com.my/tempat-menarik-di-tuaran-tamparuli-kiulu/>.

Jabatan Pertanian Sabah. *Keluasan (Hektar) Tanaman Mengikut Daerah dan Kategori, Sabah, 2022*. Sabah: Jabatan Pertanian Sabah, 2022.

Sabah Fisheries Department. *Anggaran Pengeluaran Akuakultur daripada Sistem Ternakan Air Payau Mengikut Daerah, 2022, Jadual 14.2*. Sabah, Malaysia: Sabah Fisheries Department, 2022.

Media Permata. "Penduduk Mohon Projek Lebuhraya Pan Borneo Dipantau Elak Jadi Punca Banjir." June 5, 2024. <https://mediapermata.com.bn/penduduk-mohon-projek-lebuhraya-pan-borneo-dipantau-elak-jadi-punca-banjir/>.

Harian Metro. "Najis Ternakan Babi Cemar Sungai Tamparuli." April 4, 2024. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1076392/najis-ternakan-babi-cemar-sungai-tamparuli>.

Media Permata. "JPAS Siasat Dakwaan Sungai Tuaran Tercemar." April 8, 2024. <https://mediapermata.com.bn/jpas-siasat-dakwaan-sungai-tuaran-tercemar/>.

Sinar Harian. "Kota Kinabalu, Penampang, Tuaran Dilanda Banjir Kilat." November 6, 2021. <https://www.sinarharian.com.my/article/162526/edisi/kota-kinabalu-penampang-tuaran-dilanda-banjir-kilat>.

Parlimen Malaysia. "YB Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau." Last modified December 12, 2024. <https://www.parlimen.gov.my/portal/profile-ahli.html?uweb=dr&id=4209>



APPGM-SDG

MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPAHAN



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

📍 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ secretariat@appgm-sdg.com

🌐 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>